Minda dan emosi memainkan peranan penting dalam kehidupan seseorang. Minda yang **tenang** dapat membantu kita berfikir secara rasional, manakala emosi yang **stabil** membolehkan kita membuat keputusan yang bijak. Namun begitu, setiap individu pasti akan menghadapi masalah yang boleh mengganggu keseimbangan minda dan emosi. Jika tidak ditangani dengan baiknya, tekanan ini boleh menjejaskan kesihatan mental dan hubungan dengan orang sekeliling.

Terdapat beberapa cara yang boleh dilakukan untuk menangani masalah dengan baiknya. Antaranya adalah dengan **berkongsi** masalah dengan orang yang dipercayai seperti ibu bapa, guru, atau rakan rapat. Selain itu, seseorang perlu belajar **mengawal** emosi dengan bertenang dan tidak bertindak secara **terburu-buru**. Aktiviti seperti bersenam, beriadah, atau melakukan **hobi** juga dapat membantu kita menenangkan fikiran. Di samping itu, amalan berdoa dan mendekatkan diri kepada Tuhan mampu memberikan **ketenangan** jiwa.

Kesimpulannya, **pengurusan** minda dan emosi yang baik amat penting dalam menghadapi **cabaran** hidup. Dengan mengamalkan sikap yang **positif** dan tindakan yang bijak, setiap masalah pasti dapat diatasi dengan lebih mudah dan berkesan.

Perkataan	Maksud
1. tenang	tidak gelisah atau tidak resah
2. stabil	tetap atau tidak berubah-ubah
3. berkongsi	menceritakan atau membahagikan sesuatu dengan orang lain
4. mengawal	menguasai atau menahan sesuatu daripada bertindak bebas
5. terburu-buru	melakukan sesuatu dengan cepatnya tanpa berfikir panjang
6. hobi	aktiviti yang dilakukan pada waktu lapang untuk keseronokan
7. ketenangan	keadaan aman dan damai
8. pengurusan	cara mengendalikan atau mengatur sesuatu
9. cabaran	dugaan atau perkara sukar yang perlu dihadapi
10. positif	sikap yang baik dan yakin terhadap sesuatu

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

Bonus PdPc Praktis i-THINK Tema 2

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Aspek Tatabahasa

Buku Teks: 30

A **Isi tempat kosong dengan penjodoh bilangan yang sesuai.** SP 5.1.1

ekor | biji | batang | utas | helai

1. Encik Rahman membeli beberapa biji durian tembaga untuk dijual di gerainya.
2. Ibu menghadiahkan se utas rantai emas kepada kakak bersempena dengan hari lahirnya.
3. Seorang nelayan berjaya menangkap se ekor ikan yang sangat besar di laut dalam.
4. Di atas meja itu, terdapat beberapa helai kertas yang perlu ditandatangani oleh guru besar.
5. Ayah menanam se batang pokok mangga di halaman rumah sebagai tanaman hiasan dan sumber buah-buahan.

B **Bulatkan penjodoh bilangan yang betul berdasarkan ayat yang diberikan.**

1. Ayah menghadiahi se_____ cincin kepada ibu.
   A keping B kuntum (C) bentuk
2. Lori itu melanggar se_____ lembu milik Pak Abu malam tadi.
   A bentuk (B) ekor C keping
3. Budak itu membeli beberapa _____ roti di kedai runcit.
   (A) keping B bidang C bentuk
4. Kakak membeli se_____ bunga ros di kedai bunga itu.
   A butir (B) kuntum C pasang
5. Se_____ kapal terbang sedang mendarat di lapangan terbang.
   A bentuk B ekor (C) buah

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

Bonus PdPc Nota Penjodoh Bilangan

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Tarikh: _____

TEMA 2: Kesihatan dan Kebersihan

UNIT 5

Kebersihan Asas Kesejahteraan

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Buku Teks: 31

Dengar dialog yang diujarkan. Kemudian, tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (✗) pada pernyataan yang salah berdasarkan dialog yang didengar.

TRACK 4

SP 1.1.2

1. Amir dan Danish berpendapat bahawa kelas mereka pada hari ini membosankan. ✗

2. Mereka menjalankan eksperimen semasa mata pelajaran kelas Sains. ✓

3. Danish terus memahami topik pecahan tanpa sebarang masalah. ✗

4. Aktiviti berkumpulan membantu mereka memahami pelajaran dengan lebih baik. ✓

5. Mereka tidak menyukai mata pelajaran Bahasa Melayu pada hari itu. ✗

6. Amir dan Danish bercadang untuk menyiapkan kerja sekolah bersama-sama. ✓

MENGUASAI (✓) TP1 TP2 TP3 TP4 TP5 TP6

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kemahiran Membaca

Buku Teks: 32

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan. SP 2.1.1

Pada cuti sekolah yang lalu, Amir membantu ayahnya di sebuah kedai runcit kecil yang terletak berhampiran dengan rumah mereka. Setiap pagi, Amir akan bangun awal untuk membuka kedai bersama ayahnya. Dia menyusun barang-barang di rak dengan teraturnya seperti makanan ringan, minuman, dan barang-barang keperluan harian yang lain. Selain itu, Amir menyapu lantai dan memastikan kedai sentiasa bersih.

Apabila pelanggan datang, Amir melayan mereka dengan sopannya dan sentiasa tersenyum. Dia membantu pelanggan mengambil barang yang diperlukan dan mengira bayaran dengan telitinya. Walaupun pada mulanya Amir berasa penat, namun dia tetap berusaha untuk melakukan tugas tersebut dengan baiknya. Ayah Amir berasa sangat bangga melihat sikap rajin dan bertanggungjawab yang ditunjukkan oleh Amir.

Melalui pengalaman tersebut, Amir belajar banyak perkara baharu seperti pentingnya disiplin, kerjasama, dan menghargai usaha mencari rezeki. Dia juga sedar bahawa membantu ibu bapa adalah satu tanggungjawab yang mulia. Sejak itu, Amir berjanji akan terus membantu ayahnya setiap kali mempunyai masa lapang.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

1. Di manakah Amir membantu ayahnya?
   Amir membantu ayahnya di kedai runcit.

2. Apakah yang dilakukan oleh Amir pada setiap pagi?
   Amir akan membuka kedai runcit bersama ayahnya.

3. Bagaimanakah Amir melayan pelanggan?
   Amir melayan mereka dengan sopannya dan sentiasa tersenyum.

4. Apakah perasaan ayah Amir terhadapnya?
   Ayah Amir berasa sangat bangga terhadapnya.

5. Apakah pengajaran yang diperoleh oleh Amir daripada pengalaman itu?
   Pengajaran yang diperoleh oleh Amir daripada pengalaman itu ialah disiplin, kerjasama, dan menghargai usaha mencari rezeki sangat penting. Selain itu, Amir sedar bahawa membantu ibu bapa adalah satu tanggungjawab yang mulia.

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kemahiran Menulis

Buku Teks: 33

Baca teks di bawah ini dan murnikan teks dari segi ejaan, tanda baca, kosa kata, imbuhan, dan struktur ayat. SP 3.3.2

menjaga kebersihan diri amat penting untuk semua orang terutamanya murid murid sekolah. jika kita tidak menjaga kebersihan badan kita akan mudah dijangkiti penyakit dan kelihatan tidak kemas.

setiap hari kita mesti mandi sekurang kurang nya dua kali sehari supaya badan sentiasa bersih dan segar. kita juga perlu menggosok gigi pada waktu pagi dan malam agar gigi tidak rosak dan tidak berbau busuk

selain itu kuku jari kaki dan jari tangan hendak lah dipotong supaya kotoran tidak berkumpul di celah celah kuku. rambut juga mesti di sikat dengan rapinya supaya kelihatan kemas dan cantik

kita juga harus memakai pakaian yang bersih tetapi ramai murid tidak mengambil berat tentang perkara ini. Oleh itu mereka pakai baju kotor ke sekolah kerana tidak basuh dengan betulnya

Oleh itu semua orang mesti lah menjaga kebersihan diri supaya hidup lebih sihat dan orang lain senang berkawan dengan kita

Menjaga kebersihan diri amat penting untuk semua orang terutamanya murid-murid sekolah. Jika kita tidak menjaga kebersihan badan, kita akan mudah dijangkiti penyakit dan kelihatan tidak kemas.

Setiap hari, kita mesti mandi sekurang-kurangnya dua kali sehari supaya badan sentiasa bersih dan segar. Kita juga perlu menggosok gigi pada waktu pagi dan malam agar gigi tidak rosak dan mulut tidak berbau busuk.

Selain itu, kuku jari kaki dan jari tangan hendaklah dipotong supaya kotoran tidak berkumpul di celah-celah kuku. Rambut juga mesti disikat dengan rapinya supaya kelihatan kemas dan cantik.

Kita juga harus memakai pakaian yang bersih tetapi ramai murid tidak mengambil berat tentang perkara ini. Oleh itu, mereka memakai baju kotor ke sekolah kerana tidak dibasuh dengan betulnya.

Oleh itu, semua orang mestilah menjaga kebersihan diri supaya hidup lebih sihat dan orang lain senang berkawan dengan kita.

MENGUASAI (✓) TP1 TP2 TP3 TP4 TP5 TP6

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Tarikh: _____

UNIT 6

TEMA 2: Kesihatan dan Kebersihan

Bersih Selalu, Sihat Sentiasa

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Buku Teks: 37

TRACK 5

Lengkapkan dialog di bawah berdasarkan petikan poster yang diperdengarkan.

SP 1.1.2

Aina: Wah, poster itu sangat menarik! Poster itu mengandungi banyak tip tentang penjagaan kebersihan gigi.

Hakim: Ya. Saya suka akan maklumat yang disampaikan itu. Poster itu juga ada menerangkan enam cara yang boleh dilakukan untuk menjaga gigi dengan betulnya.

Aina: Antara cara tersebut ialah kita perlu menggosok gigi dua kali sehari.

Hakim: Betul. Kita perlu menggosok gigi pada waktu pagi, iaitu selepas sarapan dan pada waktu malam, iaitu sebelum tidur supaya gigi tidak rosak.

Aina: Poster ini juga menerangkan bahawa kita perlu menggunakan ubat gigi berfluorida.

Hakim: Ya, tindakan itu penting untuk menguatkan gigi dan mencegah kaviti.

Aina: Kita juga mesti mengurangkan makan makanan manis.

Hakim: Betul cakap kamu kerana gula boleh menyebabkan gigi berlubang kalau makan terlalu banyak.

Aina: Jangan lupa, kita mesti berkumur selepas makan.

Hakim: Kita juga perlu berjumpa dengan doktor gigi secara berkala.

Aina: Banyaknya ilmu yang kita dapat daripada poster ini.

Hakim: Betul. Jadi, selepas ini, kita mestilah menjaga kesihatan gigi dengan lebih baik.

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kemahiran Membaca

Buku Teks: 38

Baca dan fahami bahan di bawah ini. Kemudian, baca teks dan buat rumusan. SP 2.2.1 KBAT Menganalisis

Bahan Tambahan dalam Makanan

Bahan tambahan dalam makanan ialah bahan yang ditambah ke dalam makanan untuk menambahkan rasa, warna, bau, atau untuk memanjangkan tempoh penyimpanan makanan. Dalam kehidupan seharian, kita sering menggunakan bahan tambahan makanan tanpa disedari.

Antara bahan tambahan dalam makanan yang biasa digunakan ialah garam, gula, dan cuka. Garam digunakan untuk memberikan rasa masin dan menambah keenakan makanan seperti sup dan ikan goreng. Gula pula digunakan untuk menambahkan rasa manis dalam minuman dan kuih-muih. Cuka pula digunakan untuk memberikan rasa masam dan membantu untuk mengekalkan makanan supaya tahan lebih lama.

Selain itu, terdapat bahan tambahan dalam makanan seperti pewarna makanan dan perisa. Pewarna makanan digunakan supaya makanan kelihatan lebih menarik seperti kek dan minuman berwarna-warni. Perisa pula digunakan untuk menambahkan aroma dan rasa makanan seperti perisa vanila atau coklat.

Walaupun bahan tambahan dalam makanan ini penting dalam masakan, namun kita perlu menggunakannya dalam kuantiti yang sederhana. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan yang berlebihan boleh memudaratkan kesihatan seperti menyebabkan penyakit darah tinggi atau kencing manis.

Oleh itu, kita haruslah bijak semasa menggunakan bahan tambahan dalam makanan agar dapat menikmati makanan yang sedap dan menjaga kesihatan diri.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahan tambahan dalam makanan ialah bahan yang digunakan dalam masakan untuk menambahkan rasa, warna, bau, dan memanjangkan tempoh penyimpanan makanan. Antara contoh bahan tambahan dalam makanan yang biasa digunakan ialah garam, gula, cuka, pewarna, dan perisa. Bahan ini menjadikan makanan lebih sedap dan menarik. Namun, penggunaan bahan tambahan dalam makanan perlu dikawal kerana penggunaan yang berlebihan boleh menjejaskan kesihatan seperti penyakit darah tinggi dan kencing manis. Oleh itu, penggunaan bahan tambahan dalam makanan secara bijak dan dalam kuantiti yang sederhana amat penting untuk menjaga kesihatan diri.

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kemahiran Menulis

Buku Teks: 39

Tulis perenggan yang dituliskan dengan tulisan tebal yang diimlakkan oleh rakan kamu. SP 3.2.4

Kebersihan kelas merupakan satu aspek penting dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang selesa dan kondusif. Kelas yang bersih dapat membantu murid belajar dengan lebih fokus tanpa gangguan seperti bau yang tidak menyenangkan atau sampah yang berselerak.

Selain itu, menjaga kebersihan kelas dapat mengelakkan pembiakan kuman dan penyakit. Apabila kelas sentiasa bersih, kesihatan murid lebih terjamin dan risiko untuk murid jatuh sakit dapat dikurangkan. Tindakan ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kehadiran murid ke sekolah.

Di samping itu, kelas yang bersih dapat mencerminkan sikap bertanggungjawab dan kerjasama dalam kalangan murid. Apabila semua murid bekerjasama dalam menjaga kebersihan, suasana kelas menjadi lebih harmoni dan teratur.

Kesimpulannya, menjaga kebersihan kelas adalah sangat penting kerana dapat memberikan manfaat kepada kesihatan, pembelajaran, dan pembentukan disiplin murid. Setiap murid perlu memainkan peranan masing-masing untuk memastikan kelas sentiasa bersih dan ceria.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Selain itu, menjaga kebersihan kelas dapat mengelakkan pembiakan kuman dan penyakit. Apabila kelas sentiasa bersih, kesihatan murid lebih terjamin dan risiko untuk murid jatuh sakit dapat dikurangkan. Tindakan ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kehadiran murid ke sekolah.

KUIZ GAMIFIKASI

Kuiz 1

MENGUASAI (✓) TP1 TP2 TP3 TP4 TP5 TP6

Tarikh: _____

UNIT 7

TEMA 3: Keselamatan

Sentiasa Peka

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Buku Teks: 48 – 49

Dengar perbualan dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan dan tuturkan. SP 1.1.2

TRACK 6

Dialog 1



Dialog 2



MENGUASAI (✓) TP1 TP2 TP3 TP4 TP5 TP6

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Tarikh: _____

Kemahiran Menulis

Buku Teks: 52

Aktiviti gotong-royong mempunyai banyak kelebihan. Tulis sebuah karangan tentang "Kebaikan-kebaikan Aktiviti Gotong-royong". Panjangnya jawapan kamu hendaklah antara 80 hingga 120 patah perkataan. SP 3.2.1 KBAT Mencipta

Kebaikan-kebaikan Aktiviti Gotong-royong

Gotong-royong ialah aktiviti yang dilakukan secara bekerjasama untuk membersihkan atau mengemas sesuatu tempat. Aktiviti gotong-royong di dalam kelas amat penting dan memberikan banyak kebaikan kepada murid-murid.

Antara kebaikan aktiviti gotong-royong di dalam kelas adalah dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang bersih dan selesa. Kelas yang bersih akan membuatkan murid lebih selesa untuk belajar dan dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran. Bilik darjah yang kemas juga dapat mengelakkan pembiakan kuman dan penyakit.

Seterusnya, aktiviti gotong-royong dapat memupuk semangat kerjasama dalam kalangan murid. Apabila murid bekerjasama semasa membersihkan kelas, mereka belajar untuk saling membantu dan menghargai usaha rakan-rakan. Sikap ini penting untuk diamalkan dalam kehidupan seharian.

Akhir sekali, aktiviti gotong-royong dapat mendidik murid supaya bertanggungjawab menjaga kebersihan kelas masing-masing. Murid akan lebih prihatin terhadap kebersihan dan tidak membuang sampah di merata-rata tempat.

Kesimpulannya, gotong-royong di dalam kelas memberikan banyak kebaikan kepada murid. Oleh itu, semua murid hendaklah sentiasa melibatkan diri dalam aktiviti gotong-royong demi mewujudkan kelas yang bersih, ceria, dan selesa.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Aspek Tatabahasa

Buku Teks: 54

A **Isi tempat kosong dengan kata tugas yang sesuai.** SP 5.1.4

di | ke | sama ada | daripada | Jika | akan | selama | atau | kerana | walaupun | Adakah

VIDEO

Kata Sendi Nama

1. Amir pergi ke sekolah pada pukul 7:00 pagi.
2. Buku itu diletakkan di atas meja oleh cikgu.
3. Saya akan datang ke pesta itu sama ada hari ini atau esok.
4. Mereka tidak hadir kerana sakit.
5. Adakah kamu suka makan nasi lemak atau roti canai?
6. Dia tetap meneruskan perjalanan walaupun hujan lebat.
7. Kami menunggu bas selama hampir satu jam.
8. Jika dia rajin belajar, dia pasti akan berjaya.
9. Rumah itu lebih besar daripada rumah saya.
10. Ali akan pergi ke perpustakaan pada petang ini.

Bonus PdPc Praktis i-THINK Tema 3

B **Pilih jawapan yang sesuai dengan ayat di bawah in.** SP 5.2.2

VIDEO

Kata Hubung

1. Mereka tidak dapat hadir _____ hujan lebat.
   A jika
   B supaya
   C kerana
   D walaupun

2. Ahmad belajar bersungguh-sungguh _____ berjaya dalam peperiksaan.
   A sambil
   B tetapi
   C agar
   D lalu

3. _____ kamu sudah menyiapkan kerja sekolah itu?
   A Bilakah
   B Adakah
   C Bagaimanakah
   D Mengapakah

4. Dia tetap pergi ke sekolah _____ tidak sihat.
   A jika
   B kerana
   C supaya
   D walaupun

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Tarikh: _____

TEMA 3: Keselamatan

UNIT 8

Sentiasa Berhati-hati

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Buku Teks: 55

TRACK 7

Bersoal jawab dengan rakan anda berdasarkan bahan di bawah untuk membuat rumusan. SP 1.2.1

Nyatakan cara-cara menjaga keselamatan diri di sekolah.

Sentiasa mengikut peraturan sekolah.

Jangan berlari di koridor.

Berhati-hati semasa menaiki dan menuruni tangga.

Memegang pemegang tangga supaya lebih selamat.

Kita tidak boleh bercakap dengan orang yang tidak dikenali di kawasan sekolah.

Laporkan situasi yang berlaku kepada guru jika ternampak orang yang mencurigakan.

Kita perlu sentiasa bersama kawan.

Jangan bersendirian di tempat yang sunyi.

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kemahiran Membaca

Buku Teks: 56 – 57

Baca cerita di bawah ini. Kemudian, analisis cerita tersebut dan buat ramalan. SP 2.3.1 KBAT Menganalisis

Bayang di Koridor Sekolah

Pada suatu pagi, suasana di Sekolah Kebangsaan Seri Murni kelihatan seperti biasa. Murid-murid berjalan ke kelas sambil berbual dan ketawa. Namun, bagi Daniel, setiap hari terasa berat untuk dirinya menjalani rutin harian itu.

Daniel ialah seorang murid yang pendiam. Sejak awal tahun, dia sering menjadi sasaran buli oleh sekumpulan murid yang diketuai oleh Rizal. Mereka suka mengejek cara Daniel bercakap dan kadangkala menyembunyikan barangnya.

Pada suatu hari, semasa waktu rehat, Daniel duduk bersendirian di kantin. Tiba-tiba, Rizal dan rakan-rakannya datang seraya menghampiri Daniel.

"Eh, si pendiam! Duduk sorang-sorang lagi?" kata Rizal sambil ketawa.

Seorang rakan Rizal mengambil beg Daniel dan meletakkannya di atas meja lain. Daniel hanya mampu menunduk dan tidak berani melawan.

Namun, kejadian itu disaksikan oleh Aisyah, rakan sekelas Daniel. Dia berasa tidak puas hati melihat perkara yang berlaku itu. Tanpa berlengah, Aisyah segera berjumpa dengan guru disiplin. Tidak lama kemudian, guru tersebut datang ke kantin dan menegur Rizal serta rakan-rakannya. Mereka dibawa ke bilik disiplin untuk siasatan lanjut.

Selepas kejadian itu, Rizal dan rakan-rakannya dikenakan tindakan disiplin. Mereka juga diminta memohon maaf daripada Daniel secara terbuka. Daniel berasa lega kerana akhirnya ada pihak yang membantunya.

Aisyah menghampiri Daniel dan berkata, "Kalau ada apa-apa, beritahu saya atau guru. Kamu tidak keseorangan."

Sejak hari itu, Daniel mula berani bersuara dan bergaul dengan lebih ramai rakan. Kejadian itu menjadi pengajaran kepada semua murid bahawa buli bukan sahaja menyakitkan, tetapi perbuatan yang salah dan tidak boleh dibiarkan. Kita mestilah berani menentang perbuatan buli dan sentiasa membantu rakan yang memerlukan.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

1. Di manakah lokasi kejadian buli itu berlaku?
   Kejadian buli itu berlaku di kantin sekolah.

2. Nyatakan sikap Daniel.
   Daniel merupakan seorang yang pendiam dan tidak berani melawan.

3. Apakah tindakan Daniel apabila dibuli oleh Rizal dan rakan-rakannya?
   Daniel hanya menunduk dan tidak berani melawan ketika dibuli oleh Rizal dan rakan-rakannya.

4. Apakah ramalan anda tentang perkara yang akan berlaku jika Daniel melaporkan kes itu kepada guru?
   Pembuli akan dikenakan tindakan disiplin dan kejadian buli dapat dihentikan serta Daniel akan berasa lebih selamat.

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kemahiran Menulis

Buku Teks: 58

Keselamatan semasa melakukan aktiviti di padang perlu diberikan perhatian oleh semua orang. Berdasarkan isi-isi di bawah ini, tulis ulasan tentang keselamatan semasa melakukan aktiviti di padang dalam satu perenggan. SP 3.3.1 *i-THINK* Peta Buih



Antara keselamatan yang boleh dilakukan semasa melakukan aktiviti di padang ialah murid hendaklah memakai pakaian dan kasut yang sesuai supaya pergerakan lebih selesa dan selamat. Selain itu, aktiviti pemanasan badan sebelum bersukan amat penting untuk mengurangkan risiko kekejangan otot. Murid juga perlu sentiasa mengikut arahan guru atau jurulatih bagi memastikan aktiviti dijalankan dengan teraturnya. Di samping itu, murid perlu berhati-hati dengan keadaan persekitaran padang seperti permukaan yang licin atau berlubang bagi mengelakkan kemalangan. Semua langkah ini wajar diamalkan demi menjamin keselamatan sepanjang aktiviti dijalankan.

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Aspek Tatabahasa

Buku Teks: 61 – 62

Pilih kata penegas yang paling sesuai. SP 5.1.4

1. Dia _____ yang melakukan kesalahan itu.
   A sahaja
   B juga
   (C) -lah
   D pun

2. Buku ini _____ saya pinjam daripada perpustakaan.
   A -kah
   B sahaja
   (C) -lah
   D -tah

3. Saya _____ tidak bersetuju dengan cadangan itu.
   A -tah
   (B) pun
   C -lah
   D -kah

4. Ada _____ awak datang lewat lagi hari ini?
   A -lah
   (B) -kah
   C pun
   D juga

5. Dia _____ ingin membantu rakannya yang dalam kesusahan.
   (A) pun
   B -lah
   C -kah
   D -tah

6. Murid itu rajin belajar. Oleh itu, dia berjaya _____ dalam peperiksaan.
   A pun
   B -lah
   C -kah
   (D) juga

7. Wah, cantik _____ pemandangan di pantai itu!
   A pun
   (B) -lah
   C -kah
   D juga

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Tarikh: _____

TEMA 3: Keselamatan

UNIT 9

Waspada Fenomena Alam

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Buku Teks: 63

TRACK 8

Dengar audio dan fahami poster di bawah ini. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya. SP 1.1.2



1. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya berlaku fenomena banjir kilat?

Perkara yang perlu dilakukan sekiranya berlaku fenomena banjir kilat termasuklah sentiasa berwaspada dengan memantau perkembangan maklumat cuaca dan amaran rasmi. Selain itu, mengelakkan diri daripada berada di kawasan berisiko seperti tepi sungai, kawasan rendah, atau laluan air ketika hujan lebat dan jangan meredah air banjir kerana tindakan itu sangat berbahaya dan boleh menghanyutkan kita. Kita juga perlu bersedia untuk berpindah jika diarahkan dan melaporkan kejadian itu kepada pihak berkuasa atau menghubungi talian kecemasan yang disediakan jika berlaku kecemasan.

2. Apakah tanda-tanda awal kejadian banjir kilat?

- Hujan lebat yang tidak berhenti-henti
- Paras air sungai atau air longkang meningkat dengan cepatnya
- Aliran air menjadi deras secara tiba-tiba
- Kawasan rendah mula ditenggelami air
- Terdapat amaran cuaca daripada pihak berkuasa

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

Kemahiran Membaca

Buku Teks: 64

Baca dan fahami petikan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan di bawah. SP 2.1.1

Punca Bencana Alam di Malaysia dan Kesannya kepada Kehidupan Manusia

Malaysia merupakan sebuah negara yang sering mengalami pelbagai bencana alam seperti banjir, tanah runtuh, jerebu, dan ribut petir. Antara bencana yang paling kerap berlaku ialah banjir terutamanya banjir kilat yang berlaku selepas hujan lebat berterusan.

Salah satu punca utama bencana alam di Malaysia adalah disebabkan oleh perubahan cuaca yang tidak menentu akibat pemanasan global. Hujan lebat yang berpanjangan itu menyebabkan sungai melimpah dan sistem saliran tidak mampu menampung jumlah air yang banyak. Selain itu, aktiviti manusia seperti penebangan hutan secara berleluasa menyumbang kejadian tanah runtuh dan banjir. Hutan yang berfungsi sebagai kawasan tadahan air juga semakin berkurangan dan menyebabkan air hujan terus mengalir ke kawasan rendah.

Kesan bencana alam terhadap kehidupan manusia amat besar. Banjir boleh menyebabkan kerosakan harta benda seperti rumah, kenderaan, dan tanaman. Seterusnya, penduduk terpaksa berpindah ke pusat pemindahan sementara dan kehidupan harian menjadi terganggu. Tanah runtuh pula boleh meragut nyawa dan memusnahkan infrastruktur seperti jalan raya dan jambatan. Dari segi kesihatan pula, air yang tercemar boleh menyebabkan penyakit seperti demam dan cirit-birit.

Kesimpulannya, bencana alam memberikan kesan yang serius kepada kehidupan manusia. Oleh itu, semua pihak perlu bekerjasama dalam usaha menjaga alam sekitar dan mengambil langkah pencegahan supaya risiko bencana dapat dikurangkan.

Cadangkan langkah-langkah yang boleh diambil oleh masyarakat dan kerajaan untuk mengurangkan kesan bencana alam di Malaysia pada masa hadapan.

Peranan masyarakat:

- Tidak melakukan pembalakan haram dan menjaga alam sekitar
- Tidak membuang sampah ke dalam longkang atau sungai

Peranan kerajaan:

- Menguatkuasakan undang-undang alam sekitar dengan tegasnya
- Melaksanakan projek penanaman hutan semula

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kemahiran Menulis

Buku Teks: 65

Tulis lima nilai murni yang terdapat dalam petikan di bawah ini berserta maksudnya. SP 3.2.3

Mak ngah: Assalamualaikum, Amir. Hari ini, mak ngah mahu bercerita tentang bencana alam, iaitu gempa bumi.

Amir: Waalaikumussalam, mak ngah. Apakah maksud gempa bumi?

Mak ngah: Gempa bumi ialah gegaran kuat pada permukaan bumi yang berlaku secara tiba-tiba akibat pergerakan plat bumi. Gempa bumi boleh menyebabkan kerosakan besar pada bangunan dan mengancam nyawa manusia.

Amir: Oh, begitu! Jadi, apakah yang perlu kita buat jika berlaku gempa bumi?

Mak ngah: Jika berlaku gempa bumi, kita perlu bertenang dan jangan panik. Kita hendaklah berlindung di bawah meja yang kukuh atau keluar ke kawasan lapang jika berada di luar bangunan.

Amir: Mengapakah kita tidak boleh panik, mak ngah?

Mak ngah: Kita tidak boleh panik kerana tindakan ini boleh menyebabkan kita bertindak secara terburu-buru dan membahayakan diri sendiri. Kita juga perlu sentiasa mendengar arahan daripada pihak berkuasa.

Amir: Saya faham. Saya akan berhati-hati jika berlaku gempa bumi.

Mak ngah: Bagus, Amir. Ingatlah, keselamatan diri sangat penting. Kita juga perlu membantu orang lain yang memerlukan bantuan ketika bencana.

Nilai Murni	Maksud
1. Kebijaksanaan	Amir belajar memahami fakta tentang gempa bumi dan cara menghadapi gempa bumi.
2. Berhati-hati	Amir sedar bahawa pentingnya untuk sentiasa berwaspada semasa bencana berlaku.
3. Kesabaran	Tidak panik ketika menghadapi situasi kecemasan.
4. Tanggungjawab	Mendengar dan mematuhi arahan pihak berkuasa.
5. Bantu-membantu	Saling membantu orang lain yang terjejas semasa bencana.

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

Bonus PdPc Kuiz Gamifikasi

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis Masteri 1

Bahagian A

Tatabahasa

Nota Tuntas

Sebelum Menjawab Soalan Tatabahasa


1. Baca setiap soalan dengan telitinya.
2. Untuk soalan bergambar, kenal pasti perkaitan antara soalan dengan gambar yang disertakan.

Semasa Menjawab Soalan Tatabahasa

1. Elakkan mengambil masa yang terlalu lama untuk menjawab soalan.
2. Teliti jawapan pilihan yang lain juga supaya dapat membuat pilihan yang paling tepat.

Selepas Menjawab Soalan Tatabahasa

1. Semak jawapan sekali lagi.
2. Pastikan semua soalan telah dijawab.



Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis 1

Soalan 1 hingga 6
Pilih jawapan yang **paling sesuai.**

1. Kakak Khalisha yang pengsan dibawa ke _____ oleh guru untuk mendapatkan rawatan.
   A hotel C balai polis
   (B) hospital D pejabat pos

2. Pilih ayat yang mengandungi kata nama khas.
   A Ibu membeli sayur di pasar.
   B Adik bermain bola di padang.
   (C) Farhan membaca buku cerita.
   D Murid-murid berada di dalam kelas.

3. "_____ akan menyiapkan tugasan ini sebelum esok," kata Puteri kepada gurunya.
   (A) Saya C Kami
   B Kita D Mereka

4. Di atas meja itu, terdapat beberapa _____ surat khabar lama yang telah disusun dengan kemasnya oleh nenek.
   A helai C pucuk
   B keping (D) naskhah

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

5. Walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran, namun usahawan muda itu tetap _____ perniagaannya sehingga berjaya menembusi pasaran antarabangsa.
   A menjayakan
   (C) mengusahakan
   B meningkatkan
   D mengharapkan

6. Pemandangan di puncak gunung itu sangat _____ sehingga menarik ramai pelancong untuk datang berkunjung.
   A segar
   C tengik
   (B) indah
   D aktif

Soalan 7 hingga 10
Pilih ayat yang **betul**.

7. A Para murid itu sedang mengulangkaji pelajaran di perpustakaan.
   (B) Para murid itu sedang mengulang kaji pelajaran di perpustakaan.
   C Para murid itu sedang mengulangkaji pelajaran di perpustakan.
   D Para murid itu sedang ulang kaji pelajaran di perpustakaan.

8. A Ibu membeli sayur-sayuran dan buah-buahan di pasaraya itu.
   B Ibu membeli sayur sayuran dan buah buahan di pasar raya itu.
   (C) Ibu membeli sayur-sayuran dan buah-buahan di pasar raya itu.
   D Ibu membeli sayur-sayuran dan buah-buahan di pasar-raya itu.


9. A Mereka membincangkan tentang masalah itu dengan telitinya.
   (B) Mereka membincangkan masalah itu dengan telitinya.
   C Mereka berbincangkan masalah itu dengan telitinya.
   D Mereka membincang tentang masalah itu dengan telitinya.

10. A Setengah orang murid tidak hadir ke sekolah hari ini.
    (B) Sesetengah murid tidak hadir ke sekolah hari ini.
    C Setengah daripada murid tidak hadir ke sekolah hari ini.
    D Sesetengah murid-murid tidak hadir ke sekolah hari ini.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Pemahaman Petikan (Teks Tunggal & Teks Pelbagai)

Nota Tuntas



Sebelum Menjawab Soalan Pemahaman Petikan (Teks Tunggal & Teks Pelbagai)
1. Baca dan fahamilah kandungan atau isi petikan.
2. Kenal pasti kata kunci dan cari maklumat dalam petikan.
3. Garisi isi dalam petikan tersebut.
4. Sekiranya jawapan yang dikehendaki terdapat dalam petikan itu, garisi jawapan tersebut.

Semasa Menjawab Soalan Pemahaman Petikan (Teks Tunggal & Teks Pelbagai)
1. Jangan mengambil masa yang terlalu lama untuk menjawab soalan.
2. Teliti jawapan pilihan yang lain juga supaya dapat membuat pilihan yang paling tepat.
3. Berhati-hati ketika menjawab soalan supaya tidak terperangkap oleh teknik penyoalan seperti benar, kecuali, dan sebagainya.
4. Bagi soalan yang menanyakan erti kata, pilih jawapan yang merujuk konteks petikan.

Selepas Menjawab Soalan Pemahaman Petikan (Teks Tunggal & Teks Pelbagai)
1. Semak jawapan sekali lagi.
2. Pastikan semua soalan telah dijawab.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis 1

Teks Tunggal

Soalan 1 hingga 3


Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pesan Ibu Tercinta

Pesan ibu lembut berbicara,
jaga diri walau di mana,
di desa damai atau kota raya,
adab sopan tetap utama.

Pesan ibu jangan alpa,
pilih sahabat penuh hikmah,
agar nama keluarga terpelihara,
tidak tercalar dek angkara.

Pesan ibu usah mengeluh,
berusaha walau hidup keruh,
bersusah dahulu menempuh,
kejayaan nanti pasti kukuh.



Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

1. Apakah nasihat utama yang ditekankan oleh ibu dalam puisi di atas?
   - A Menjaga penampilan diri
   - B Mengumpulkan harta kekayaan
   - C Mengelakkan diri daripada bergaul
   - (D) Menjaga tingkah laku dan maruah keluarga

2. Pilih pernyataan yang **benar** tentang puisi yang diberikan.
   - A Kejayaan boleh dicapai tanpa usaha.
   - (B) Kehidupan di desa lebih penting daripada di kota.
   - C Sahabat tidak mempengaruhi kehidupan seseorang.
   - D Tingkah laku seseorang boleh memberikan kesan kepada keluarga.

3. Berikut ialah nilai-nilai yang terdapat dalam puisi, *kecuali*
   - A berusaha.
   - B bertanggungjawab.
   - C menghormati keluarga.
   - (D) mementingkan diri sendiri.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Teks Pelbagai

Soalan 4 hingga 7

Baca maklumat dalam **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

BAHAN 1

Ibu bapa memainkan peranan penting dalam kehidupan anak-anak sejak kecil. Mereka bukan sahaja menjaga kebajikan anak-anak, malah memberikan pendidikan yang sempurna agar anak-anak membesar menjadi insan yang berguna. Selain menyediakan keperluan asas seperti makanan, pakaian, dan tempat tinggal, ibu bapa juga bekerja keras untuk memenuhi keinginan anak-anak seperti membeli buku, pakaian baharu, dan barangan keperluan yang lain. Di samping itu, ibu bapa sentiasa *melimpahkan* kasih sayang tanpa berbelah bahagi kepada anak-anak. Kasih sayang tersebut kekal utuh walaupun anak-anak telah dewasa dan berdikari.

BAHAN 2



Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

4. Keperluan asas yang disediakan oleh ibu bapa ialah
   A buku latihan.
   B tempat bermain.
   C pakaian baharu.
   D permainan kanak-kanak.

5. Ibu bapa memainkan peranan penting dalam kehidupan anak-anak.

   Penjodoh bilangan yang sesuai bagi perkataan yang bergaris dalam ayat di atas ialah
   A ekor.
   B buah.
   C orang.
   D kumpulan.

6. Perkataan *melimpahkan* dalam **Bahan I** boleh digantikan dengan perkataan
   A menumpahkan.
   B menyerahkan.
   C memberikan.
   D meluahkan.

7. Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan I** dan **Bahan 2** di atas.
   A Ibu bapa perlu menjadi contoh teladan yang baik kepada anak-anak.
   B Anak-anak tidak memerlukan pendidikan daripada ibu bapa.
   C Kasih sayang ibu bapa akan hilang apabila anak-anak dewasa.
   D Ibu bapa menyediakan keperluan asas anak-anak sahaja.

Bahagian B

Tatabahasa dan Pemahaman Petikan

Nota Tuntas

Sebelum Menjawab Soalan Tatabahasa dan Pemahaman Petikan


1. Baca soalan dengan telitinya.
2. Kenal pasti kata kunci dan cari maklumat dalam petikan.
3. Garisi isi dalam petikan tersebut.
4. Sekiranya jawapan yang dikehendaki terdapat dalam petikan itu, garisi jawapan tersebut.

Semasa Menjawab Soalan Tatabahasa dan Pemahaman Petikan

1. Elakkan daripada mengambil masa yang terlalu lama untuk menjawab soalan.
2. Teliti jawapan pilihan yang lain juga supaya dapat membuat pilihan yang paling tepat.

Selepas Menjawab Soalan Tatabahasa dan Pemahaman Petikan

1. Baca jawapan sekali lagi untuk menyemak jawapan.
2. Semak ejaan, tanda baca, perkataan, dan struktur ayat.



Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis 1

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Ibu,
Sentuhanmu lembut menenangkan jiwa
Masakanmu penuh kasih dan rasa
Mengenyangkan perut seisi keluarga
Rumah kecil kita bahagia sentiasa.

Ayah,
Langkahmu gagah mencari rezeki
Demi masa depan kami nanti
Tidak kenal penat dan jemu
Demi melihat kami berjaya selalu.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

I. (a) Makanan yang dapat mengenyangkan keluarga disediakan oleh ibu.

(b) Mengapakah ayah tidak mengenal penat dan jemu?

Ayah tidak mengenal penat dan jemu kerana ingin mencari rezeki dan memastikan masa depan anak-anak terjamin.

(c) *Bulatkan* **kata hubung** *yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*


Masakanmu penuh kasih (dan) rasa.

(d) *Pilih dan tulis* **(BETUL)** *pada pernyataan yang* **benar** *berdasarkan petikan yang diberikan.*

Ayah,
Langkahmu gagah mencari rezeki
Demi masa depan kami nanti

Ayah bekerja keras demi masa depan anak-anak dan dirinya.	
Ayah bekerja keras demi masa depan anak-anak.	BETUL

Respons Kritis dan Kreatif



Nota Tuntas

Sebelum Menjawab Soalan Respons Kritis dan Kreatif

1. Baca soalan dengan telitinya dan fahami situasi yang diberikan.
2. Kenal pasti kata kunci dan kehendak soalan.
3. Catatkan idea secara ringkas, iaitu sekurang-kurangnya dua isi atau idea.

Semasa Menjawab Soalan Respons Kritis dan Kreatif

1. Gunakan ayat yang lengkap dan gramatis.
2. Pastikan ejaan, tanda baca, dan tatabahasa adalah betul.
3. Gunakan penanda wacana yang sesuai untuk menghubungkan ayat atau idea.
4. Kemukakan pendapat yang positif dan rasional.
5. Pastikan bilangan perkataan mengikut jumlah yang ditetapkan.

Selepas Menjawab Soalan Respons Kritis dan Kreatif

1. Baca jawapan sekali lagi untuk menyemak jawapan.
2. Semak bilangan perkataan, ejaan, tanda baca, perkataan, dan struktur ayat.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis 1

Baca dan fahami situasi di bawah ini. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.

Ketika waktu rehat, kamu melihat rakan kamu terlupa untuk membawa bekal makanan. Dia kelihatan sedih dan lapar.

Berdasarkan situasi di atas, sebagai rakan, apakah tindakan yang akan kamu lakukan?

Berdasarkan situasi di atas, sebagai rakan, tindakan yang akan saya lakukan ialah saya akan berkongsi makanan dengan rakan. Saya akan mengajak rakan makan makanan saya bersama-sama supaya dia tidak berasa lapar.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian C

Penulisan Perenggan

Nota Tuntas

Sebelum Menulis Perenggan

1. Baca soalan dengan telitinya.
2. Kenal pasti kata kunci dan kehendak soalan seperti kesan, punca, faedah, dan sebagainya.
3. Senaraikan idea-idea dalam bentuk peta minda atau rangka karangan.

Semasa Menulis Perenggan

1. Gunakan ayat yang lengkap dan gramatis.
2. Pastikan ejaan, tanda baca, dan tatabahasa yang digunakan adalah betul.
3. Gunakan penanda wacana yang sesuai.
4. Kemukakan pendapat yang positif dan rasional.
5. Pastikan bilangan perkataan mengikut jumlah yang ditetapkan.



Semasa Menulis Perenggan

1. Baca jawapan sekali lagi untuk menyemak jawapan.
2. Semak bilangan perkataan, ejaan, tanda baca, perkataan, dan struktur ayat.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis 1

Grafik di bawah ini menunjukkan situasi di sekolah.
Tuliskan pendapat kamu tentang **cara-cara menjaga keselamatan diri di sekolah**.
Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu perenggan**.
Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.



Pada pendapat saya, cara menjaga keselamatan diri di sekolah ialah kita perlu sentiasa mematuhi peraturan sekolah dan arahan guru. Selain itu, kita tidak boleh berlari atau bermain di tempat berbahaya seperti tangga supaya tidak mengalami kecederaan yang tidak diingini. Cara yang seterusnya ialah kita harus mengelakkan diri daripada bercakap atau mengikut orang yang tidak dikenali. Akhir sekali, kita perlu segera melaporkan sebarang kejadian berbahaya kepada guru untuk mengelakkan sebarang kecederaan.

Bahagian D

Penulisan Karangan


Nota Tuntas

Sebelum Menulis Karangan

1. Baca soalan dan lihat grafik yang diberikan dengan telitinya.
2. Buat pilihan yang tepat sama ada mahu menjawab soalan pertama atau kedua.
3. Bina rangka karangan supaya idea tidak terpesong daripada kehendak soalan.

Semasa Menulis Karangan

1. Tulis karangan berdasarkan rangka karangan yang dibina.
2. Karangan perlulah mengandungi sekurang-kurangnya lima perenggan yang terdiri daripada pendahuluan, tiga isi atau idea, dan penutup.
3. Pastikan idea-idea yang dikemukakan itu menepati kehendak soalan.
4. Olah idea dengan baiknya, iaitu penyampaian yang jelas, tersusun, dan menarik.
5. Gunakan kosa kata yang meluas dan sesuai dengan bentuk karangan.
6. Gunakan format yang tepat mengikut jenis karangan itu.



Selepas Menulis Karangan

1. Semak karangan untuk memastikan tiada idea yang tertinggal.
2. Semak bilangan perkataan, ejaan, tanda baca, perkataan, dan struktur ayat.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis 1

Teliti bahan grafik dan maklumat di bawah ini. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk **karangan berformat atau karangan tidak berformat**.

Panjangnya karangan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.

KEPENTINGAN MAKANAN SEIMBANG




Membekalkan tenaga





Membantu pertumbuhan dan perkembangan



Menjaga kesihatan dan menguatkan sistem imun



Mencegah penyakit

1. Tulis syarahan tentang kepentingan makanan seimbang.

ATAU

2. Tulis sebuah karangan tentang kepentingan makanan seimbang.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

1. Karangan Berformat (Syarahan)

Assalamualaikum dan salam sejahtera saya ucapkan kepada pengerusi majlis, guru-guru, dan rakan yang dihormati sekalian. Pada hari ini, saya akan menyampaikan syarahan yang bertajuk "Kepentingan Makanan Seimbang".

Hadirin yang dihormati,

Antara kepentingan makanan seimbang ialah dapat membekalkan tenaga yang mencukupi untuk kita menjalankan aktiviti harian seperti belajar dan bersukan. Tanpa tenaga yang cukup, kita akan menjadi mudah letih dan tidak dapat memberikan tumpuan ketika melakukan aktiviti harian.

Selain itu, makanan seimbang dapat membantu pertumbuhan dan perkembangan tubuh badan, terutamanya bagi kanak-kanak dan remaja. Hal ini dikatakan demikian kerana nutrien yang mencukupi seperti protein dan vitamin sangat penting untuk memastikan tubuh membesar dengan sihatnya.

Akhir sekali, makanan seimbang dapat menjaga kesihatan dan menguatkan sistem imun badan. Hal ini dikatakan demikian kerana pengambilan makanan yang seimbang menyebabkan kita mengambil semua jenis makanan yang terdapat dalam piramid makanan seperti karbohidrat, protein, vitamin, mineral, dan lemak dalam jumlah yang betul. Dengan pengambilan makanan yang sihat, badan kita lebih tahan terhadap penyakit dan tidak mudah jatuh sakit.

Kesimpulannya, pemakanan yang seimbang sangat penting untuk menjamin kesihatan dan kesejahteraan hidup kita. Marilah kita sama-sama mengamalkan pemakanan seimbang demi masa depan yang lebih sihat.

Sekian, terima kasih.

2. Karangan Tidak Berformat (Fakta)

Makanan seimbang amat penting dalam kehidupan seharian kerana dapat memberikan banyak manfaat kepada kesihatan tubuh badan manusia. Pengambilan makanan yang seimbang merangkumi semua nutrien yang diperlukan oleh badan seperti karbohidrat, protein,

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

vitamin, mineral, dan lemak dalam jumlah yang betul.

Antara kepentingan makanan seimbang adalah dapat membekalkan tenaga yang mencukupi untuk membolehkan seseorang menjalankan aktiviti harian. Tenaga ini diperlukan untuk belajar dan melakukan pelbagai aktiviti yang lain. Tanpa tenaga yang mencukupi, seseorang akan mudah berasa letih dan tidak bermaya sepanjang hari.

Selain itu, makanan seimbang dapat membantu pertumbuhan dan perkembangan tubuh badan terutamanya bagi kanak-kanak dan remaja. Nutrien seperti protein dan kalsium sangat penting untuk pembinaan otot, tulang, dan tisu badan yang sihat terutamanya kepada kanak-kanak kecil yang sedang membesar. Dengan pengambilan makanan yang betul, tumbesaran dapat berlaku dengan sempurnanya.

Akhir sekali, makanan seimbang dapat menjaga kesihatan dan menguatkan sistem imun badan. Sistem imun badan yang kuat dapat melindungi tubuh daripada jangkitan penyakit seperti demam, selesema, dan pelbagai penyakit lain. Oleh itu, pemakanan yang seimbang dapat membantu seseorang kekal sihat dan cergas.

Kesimpulannya, makanan seimbang memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Oleh itu, setiap individu perlu mengamalkan pemakanan yang sihat agar dapat hidup lebih sihat, cergas, dan bebas daripada penyakit.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Tarikh: _____

UNIT 10

Langkah Perpaduan

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Buku Teks: 74 – 75

Baca bahan di bawah dan dengar audio dengan telitinya untuk memahami penerangan yang diberikan. Kemudian, buat rumusan dan keputusan. SP 1.2.3

TRACK 9

MINGGU PERPADUAN 2027

Tema: Bersatu Hati, Kukuhkan Perpaduan

Kesan positif program:
- Murid bersatu padu
- Murid menghormati budaya
- Masyarakat hidup harmoni

Objektif:
- Memupuk perpaduan
- Mengenali budaya kaum
- Menggalakkan kerjasama

Aktiviti Utama:
1. Perasmian dan ceramah
2. Pertandingan
   - Mewarna
   - Kuiz
   - Pakaian tradisional
3. Persembahan
   - Tarian pelbagai kaum
4. Permainan tradisional
5. Jamuan makanan tradisional
6. Majlis penutup

Sasaran:
- Semua murid
- Warga sekolah



Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Rumusan

Minggu Perpaduan 2027 bertujuan untuk memupuk semangat perpaduan, mengenali budaya pelbagai kaum, dan menggalakkan kerjasama dalam kalangan murid. Pelbagai aktiviti seperti pertandingan, persembahan, permainan tradisional, dan jamuan diadakan dengan penglibatan semua warga sekolah. Program ini diharapkan dapat melahirkan murid yang saling menghormati dan hidup dalam suasana harmoni.

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kemahiran Menulis

Buku Teks: 78

Baca petikan di bawah ini. Kemudian, edit dan murnikan teks tersebut. SP 3.3.2 KBAT Menilai

Semangat kejiranan perlu dipupuk dalam diri anak-anak sejak dari mereka kecil lagi. Ini kerana semangat kejiranan sangat penting diterapkan di dalam diri seseorang.

Antara aktiviti yang dapat dijalankan demi untuk memupuk semangat kejiranan adalah masyarakat setempat perlu mengadakan aktiviti gotong-royong. Aktiviti ini dapat mengeratkan hubungan antara penduduk. Selain itu program hari keluarga perlu diadakan sekurang-kurangnya dua bulan sekali. Aktiviti ini dapat menimbulkan semangat kerjasama dalam pasukan dan hubungan mesra dapat wujudkan.

Setiap kali musim perayaan, jawatan kuasa penduduk boleh mengadakan rumah terbuka. Majlis ini diadakan untuk mengenali jiran setempat dan mewujudkan suasana yang harmoni.

Kesimpulannya, marilah kami sama-sama menyertai aktiviti yang dapat memupuk semangat kejiranan.

Semangat kejiranan perlu dipupuk dalam diri anak-anak sejak mereka kecil lagi. Hal ini dikatakan demikian kerana semangat kejiranan sangat penting diterapkan dalam diri seseorang.

Antara aktiviti yang boleh dijalankan untuk memupuk semangat kejiranan ialah masyarakat setempat perlu mengadakan aktiviti gotong-royong. Aktiviti ini dapat mengeratkan hubungan antara penduduk. Selain itu, program Hari Keluarga perlu diadakan sekurang-kurangnya dua bulan sekali. Aktiviti ini dapat menimbulkan semangat kerjasama dalam pasukan dan hubungan mesra dapat diwujudkan.

Setiap kali musim perayaan, jawatankuasa penduduk boleh mengadakan rumah terbuka. Majlis ini diadakan untuk mengenali jiran setempat dan mewujudkan suasana yang harmoni.

Kesimpulannya, marilah kita sama-sama menyertai aktiviti yang dapat memupuk semangat kejiranan.

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Aspek Tatabahasa

Buku Teks: 80

Lengkapkan petikan di bawah ini dengan kata berimbuhan yang betul mengikut konteks. SP 5.2.1

menyelerakan	berada	menjemput	dihiasi	berselera
menjamu	memeriahkan	bersalaman	mengucapkan	dihidangkan

Bersempena dengan Hari Raya Aidilfitri, Devi, Mei Ling, dan Marissa telah berkunjung ke rumah keluarga Aleeya. Aleeya menjemput kawan-kawannya itu menghadiri rumah terbuka keluarganya. Rumah Aleeya terang-benderang kerana dihiasi dengan lampu. Suara kanak-kanak yang riuh-rendah memeriahkan suasana di rumah Aleeya.

Kawan-kawan Aleeya tidak berasa kekok berada di rumah Aleeya kerana sanak saudara Aleeya ramah-tamah. Kemesraan yang ditunjukkan oleh sanak saudara itu menjadikan mereka seperti berada di rumah sendiri.

Devi, Mei Ling, dan Marissa dijamu dengan pelbagai juadah yang sangat membuka selera. Selain kuih-muih, lemang, ketupat, sate, dan rendang turut dihidangkan. Menurut Aleeya, semua masakan itu disediakan oleh ibu dan neneknya. Mereka makan makanan yang dihidangkan itu dengan berselera.

Selesai menjamu selera, Devi, Mei Ling, dan Marissa meminta diri untuk pulang. Mereka bersalaman dengan ibu dan ayah Aleeya terlebih dahulu. Mereka juga mengucapkan terima kasih kepada Aleeya atas jemputan tersebut.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Pendidikan Sivik

Nilai Teras: Hormat-menghormati
Tajuk: Hormat Kepelbagaian Agama, Budaya, dan Etnik di Malaysia
Konteks: Diri, keluarga, sekolah, masyarakat, negara, dan global
Literasi Sivik: Pengetahuan – Menyatakan amalan agama dan kepercayaan dalam masyarakat berbilang kaum dan etnik

Aktiviti

- Murid-murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
- Semua murid menonton iklan berkaitan dengan pelbagai perayaan di Malaysia.
- Setiap kumpulan dikehendaki untuk menceritakan sambutan perayaan di Malaysia dan langkah mereka menghormati amalan perayaan tersebut.

Bonus PdPc Kuiz Gamifikasi

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Tarikh: _____

TEMA 4: Perpaduan

UNIT 11

Gema Perpaduan

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Buku Teks: 81

Ceritakan suasana di Majlis Hari Lahir Haikal berdasarkan frasa yang diberikan dengan sebutan, intonasi, gaya, dan ekspresi yang sesuai. SP 1.3.1

Rancangan Alif dan Rakan-rakan untuk Pergi ke Majlis Hari Lahir Haikal

berkumpul di rumah Alif – tiba di rumah Haikal – memberikan hadiah – Haikal gembira – majlis bermula – menikmati hidangan yang disediakan – makanan enak belaka – mengucapkan selamat hari lahir – mengucapkan terima kasih – pulang

Pada hari Ahad yang lalu, saya, Mohan, dan Matthew telah berkunjung ke rumah Haikal. Haikal mengundang kami ke majlis hari lahirnya yang ke-12. Pada pukul 11:00 pagi, kami berkumpul di rumah saya. Kami bercadang hendak ke rumah Haikal bersama-sama.

Tidak lama kemudian, kami tiba di rumah Haikal. Kami disambut oleh Haikal dan ibu bapanya. Saya memberikan hadiah kepada Haikal. Dia menerimanya dengan hati yang gembira. Dia mempelawa kami masuk ke rumahnya kerana majlis akan bermula tidak lama lagi.

Majlis bermula dengan bacaan doa oleh ayah Haikal. Haikal pula mengucapkan terima kasih kepada semua tetamu kerana sudi hadir ke majlis hari lahirnya. Haikal menjemput tetamu menikmati hidangan yang disediakan. Saya, Mohan, dan Matthew mengambil makanan kegemaran masing-masing. Makanan yang disediakan itu enak belaka. Semasa menjamu selera, kami diberikan sepotong kek oleh ibu Haikal.

Selepas beberapa lama di rumah Haikal, kami hendak pulang ke rumah masing-masing. Kami mengucapkan selamat hari lahir kepada Haikal. Kami juga tidak lupa untuk mengucapkan terima kasih kepada keluarga Haikal atas jemputan tersebut. Kami pulang ke rumah masing-masing dengan perasaan yang gembira.

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Aspek Seni Bahasa

Buku Teks: 85

Persembahkan pantun di bawah ini dengan penuh penghayatan dan keindahan bahasa. SP 4.2.2

Pergi ke taman memetik bunga,
Bunga melati harum baunya;
Hidup aman berbilang bangsa,
Perpaduan kukuh negara berjaya.

Burung merpati terbang ke hulu,
Singgah sebentar di dahan jati;
Walau berbeza agama dan budaya,
Kita bersatu hidup harmoni.

Ke pasar pagi membeli sayur,
Singgah sebentar membeli roti;
Semangat muafakat terus disemai subur,
Rakyat bersatu teguh berdiri.

Anak nelayan turun ke laut,
Mencari ikan waktu pagi;
Bersama kita kuat berpaut,
Perpaduan dijaga setiap hari.



Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Jawapan murid

Pendidikan Sivik

Nilai Teras: Bertanggungjawab
Tajuk: Jiran yang Bertanggungjawab
Konteks: Diri dan masyarakat
Literasi Sivik: Pengetahuan – Menyatakan kepentingan sikap tanggungjawab terhadap jiran

Aktiviti
- Murid-murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
- Setiap kumpulan dikehendaki supaya berbincang dan menyenaraikan kepentingan sikap bertanggungjawab terhadap jiran.
- Setiap kumpulan diminta untuk membentangkan hasil perbincangan mereka di hadapan kelas.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Tarikh: _____

TEMA 4: Perpaduan

UNIT 12

Semarak Perpaduan


Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Buku Teks: 87

TRACK 10

Dengar petikan dengan telitinya dan lihat gambar yang diberikan. Kemudian, sampaikan cerita dengan sebutan yang betul, intonasi, gaya, dan ekspresi yang sesuai. SP 1.3.2 KBAT Mengaplikasi


Sambutan Hari Raya Aidilfitri



berpuasa – selama sebulan – bulan Ramadan – menahan diri daripada lapar dan dahaga



anggota keluarga dan sanak saudara – berkumpul – bermaaf-maafan



ziarah jiran tetangga – pelbagai juadah dihidangkan – sambutan berterusan selama sebulan



amalan memberikan wang – kanak-kanak dan golongan tua – ada juga pemberian berupa hadiah

Jawapan murid

MENGUASAI (✓) TP1 TP2 TP3 TP4 TP5 TP6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kemahiran Menulis

Buku Teks: 90

Tulis petikan di bawah ini semula dengan ejaan, tanda baca, dan imbuhan yang betul. SP 3.3.2

Pada minggu perpaduan di sekolah murid murid telah menyertai pelbagai aktiviti yang menyeronokan seperti pertandingan pakaian tradisional dan permainan tradisional selain itu mereka belajar cara menghormati budaya kaum lain dan bekerjasama untuk menjayakan program ini

Pada minggu perpaduan di sekolah, murid-murid telah menyertai pelbagai aktiviti yang menyeronokkan seperti pertandingan pakaian tradisional dan permainan tradisional. Selain itu, mereka belajar cara menghormati budaya kaum lain dan bekerjasama untuk menjayakan program ini.



MENGUASAI (✓) TP1 TP2 TP3 TP4 TP5 TP6

Bonus PdPc Praktis i-THINK Tema 4

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Aspek Tatabahasa

Buku Teks: 92

Isi tempat kosong dengan kata berimbuhan dan kata majmuk yang paling sesuai. SP 5.2.1 5.2.2

menyampaikan	melahirkan	sambutan	kerjasama
hebat sekali	melaksanakan	tanggungjawab	tradisional
	dipupuk	kuih-muih	

1. Pihak sekolah sedang melaksanakan program perpaduan bagi memupuk semangat kerjasama dalam kalangan murid.
2. Sikap saling menghormati perlu dipupuk dalam diri setiap murid sejak kecil lagi.
3. Pertandingan pakaian tradisional itu mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada murid-murid.
4. Program itu dapat melahirkan murid yang saling bekerjasama dan hormat-menghormati.
5. Guru besar telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan tersebut.
6. Semua murid mempunyai tanggungjawab untuk memastikan sekolah sentiasa bersih dan ceria.
7. Pertandingan pakaian tradisional itu mendapat sambutan yang hebat sekali daripada warga sekolah.
8. Ibu menyediakan pelbagai jenis kuih-muih untuk jamuan Minggu Perpaduan.
9. Semangat kerjasama dapat menjadikan sesuatu tugasan lebih mudah diselesaikan.
10. Para peserta diminta untuk memakai pakaian tradisional semasa perarakan berlangsung.

KUIZ GAMIFIKASI

Kuiz 2

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Tarikh: _____

UNIT 13

TEMA 5: Kebudayaan, Kesenian, dan Estetika

Warisan Budaya Kekal Terpelihara

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Buku Teks: 98

Dengar petikan. Kemudian, berikan respons berdasarkan maklumat yang didengar.

SP 1.1.2

TRACK 11


1. Namakan lokasi percutian Farhana.
   Lokasi percutian Farhana ialah Terengganu.

2. Siapakah Puan Hasnah?
   Puan Hasnah ialah pemilik sebuah bengkel menenun songket.

3. Apakah pembaharuan yang dilakukan oleh Puan Hasnah dalam penghasilan songket?
   Pembaharuan yang dilakukan oleh Puan Hasnah dalam penghasilan songket adalah dengan menukar corak songket tradisional kepada konsep yang lebih moden.

4. Lengkapkan perwatakan Puan Hasnah berdasarkan petikan yang didengar.

H-THINK Peta Buih



INFO

Songket

Praktis Ekstra Tema 5

MENGUASAI (✓) TP1 TP2 TP3 TP4 TP5 TP6

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Aspek Seni Bahasa

Buku Teks: 101

Hasilkan dan lengkapkan sajak dengan bahasa yang indah dan santun berdasarkan maklumat yang diberikan. Kemudian, persembahkan sajak itu. SP 4.3.1 KBAT Mencipta

Sajak: Warna-warni Budaya Kita

Di bumi bertuah ini,
terhampar kisah berzaman,
pelbagai bangsa bersatu hati,
menenun cinta dalam perbezaan.

pelbagai – bersatu

Gamelan bergema lembut,
kompang dipalu penuh semangat,
tarian zapin mengukir gerak,
warisan indah terus terpahat.

warisan – terpahat

Baju kurung dan kebaya,
ceongsam indah bersulam makna,
kurta segak penuh gaya,
melambangkan jiwa yang sama.

kurta – penuh

Di meja terhidang rasa,
lemak santan, empah dan cinta,
nasi lemak, kuih bulan bersama,
menyatukan kita tanpa sengketa.



Wahai generasi pewaris bangsa,
peliharalah khazanah ini,
agar budaya terus bersinar,
hingga hujung zaman nanti.

pewaris – bangsa

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Ujian Pertengahan Sesi Akademik (UPSA)

Skor
50

1 jam 15 minit

Bahagian A

[10 *markah*]

Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang **paling sesuai.**

1. Sarah berjalan dengan _____nya menuju ke perpustakaan supaya tidak terlewat menghadiri kelas tambahan.
   A perlahan **C** kuat
   B pantas **D** awal

2. Murid-murid berkumpul di dewan _____ menyaksikan persembahan kebudayaan.
   A bahawa **C** untuk
   B sambil **D** pada

Soalan 3

Pilih ayat yang **betul.**

3. **A** Mengapakah kamu tinggal?
   B Bilakah nama sekolah kamu?
   C Siapakah warna kegemaran kamu?
   D Di manakah letaknya balai raya itu?

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Gamelan merupakan alat muzik tradisional yang terkenal di negeri Terengganu dan Pahang. Pada zaman dahulu, gamelan sering dimainkan dalam majlis rasmi istana dan upacara kebudayaan masyarakat Melayu.

Gamelan terdiri daripada beberapa jenis alat muzik seperti gong, bonang, dan saron. Alat muzik ini dimainkan secara berkumpulan untuk menghasilkan irama yang harmoni dan merdu. Kebanyakan alat gamelan diperbuat daripada logam supaya dapat menghasilkan bunyi yang jelas.

Permainan gamelan perlu dipelihara agar warisan budaya ini tidak hilang ditelan zaman. Selain memperkenalkan budaya tempatan, permainan gamelan juga dapat memupuk semangat bekerjasama dan meningkatkan minat generasi muda terhadap seni tradisional.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

4. Apakah kegunaan gamelan pada zaman dahulu?
   A Mengiringi permainan sukan
   B Menjadi alat untuk menyampaikan berita
   C Digunakan untuk memanggil penduduk kampung
   (D) Digunakan dalam majlis rasmi istana dan upacara kebudayaan masyarakat Melayu

5. Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
   A Semua alat gamelan diperbuat daripada plastik.
   B Gamelan dimainkan secara bersendirian.
   C Gamelan dimainkan dengan cara ditiup.
   (D) Gong ialah salah satu alat gamelan.

6. Berikut ialah sebab-sebab gamelan perlu dipelihara berdasarkan petikan, *kecuali*
   (A) digunakan untuk menyampaikan berita.
   B memperkenalkan budaya tempatan.
   C meningkatkan minat generasi muda.
   D memupuk semangat bekerjasama.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

BAHAN 1

Menjaga kesihatan diri sangat penting untuk memastikan tubuh sentiasa *cergas* dan bertenaga. Kita digalakkan untuk melakukan aktiviti riadah seperti bermain badminton dan berjoging sekurang-kurangnya tiga kali seminggu. Selain itu, kita hendaklah makan makanan yang seimbang dan minum air yang mencukupi. Rehat dan tidur yang cukup juga membantu badan kekal sihat. Kita perlu mengelakkan tabiat merokok kerana tabiat tersebut boleh menjejaskan kesihatan.

BAHAN 2



Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

7. Mengapakah kita perlu mendapatkan rehat dan tidur yang mencukupi?
   A Supaya badan menjadi lebih kurus
   B Supaya badan menjadi lebih tinggi
   (C) Supaya badan dapat kekal sihat
   D Supaya badan sentiasa lemah

8. **Tempat:** Padang Taman Harmoni, Melaka

   Penjodoh bilangan yang sesuai bagi perkataan yang bergaris dalam ayat di atas ialah
   A batang.
   B orang.
   C helai.
   (D) buah.

9. Perkataan *cergas* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan
   A lemah.
   (B) aktif.
   C sakit.
   D lesu.

10. Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
   A Aktiviti riadah tidak penting untuk kesihatan.
   (B) Tabiat merokok boleh menjejaskan kesihatan.
   C Borang pendaftaran hanya diberikan pada hari program berlangsung.
   D Program Senamrobik Ceria Keluarga mengenakan bayaran kepada peserta.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian B

[10 *markah*]

Soalan 1

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Pada hari Selasa yang lalu, Kelab Kebudayaan Sekolah Kebangsaan Seri Damai telah mengadakan majlis pelancaran Bulan Kebudayaan. Program tersebut diadakan untuk memupuk minat murid terhadap seni dan budaya tradisional.

Beberapa orang guru dan murid telah dilantik menjadi ahli jawatankuasa bagi memastikan program berjalan dengan lancarnya. Mereka bekerjasama untuk menghias dewan dan menyediakan pelbagai aktiviti yang menarik.

Antara aktiviti yang diadakan ialah pertandingan nyanyian lagu tradisional, pertandingan tarian, dan kuiz kebudayaan. Semua murid memberikan sambutan yang amat menggalakkan sepanjang program tersebut dijalankan.

(a) Program tersebut diadakan untuk memupuk minat murid terhadap seni dan budaya tradisional.

[1 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(b) Apakah majlis yang diadakan pada hari Selasa?

Majlis yang diadakan pada hari Selasa ialah majlis pelancaran Bulan Kebudayaan.

[2 *markah*]

(c) *Bulatkan* **kata nama khas** *yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

Pada hari Selasa yang lalu, Kelab Kebudayaan Sekolah Kebangsaan Seri Damai telah mengadakan majlis pelancaran Bulan Kebudayaan.

[1 *markah*]

(d) *Pilih dan tulis* (**BETUL**) *bagi ayat yang* **sama maksud** *dengan ayat yang diberikan.*

Semua murid memberikan sambutan yang amat menggalakkan sepanjang program tersebut dijalankan.

Sambutan murid amat menggalakkan semua aktiviti sepanjang program tersebut dijalankan.	
Semua aktiviti disambut baik oleh murid-murid sepanjang program tersebut dijalankan.	BETUL

[1 *markah*]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah ini. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.

Aisyah sedang menyiapkan kerja sekolah di ruang tamu. Tiba-tiba, dia terhidu bau hangit dari arah dapur. Namun, Aisyah berasa takut untuk pergi ke dapur seorang diri.

Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh Aisyah?

Berdasarkan situasi di atas, tindakan yang perlu dilakukan oleh Aisyah ialah dia perlu memberitahu ibu bapanya atau orang dewasa dengan segeranya. Selain itu, Aisyah perlu meminta bantuan daripada jiran-jirannya jika dia berada di dalam rumah itu seorang diri. Dia juga boleh menghubungi pihak bomba jika mendapati berlaku kebakaran di dapur rumahnya.

[5 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian C

[10 *markah*]

Grafik di bawah ini menunjukkan aktiviti penjagaan kesihatan diri.
Tulis pendapat kamu tentang **cara-cara penjagaan kesihatan diri.**
Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu perenggan**.
Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.



Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Pada pendapat saya, cara yang boleh kita lakukan untuk menjaga kesihatan diri ialah kita perlu bersenam secara berkala. Selain itu, kita hendaklah makan makanan yang seimbang seperti makan makanan yang mengandungi karbohidrat, protein, vitamin, mineral, dan lemak dalam jumlah yang betul. Akhir sekali, kita perlu mendapatkan rehat yang mencukupi supaya badan sentiasa sihat dan cergas untuk melakukan aktiviti harian.

[10 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.


Bahagian D

[20 *markah*]

Teliti bahan grafik di bawah ini. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk **karangan berformat atau karangan tidak berformat**.

Panjangnya karangan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.

HARI KELUARGA PERINGKAT SEKOLAH



Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

1. Tulis sebuah karangan catatan berdasarkan gambar di atas.

ATAU

2. Tulis sebuah cerita berdasarkan gambar di atas.

1. Karangan Berformat (Catatan)

Khamis, 20 Mei 2027

7:30 pagi

Hari ini merupakan hari yang sangat menyeronokkan kerana sekolah saya telah mengadakan Hari Keluarga Peringkat Sekolah. Kawasan sekolah dihiasi dengan belon berwarna-warni dan sepanduk yang cantik sehingga menjadikan suasana di situ lebih meriah.

8:30 pagi

Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan. Saya melihat para peserta menyertai pertandingan tarik tali. Mereka menarik tali dengan penuh semangat manakala penonton bersorak untuk memberikan sokongan.

10:30 pagi

Selain itu, terdapat persembahan nyanyian dan tarian dipersembahkan di pentas utama. Semua yang hadir bertepuk tangan dengan gembiranya semasa menonton persembahan-persembahan itu.

11:00 pagi

Di bahagian lain sekitar kawasan sekolah pula, terdapat gerai makanan yang menjual pelbagai jenis makanan yang lazat. Antara makanan yang dijual ialah nasi lemak, sosej, dan lain-lain.

11:30 pagi

Saya turut menyertai aktiviti mewarna bersama adik saya. Kami mewarna dengan tekunnya dan berasa sangat gembira apabila hasil kerja kami dipuji oleh guru.

2. Karangan Tidak Berformat (Cerita)

Pada hari Sabtu yang lalu, Sekolah Kebangsaan Seri Damai telah mengadakan program Hari Keluarga Peringkat Sekolah. Pelbagai hiasan menarik seperti belon dan sepanduk dipasang untuk memeriahkan suasana pada hari tersebut. Ibu bapa dan murid-murid hadir awal pagi untuk memberikan sokongan terhadap aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah.

Di tengah-tengah kawasan dewan tersebut, sebuah pentas telah didirikan untuk mengadakan pelbagai aktiviti. Beberapa orang murid bersama guru kelihatan sedang membuat persembahan. Pengunjung bersorak gembira kerana terhibur dengan persembahan yang dipersembahkan oleh semua peserta.

Selain itu, terdapat pelbagai permainan menarik yang disediakan. Antaranya ialah

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

pertandingan tarik tali yang disertai oleh murid-murid. Dalam permainan itu, para peserta menarik tali dengan bersungguh-sungguh kerana disokong oleh rakan-rakan dan ibu bapa yang memberikan sorakan dan semangat.

Di bahagian lain pula, terdapat beberapa gerai makanan yang menjual pelbagai juadah makanan seperti nasi lemak, keropok lekor, dan sebagainya. Ibu bapa dan murid mengambil peluang menikmati makanan sambil berbual mesra. Suasana menjadi lebih meriah dengan gelak tawa yang kedengaran di sekeliling kawasan tersebut.

Secara keseluruhannya, program Hari Keluarga Peringkat Sekolah ini berlangsung dengan jayanya. Program seperti ini dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara pihak sekolah dengan murid dan ibu bapa.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Tarikh: _____

UNIT 14

TEMA 5: Kebudayaan, Kesenian, dan Estetika

Persada Seni Lambang Jati Diri

Kemahiran Membaca

Buku Teks: 104 – 105

Baca petikan di bawah ini. Kemudian, padankan soalan dengan jawapan yang betul. SP 2.1.1

Muzium Kota Kayang merupakan pusat sejarah utama yang memelihara warisan negeri Perlis sejak zaman lampau. Muzium ini terletak di Mukim Kayang, berhampiran dengan Bukit Kayang dan tebing Sungai Perlis. Lokasi ini amat strategik dan kaya dengan nilai sejarah. Muzium ini menempatkan lima galeri utama seperti galeri arkeologi dan sejarah pemerintahan yang memaparkan kronologi sejarah, artifak arkeologi, perkembangan pemerintahan negeri, dan budaya diraja Perlis. Selain itu, terdapat pelbagai tarikan menarik seperti makam bersejarah dan sebuah rumah tradisional berusia lebih 100 tahun yang dipindahkan dari Arau. Persekitaran di Muzium Kota Kayang yang indah dan semula jadi turut menjadikan muzium ini kawasan rekreasi yang nyaman untuk pengunjung. Tambahan pula, muzium ini dibuka pada setiap hari dari pukul 9:00 pagi hingga 5:00 petang dengan menawarkan kemasukan secara percuma sekali gus menjadikan muzium ini destinasi pendidikan yang popular untuk mengenali sejarah tertua dan keunikan negeri Indera Kayangan.

1.	Di manakah terletaknya Muzium Kota Kayang?	Rumah tradisional berusia lebih 100 tahun
2.	Apakah jenis galeri yang terdapat di muzium ini?	Percuma
3.	Yang manakah merupakan tarikan di Muzium Kota Kayang?	Mukim Kayang, Kuala Perlis
4.	Berapakah bayaran masuk ke Muzium Kota Kayang?	Galeri arkeologi dan sejarah pemerintahan

Pada pendapat anda, mengapakah Muzium Kota Kayang sesuai dijadikan sebagai destinasi pendidikan untuk murid?

Pada pendapat saya, Muzium Kota Kayang sesuai dijadikan sebagai destinasi pendidikan kerana menyediakan pelbagai maklumat tentang sejarah, arkeologi, dan budaya negeri Perlis. Selain itu, murid dapat melihat artifak sebenar dan memahami warisan negara secara lebih dekat dalam suasana pembelajaran yang menarik.

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kemahiran Menulis

Buku Teks: 106

Baca dan fahami maklumat yang diberikan. Kemudian, lengkapkan dialog. SP 3.2.3

Makyung



- Makyung ialah persembahan cerita melalui tarian dan nyanyian.
- Makyung dipersembahkan sebagai hiburan, selain berfungsi sebagai cara perubatan.
- Persembahan makyung menggabungkan lakonan, tarian, lagu, cerita, serta teks percakapan yang formal dan bersahaja.
- Tarian ini kebanyakannya ditarikan oleh wanita.
- Cerita yang dipersembahkan biasanya berkaitan dengan watak raja, dewa, dan pelawak.

INFO

Kata Kerja Berimbuhan

Cikgu Ain: Murid-murid, tarian makyung merupakan persembahan cerita melalui tarian dan nyanyian.

Sarah: Selain sebagai cara perubatan, makyung juga dipersembahkan sebagai hiburan masyarakat.

Fairuz: Wah, mesti seronok jika kita dapat menyaksikan tarian makyung secara dekat!

Sarah: Ya, saya pun teruja hendak menonton tarian itu kerana persembahan tarian Makyung menggabungkan lakonan, tarian, lagu, cerita, serta teks percakapan yang formal dan bersahaja.

Cikgu Ain: Fairuz, pada pendapat kamu, mengapakah tarian tradisional Melayu wajar dipopularkan semula?

Fairuz: Saya berpendapat bahawa tarian tradisional Melayu wajar dipopularkan semula supaya golongan muda dapat belajar dan menghargai khazanah kesenian kita yang semakin dilupai.

Sarah: Saya bersetuju dengan pendapat Fairuz.

Bonus PdPc Praktis i-THINK Tema 5

KUIZ GAMIFIKASI

Kuiz 3

MENGUASAI (✓) TP1 TP2 TP3 TP4 TP5 TP6

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Aspek Tatabahasa

Buku Teks: 108

A **Bulatkan jawapan yang betul.** SP 5.1.4

1. Balkish menjadi _____ (hidung tinggi/kembang hidung/panjang tangan) apabila dipuji oleh gurunya kerana mendapat keputusan cemerlang.
2. Sikap Zayyan yang suka mencuri barang orang menyebabkan dia digelar _____ (panjang tangan/berat tulang/ringan mulut) oleh penduduk kampung.
3. Khalisya seorang yang _____ (ringan tulang/keras kepala/makan angin) kerana dia rajin membantu ibunya di dapur pada setiap hari.
4. Janganlah kamu _____ (berat tulang/kaki ayam/ringan tangan) apabila diminta melakukan sesuatu perkara yang baik.
5. Mereka _____ (makan angin/langkah kanan/hati batu) ke Pulau Langkawi pada cuti sekolah yang lalu.

B **Lengkapkan ayat di bawah dengan peribahasa yang paling sesuai.**

seperti anjing dengan kucing	di mana ada kemahuan, di situ ada jalan	bagai aur dengan tebing
seperti kacang lupakan kulit	seperti katak di bawah tempurung	

1. Walaupun berasal daripada keluarga yang miskin, Amir berjaya dalam pelajaran kerana dia rajin berusaha. Bagi Amir, di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.
2. Penduduk di kampung itu bagai aur dengan tebing apabila mereka saling membantu ketika mengadakan majlis kenduri.
3. Melissa seperti katak di bawah tempurung apabila dia tidak mengetahui perkara yang berlaku di luar kerana jarang bergaul dengan orang lain.
4. Kumar seperti kacang lupakan kulit apabila dia lupa akan jasa ibu bapanya setelah berjaya dalam hidup.
5. Mereka seperti anjing dengan kucing kerana sering bergaduh dan tidak pernah sependapat walaupun tinggal serumah.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Tarikh: _____

UNIT 15

TEMA 5: Kebudayaan, Kesenian, dan Estetika

Estetika Cita Rasa Malaysia

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Buku Teks: 109

TRACK 12

Dengar petikan dengan telitinya. Kemudian, lengkapkan dialog di bawah ini berdasarkan maklumat daripada petikan yang didengar. SP 1.1.2



Helmi Naim Ahmad merupakan seorang usahawan kraf tangan tempatan yang terkenal di negara kita.



Beliau memulakan usahanya sebaik-baik sahaja menamatkan persekolahannya pada tahun 2011.



Produk senduk tempurung hasil kraf tangan milik syarikatnya telah berjaya menembusi pasaran luar negara. Hal ini dikatakan demikian kerana aspek ketahanan dan bersifat natural membuatkan produk hiasan ini menjadi pilihan utama masyarakat. Selain itu, nilai estetika yang terdapat pada dekoratif kraf yang dihasilkannya sangat bermutu dan eksklusif.

Anugerah yang diterima oleh beliau membuktikan bahawa beliau seorang usahawan yang berjaya dan kebolehannya dalam bidang seni kraf ini diiktiraf oleh kerajaan.





Untuk bersaing dalam pasaran seni kraf ini, Encik Helmi sentiasa berusaha dalam menghasilkan kraf terbaik dari segi nilai seninya dan sentiasa memenuhi permintaan pencinta seni kraf ini.

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kemahiran Menulis

Buku Teks: III

Baca pernyataan yang diberikan di bawah ini. Kemudian, tulis pengalaman kamu mengikuti lawatan sambal belajar tersebut. Panjangnya jawapan kamu hendaklah antara 80 hingga 120 patah perkataan. SP 3.3.1

Baru-baru ini, Persatuan Sejarah sekolah kamu telah mengadakan lawatan sambil belajar di Muzium Negara.

Persatuan Sejarah sekolah saya telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Muzium Negara. Lawatan ini disertai oleh 40 orang murid dan guru pengiring. Lawatan ini bertujuan untuk menambahkan pengetahuan murid-murid tentang sejarah negara.

Sebelum bertolak ke Muzium Negara, kami diberikan sebuah buku dan sebatang pen oleh guru pengiring supaya kami dapat menulis maklumat yang terdapat di Muzium Negara.

Setibanya di muzium, kami disambut oleh beberapa orang pegawai muzium. Pegawai-pegawai itu memberikan taklimat ringkas tentang peraturan dan sejarah muzium sebelum membawa kami melihat barang-barang pameran yang terdapat di dalam muzium itu.

Selepas itu, kami dibawa melawat pelbagai galeri yang mempamerkan artifak bersejarah seperti pakaian tradisional, senjata lama, dan bahan arkeologi. Saya dan rakan-rakan tidak melepaskan peluang untuk mengambil gambar artifak-artifak tinggalan sejarah yang dipamerkan di muzium itu dan menulis maklumat penting tentang artifak tersebut.

Lawatan ini memberikan banyak pengetahuan baharu kepada saya. Saya berharap agar aktiviti seperti ini dapat diadakan lagi pada masa hadapan kerana sangat bermanfaat.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Tarikh: _____

TEMA 6: Sains, Teknologi, dan Inovasi

UNIT 16

Indahnya Sains

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Buku Teks: 120 – 121

Buat rumusan bagi pernyataan di bawah ini. SP 1.2.3

Sains dan teknologi memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan kita seharian. Hal ini dikatakan demikian kerana sains dan teknologi memudahkan banyak urusan harian, mempercepat komunikasi, dan meningkatkan kualiti hidup manusia. Melalui kemajuan sains dan teknologi, pelbagai ciptaan moden seperti telefon pintar, komputer, dan Internet telah membantu kita memperoleh maklumat dengan pantasnya dan berhubung dengan orang lain di seluruh dunia. Selain itu, bidang perubatan semakin maju dengan adanya peralatan canggih yang dapat merawat pelbagai penyakit dengan lebih berkesan. Oleh itu, sains dan teknologi bukan sahaja memudahkan kehidupan, malah membantu untuk membangunkan negara menjadi lebih maju dan berdaya saing.

Terdapat banyak bidang dalam sains yang boleh diterokai oleh manusia untuk memahami alam dan memajukan kehidupan. Antara bidang tersebut termasuklah:

1. Biologi – Mengkaji kehidupan seperti manusia, haiwan, dan tumbuhan
2. Kimia – Mengkaji bahan, sifatnya, dan perubahan yang berlaku apabila bahan bergabung
3. Fizik – Mengkaji tenaga, daya, gerakan, dan fenomena alam semula jadi
4. Astronomi – Mengkaji planet, bintang, galaksi, dan alam semesta
5. Geologi – Mengkaji bumi seperti batuan, gunung, dan struktur bumi
6. Perubatan – Mengkaji kesihatan manusia dan cara merawat penyakit
7. Sains Alam Sekitar – Mengkaji hubungan antara manusia dengan alam sekitar dan cara melindunginya

Kesemua bidang ini membantu manusia memahami dunia dengan lebih mendalam dan mencipta pelbagai teknologi yang bermanfaat dalam kehidupan harian.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Respons murid:

Kesimpulannya, bidang-bidang dalam sains seperti biologi, kimia, fizik, astronomi, geologi, perubatan, dan sains alam sekitar amat penting untuk diterokai kerana bidang-bidang ini membantu manusia memahami alam dengan lebih mendalam. Selain itu, bidang ini menyumbang penciptaan teknologi moden, peningkatan kesihatan, dan pemeliharaan alam sekitar. Oleh itu, penerokaan dalam bidang sains perlu diteruskan demi kemajuan kehidupan manusia dan negara.

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Aspek Tatabahasa

Buku Teks: 126

Berdasarkan teks, kenal pasti dan nyatakan maksud ayat yang mengandungi perkataan berimbuhan. SP 5.2.1

Sarah bercita-cita hendak menjadi seorang saintis. Bagi mencapai cita-citanya, dia belajar dengan bersungguh-sungguh. Sarah juga suka membaca buku. Buku-buku kegemaran Sarah bertemakan **fiksyen** sains seperti kisah pengembaraan di cakerawala, dunia serangga, dan alam semula jadi.

Di samping itu, Sarah gemar mengumpulkan model-model dan alatan berkaitan dengan dunia sains dan teknologi. Sarah juga bercita-cita hendak membeli peralatan seperti mikroskop, binokular, **periskop**, dan kanta pembesar. Alatan ini memberikan sumber inspirasi kepadanya.

Tokoh saintis yang menjadi idola Sarah ialah Alexander Graham Bell dan Datuk Dr. Sheikh Muszaphar. Dia kagum akan kehebatan Alexander Graham Bell yang mencipta telefon. Selain itu, dia berasa bangga akan Datuk Dr. Sheikh Muszaphar yang merupakan angkasawan pertama Malaysia. Sarah yakin bahawa cita-citanya untuk menjadi seorang saintis akan tercapai.

Ayat yang mempunyai kata berimbuhan	Maksud ayat yang mengandungi kata berimbuhan
1. Sarah **bercita-cita** hendak menjadi seorang saintis.	Sarah berharap hendak menjadi saintis pada suatu hari nanti.
2. Sarah gemar **mengumpulkan** model-model dan alatan berkaitan dengan dunia sains dan teknologi.	Sarah suka menyimpan dan menambahkan bilangan model dan alatan berkaitan dengan sains dan teknologi.
3. Selain itu, dia berasa bangga akan Dr. Sheikh Muszaphar yang merupakan **angkasawan** pertama Malaysia.	Selain itu, dia berasa bangga akan Dr. Sheikh Muszaphar yang merupakan orang Malaysia pertama menyertai misi ke angkasa lepas.
4. Sarah yakin bahawa cita-citanya untuk menjadi seorang saintis akan **tercapai**.	Sarah yakin bahawa cita-citanya untuk menjadi seorang saintis akan berjaya.

Cakna Kata

- **fiksyen** – karya sastera yang dicipta daripada imaginasi seperti novel dan cerita pendek
- **periskop** – teropong untuk melihat benda-benda yang tinggi letaknya

KUIZ GAMIFIKASI

Kuiz 4

Bonus PdPc Nota Kata Nama Berimbuhan

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Tarikh: _____

TEMA 6: Sains, Teknologi, dan Inovasi

UNIT 17


Teknologi Membantu Kita

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Buku Teks: 127

Baca dan fahami maklumat yang diberikan di bawah ini. Kemudian, lengkapkan dialog berdasarkan maklumat tersebut. SP 1.2.1

Mesin Kuih Kapit



- menggunakan kuasa elektrik
- bersifat mudah alih, ringan, dan senang dilaraskan
- mempunyai roda dan skru bertingkat
- mesin ini dibuat daripada keluli tahan karat
- menghasilkan kuih kapit dengan lebih cepat
- dapat menyiapkan 250 keping kuih kapit dalam masa sejam

Azman: Pada pendapat abang, mesin kuih kapit elektrik ini sesuai untuk dihadiahkan kepada ibu semasa sambutan hari kelahiran ibu pada minggu hadapan.

Azmi: Saya bersetuju dengan cadangan abang. Walaupun mesin kuih kapit ini menggunakan kuasa elektrik, namun bentuk mesin kuih ini agak ringkas dan mudah untuk digunakan. Dalam pada itu, mesin ini juga bersifat mudah alih, ringan, dan senang dilaraskan mengikut kesesuaian pengguna kerana mesin ini mempunyai roda dan skru bertingkat. Bagaimanakah pula dengan kamu, Azlina?

Azlina: Saya pun bersetuju. Mesin ini juga dibuat daripada keluli tahan karat. Penggunaan bahan tahan karat ini akan memberikan jaminan bahawa produk yang dihasilkan lebih bersih dan selamat.

Azman: Abang pasti dengan adanya mesin ini, kerja-kerja ibu akan menjadi lebih mudah dan ibu dapat menghasilkan kuih kapit ini dengan lebih cepat. Menurut brosur yang abang peroleh daripada jurujual itu, mesin ini dapat menyiapkan 250 keping kuih kapit dalam masa sejam.

Azlina: Ibu pasti gembira. Selain dapat menyiapkan tempahan daripada para pelanggannya dengan lebih cepat, ibu juga mempunyai masa untuk berehat.

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kemahiran Membaca

Buku Teks: 128 – 129

Baca dan fahami petikan di bawah ini. Kemudian, buat rumusan berdasarkan bahan tersebut.

SP 2.2.1

Daun Betik Pengubat Denggi

Pokok betik merupakan sejenis tanaman yang membiak melalui biji benih. Buah betik kaya dengan vitamin A dan C. Daun betik pula boleh digunakan untuk merawat demam denggi. Namun begitu, ramai yang tidak menyedari kebaikan buah betik dan daun betik ini.

Sekumpulan penyelidik daripada Institut Penyelidikan Perubatan yang diketuai oleh Dr. Soobitha Subenthran telah membuat kajian terhadap jus daun betik. Mereka mendapati jus daun betik mampu meningkatkan bilangan sel platlet darah di dalam badan pesakit yang menghidap demam denggi. Kumpulan tersebut telah bekerjasama dengan Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang bagi melakukan kajian klinikal terhadap 228 orang pesakit demam denggi dan demam denggi berdarah. Sebahagian daripada jumlah pesakit tersebut telah diberikan 50 gram jus daun betik selama tiga hari berturut-turut. Kemudian, bacaan bilangan sel platlet darah para pesakit diambil selama dua hari. Setelah itu, mereka mendapati pesakit yang mengambil jus daun betik mempunyai kadar bilangan sel platlet darah yang lebih tinggi berbanding dengan pesakit yang tidak mengambil jus betik.

Penemuan ini amat penting kerana sehingga kini, kaedah rawatan demam denggi hanya menggunakan kaedah pemindahan cecair atau darah. Oleh itu, penemuan baharu ini pasti dapat meningkatkan kemajuan kaedah perubatan di negara kita dalam membantu para pesakit.

Rumusan

Buah betik kaya dengan vitamin A dan C. Daun betik pula dapat merawat penyakit demam denggi. Penemuan terkini ialah fungsi daun betik sebagai penawar penyakit demam denggi. Penemuan tersebut memberikan keyakinan terhadap penggunaan tumbuh-tumbuhan sebagai sumber ubat-ubatan dalam kehidupan manusia. Ekstrak daun betik digunakan untuk meningkatkan kandungan platlet dalam darah. Keberkesanan ekstrak daun betik telah terbukti melalui kajian yang dilakukan oleh sekumpulan pengkaji. Penemuan ini telah memperkenalkan kaedah baharu dalam teknologi perubatan. Kosnya adalah lebih murah dan mudah untuk disediakan. Situasi ini dapat menjimatkan perbelanjaan pesakit. Selain itu, daun betik mudah diperoleh sama ada di kampung atau di bandar-bandar. Daun betik juga bebas daripada sebarang bahan terlarang. Penemuan ini dapat membantu pakar perubatan menyelamatkan nyawa para pesakit berbanding dengan kaedah sebelumnya yang lebih rumit.

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kemahiran Menulis

Buku Teks: 130

Tulis sebuah laporan berdasarkan bahan yang diberikan. SP 3.3.1

Kelab Sains sekolah anda telah mengadakan program Hari Sains dan Teknologi. Sebagai setiausaha kelab, anda dikehendaki menulis laporan tentang program tersebut.

Tajuk	Hari Sains dan Teknologi
Isi-isi penting	• Kelab Sains sekolah mengadakan Program Hari Sains dan Teknologi pada 29 April 2027 di dewan sekolah. • Program bertujuan untuk meningkatkan minat murid terhadap bidang sains dan teknologi. • Majlis perasmian disempurnakan oleh pengetua sekolah. • Aktiviti yang dijalankan termasuklah pameran sains, pertandingan reka cipta, dan demonstrasi eksperimen. • Sesi kuiz sains turut diadakan dan mendapat sambutan yang baik. • Program berjalan dengan lancarnya dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada warga sekolah.
Kesimpulan	Program ini memberikan manfaat dan memupuk minat murid terhadap sains dan teknologi.

Rujuk bahagian jawapan

eP+ Bonus PdPc Praktis i-THINK Tema 6

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

MENGUASAI (✓) TP1 TP2 TP3 TP4 TP5 TP6

Aspek Tatabahasa

Buku Teks: I32

Isi tempat kosong dengan kata berimbuhan dan kata majmuk yang paling sesuai. SP 5.1.2

bersaing	membentangkan	menyampaikan	menganugerahkan
mematuhi	menasihati	mengadakan	membaiki
	menyediakan	menyiapkan	

Bonus PdPc Kuiz Gamifikasi

1. Murid-murid itu menyiapkan projek sains dengan penuh teliti sebelum dihantar kepada guru.
2. Pihak sekolah menganugerahkan wang tunai dan hamper kepada murid-murid yang menunjukkan pencapaian cemerlang dalam ujian.
3. Para murid sedang membentangkan hasil kajian mereka di hadapan kelas.
4. Cikgu Amirah menasihati Akram supaya rajin mengulang kaji pelajaran jika ingin mendapatkan keputusan ujian yang cemerlang.
5. Mereka mematuhi peraturan sekolah dengan baiknya sepanjang program berlangsung.
6. Juruteknik itu membaiki mesin yang rosak di makmal dengan segeranya.
7. Murid-murid menyediakan bahan eksperimen sebelum memulakan aktiviti sains.
8. Guru besar menyampaikan ucapan bersempena dengan Hari Sains dan Teknologi di dewan sekolah.
9. Para peserta bersaing dalam pertandingan reka cipta dengan penuh semangat.
10. Pihak sekolah mengadakan lawatan sambil belajar ke muzium untuk murid-murid.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Tarikh: _____

TEMA 6: Sains, Teknologi, dan Inovasi

UNIT 18

Inovasi Kreatif


Kemahiran Mendengar dan Bertutur


Buku Teks: 133

TRACK 13

Dengar dialog dengan telitinya. Kemudian, lengkapkan peta pemikiran yang diberikan. Ceritakan kepada kelas. SP 1.1.2









i-THINK Peta Alir

Bahan-bahan yang kita perlukan ialah 200 mililiter air, 50 gram gula perang, satu gram yis, dan satu botol plastik dua liter.

→ Potong separuh botol plastik dengan menggunakan pisau yang tajam. Simpan bahagian atas botol tersebut.

→ Kemudian, campurkan gula perang dengan air panas di dalam sebuah bekas. Biarkan campuran itu sejuk.

→ Apabila sejuk, tuangkan campuran itu ke dalam bahagian bawah botol yang dipotong itu.

→ Selepas itu, tambahkan yis tetapi tidak perlu digaul. Campuran ini akan menghasilkan karbon dioksida.

→ Seterusnya, masukkan bahagian atas botol ke dalam potongan botol bahagian bawah tadi.

→ Akhir sekali, bungkus botol dengan sesuatu yang hitam dan letakkan di beberapa sudut rumah anda.

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

P+ Praktis Ekstra Tema 6

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Aspek Seni Bahasa

Buku Teks: 137

Lihat dan fahami grafik yang diberikan. Kemudian, hasilkan cerita berdasarkan gambar tersebut.

SP 4.3.2 KBAT Mencipta

Pertandingan Inovasi dan Kreativiti



Pada suatu hari, sekolah saya mengadakan pertandingan Inovasi dan Kreativiti yang bertemakan "Ciptaan untuk Masa Hadapan". Semua murid sangat teruja untuk menyertai pertandingan tersebut kerana dapat memberikan peluang kepada kami menunjukkan bakat dan idea masing-masing.



Saya dan rakan-rakan sekumpulan telah mencipta sebuah alat penyiram pokok automatik menggunakan bahan kitar semula. Kami berbincang dan mereka bentuk alat tersebut dengan penuh teliti supaya alat itu dapat berfungsi dengan baiknya. Walaupun menghadapi beberapa cabaran, namun kami tidak mudah berputus asa.



Pada hari pertandingan, kami membentangkan hasil ciptaan kami di hadapan para juri. Mereka sangat kagum akan idea kami yang kreatif dan inovatif kerana alat tersebut dapat menjimatkan air dan memudahkan kerja-kerja penjagaan tanaman.



Akhirnya, kumpulan kami berjaya mendapat tempat kedua dalam pertandingan tersebut. Kami berasa sangat gembira dan bersyukur. Pengalaman ini mengajar saya bahawa kita perlu kreatif supaya dapat menghasilkan sesuatu yang bermanfaat untuk kehidupan.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis Masteri 2

Bahagian A

Tatabahasa

Praktis 2

Soalan 1 hingga 6

Pilih jawapan yang **paling sesuai.**

1. "Kamu boleh bermain di taman permainan itu _____ mesti pulang sebelum pukul 6:30 petang," kata ibu.
   A dan
   (C) tetapi
   B lalu
   D sementara

2. Sesiapa _____ yang ingin menyertai tarian tradisional itu perlu mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa.
   A -lah
   (C) juga
   B -kah
   D adalah

3. _____ bersemayamlah baginda di istana yang baru dibina itu.
   (A) Arkian
   C Adapun
   B Alkisah
   D Sebermula

4. Puan Rina memasukkan air _____ daging berserta rempah-ratus untuk memasak masakan tradisi keluarganya.
   (A) rebusan
   C perebusan
   B merebus
   D merebuskan

5. Mereka sedang mendengar taklimat tentang _____ sambutan Hari Kemerdekaan yang ke-70.
   A menjalani
   B dijalankan
   (C) perjalanan
   D menjalankan

6. Seorang pemberita telah _____ wakil penduduk di kawasan itu pada petang semalam.
   A menguji kaji
   C menemu duga
   (B) menemu bual
   D menyoal siasat

Soalan 7 hingga 10

Pilih ayat yang **betul.**

7. A Murid-murid menasihatkan supaya berhati-hati semasa menunggang basikal ke sekolah.
   B Alat permainan yang rosak di taman itu dibaiki kerana tidak memudaratkan kanak-kanak.
   (C) Persatuan Rukun Tetangga diwujudkan bagi memastikan keselamatan penduduk di taman perumahan itu.
   D Cikgu Azim meminta murid-murid melakukan kaji selidik di makmal sains mengikut langkah yang ditetapkan.

8. (A) Hafizuddin lewat tiba di sekolah kerana kereta ayahnya rosak.
   B Hatta padang itu tersangatlah luas, saujana mata memandang.
   C Haikal atau Hamim berbasikal ke sekolah bersama-sama setiap hari.
   D Ibu menasihati kakak supaya berhati-hati setelah memotong bawang.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

9. A Sekolah Andrew dan Patrick jauh dari bandar pusat.
   B Emak menasihati adik kerana tidak makan makanan ringan terlalu banyak.
   (C) Kutu-kutu rayau itu masih melepak di tepi jalan walaupun sudah larut malam.
   D Fadzuwal membeli goreng pisang di gerai yang berdekatan dengan rumahnya.

10. (A) Pak Hussin membakar lemang di halaman rumah.
    B Abang dimasukkan beberapa bungkus biskut ke dalam balang.
    C Hanim menyatakan yang tarian sumazau terkenal di negeri Sabah.
    D Aleesya dan Suraya bermain batu seremban serta mendengar radio.

Pemahaman Petikan (Teks Tunggal & Teks Pelbagai)

Praktis 2

Teks Tunggal

Soalan 1 hingga 3

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Sarawak sangat terkenal dengan hasil kraf tangan. Kraf tangan ini dihasilkan daripada sumber alam seperti rotan, buluh, nipah, mengkuang, dan buluh bemban. Antara kraf tangan yang dihasilkan ialah bakul, terendak, dan tikar.

Aktiviti menganyam bakul merupakan rutin wanita Iban. Bakul yang dihasilkan mempunyai pelbagai fungsi tersendiri. Contohnya, bakul digunakan dalam upacara keagamaan. Selain itu, bakul digunakan untuk bercucuk tanam, menuai padi, dan menyimpan padi. Kemahiran membuat bakul yang cantik ini dapat meningkatkan taraf seseorang wanita.

1. Apakah sumber alam yang digunakan untuk membuat kraf tangan?
   A Tikar
   B Bakul
   C Terendak
   (D) Mengkuang

2. Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
   (A) Rutin wanita Iban ialah menganyam bakul.
   B Bahan-bahan untuk menghasilkan kraf tangan sukar didapati.
   C Kemahiran membuat bakul telah meningkatkan taraf negeri Sarawak.
   D Bakul merupakan sumber alam untuk menghasilkan kraf tangan negeri Sarawak.

3. Berikut ialah kegunaan bakul, *kecuali*
   A untuk bercucuk tanam.
   (B) untuk menaikkan taraf wanita.
   C untuk menuai dan menyimpan padi.
   D digunakan untuk upacara keagamaan.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Teks Pelbagai

Soalan 4 hingga 7

Baca maklumat dalam **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

BAHAN 1

Ammar membelek-belek buku catatannya. Banyak tempahan yang diperolehnya. Ada satu tempahan daripada Pasukan Gema Serentak. Pasukan Gema Serentak ialah kumpulan muzik yang ditubuhkan untuk mengiringi pengantin semasa majlis perkahwinan. Muzik tradisional dimainkan dengan diiringi oleh nyanyian lagu-lagu tradisional dalam versi Melayu atau Arab. Muzik moden pula akan diselitkan dengan gerak tari dan formasi.

Ammar telah diamanahkan untuk menghasilkan baju kemeja-T baharu untuk Pasukan Gema Serentak. Dia perlu menghasilkan baju seragam yang cantik dan *selesa* mengikut kemahuan ahli pasukan Gema Serentak.

BAHAN 2



Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

4. Pasukan Gema Serentak ialah
- **A** penulis buku catatan.
- **B** pembuat baju kemeja-T.
- **C** penyelaras majlis perkahwinan.
- **(D)** kumpulan muzik yang mengiringi pengantin.

5. Dia perlu menghasilkan <u>baju seragam</u> yang cantik dan selesa mengikut kemahuan ahli pasukan Gema Serentak.

Penjodoh bilangan yang sesuai bagi perkataan yang bergaris dalam ayat di atas ialah
- **A** buah.
- **(B)** helai.
- **C** keping.
- **D** naskhah.

6. Perkataan *selesa* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan
- **A** ketat.
- **B** sempit.
- **C** lengang.
- **(D)** enak.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

7. Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
   A Pasukan Gema Serentak menerima dua tempahan.
   B Syarikat Cetak dan Ceria menyediakan tempahan kemeja-T yang selesa.
   C Muzik tradisional dimainkan dengan menyelitkan gerak tari dan formasi.
   D Pasukan Gema Serentak mengenakan bayaran untuk setiap persembahan.

Bahagian B

Tatabahasa dan Pemahaman Petikan

Praktis 2

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Cuaca pada ketika ini agak panas. Oleh itu, Syahira dan adiknya, Syakila membeli air sirap di kantin pada setiap hari. Mereka juga sering singgah di gerai jualan air semasa pulang kerana ingin membeli air sirap.

Pada hari ini, suara Syahira menjadi parau selepas bangun daripada tidur. Dia juga mula berasa sakit tekak. Syakila pula mulai batuk-batuk. Oleh itu, ibu meminta mereka bersiap-siap untuk dibawa ke klinik.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

1. (a) Suara Syahira berubah kerana dia sakit tekak.

   (b) Mengapakah Syahira berasa sakit tekak?
   Syahira berasa sakit tekak kerana dia gemar minum air sirap yang dijual di kantin sekolah dan gerai jualan air.

   (c) *Bulatkan* **kata adjektif** *yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

   Pada hari ini, suara Syahira menjadi (parau) selepas bangun daripada tidur.

   (d) *Pilih dan tulis* **(BETUL)** *bagi ayat yang* **sama maksud** *dengan ayat yang diberikan.*

   Oleh itu, Syahira dan adiknya, Syakila membeli air sirap di kantin pada setiap hari.

Dengan itu, air sirap yang dijual di kantin dibeli oleh Syahira dan adiknya, Syakila pada setiap hari.	BETUL
Syahira dan adiknya, Syakila membeli air sirap yang dijual di kantin.	

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Respons Kritis dan Kreatif

Praktis 2

Baca dan fahami situasi di bawah ini. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.

Panitia Sains sekolah kamu telah menganjurkan Pertandingan Melancarkan Kapal Terbang Kertas. Ketika pertandingan berlangsung, kapal terbang kertas kamu mendarat pada jarak yang paling jauh. Kapal terbang kertas milik rakan kamu pula mendarat berhampiran dengan kapal terbang kertas milik kamu. Namun begitu, warna yang sama pada kedua-dua kapal terbang kertas itu telah menyebabkan rakan kamu beranggapan bahawa kapal terbangnya telah memenangi pertandingan itu.

Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang akan kamu lakukan?

Saya akan memaklumkan situasi sebenar tentang kapal terbang kertas milik saya kepada guru. Saya juga akan menunjukkan bukti, iaitu tulisan nama dan tanda khas pada kapal terbang kertas tersebut kepada guru. Selain itu, saya akan memohon maaf daripada rakan saya itu.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian C

Penulisan Perenggan

Praktis 2

Grafik di bawah ini menunjukkan aktiviti menjaga kebersihan rumah.
Tulis pendapat kamu tentang **cara-cara menjaga kebersihan rumah**.
Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu perenggan**.
Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.



Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Pada pendapat saya, kita perlulah memastikan setiap ruang di rumah kita sentiasa bersih. Misalnya, kita hendaklah mengelap habuk-habuk yang melekat pada bunga hiasan dan kipas siling di rumah kita. Selain itu, kita boleh menggunakan pembersih hampa gas untuk menyedut habuk dan kotoran di atas lantai. Seterusnya, surat khabar dan majalah yang sudah tidak digunakan lagi boleh dikumpulkan supaya dapat dilupuskan. Kesimpulannya, kita mesti mengamalkan cara-cara menjaga kebersihan rumah dengan baiknya bagi menjamin kesihatan keluarga.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian D

Penulisan Karangan

Praktis 2

Teliti bahan grafik di bawah ini. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk **karangan berformat atau karangan tidak berformat**.

Panjangnya karangan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.

PASAR MALAM



- ✓ peniaga melayan pelanggan
- ✓ menjual pelbagai jenis barang
- ✓ harga lebih murah dan berpatutan
- ✓ suasana bising tetapi meriah

Waktu Beroperasi

4:30 petang – 11:30 malam

Kawasan tempat letak kereta yang selesa

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

1. Tulis surat kiriman tidak rasmi berdasarkan bahan grafik yang diberikan.

ATAU

2. Tulis sebuah karangan tentang pasar malam yang berhampiran dengan tempat tinggal anda.

1. Karangan Berformat (Surat Kiriman Tidak Rasmi)

No. 30, Jalan SP9/2,

Taman Salak Perdana,

43900 Sepang,

Selangor.

27 Jun 2027.

Menemui sahabatku, Saudara Matthew yang berada di Sydney, Australia. Semoga saudara sihat sejahtera di samping keluarga tercinta.

Saudara,

Saya ingin mengucapkan terima kasih atas surat saudara yang saya terima dua minggu lalu. Saya amat teruja mendengar cerita saudara tentang pasar pagi yang ada di tempat saudara. Dalam surat ini, saya akan menceritakan perihal pasar malam yang ada di tempat saya pula.

Pasar malam di tempat saya dibuka seawal pukul 4:00 petang. Pasar ini diadakan seminggu sekali. Jalan yang dijadikan tapak pasar malam ditutup lebih awal untuk memudahkan peniaga mendirikan khemah untuk menjual pelbagai jenis barang.

Berbagai-bagai produk dijual di pasar malam di negara saya. Antaranya ialah bahan mentah, perkakas dapur, dan makanan segera. Pakaian, aksesori wanita, barang permainan, bahan audio, dan barangan terpakai turut dijual di pasar malam.

Pasar malam ini kebiasaannya lengang selepas pukul 11:45 malam kerana para pembeli mulai meninggalkan kawasan tapak jualan. Para peniaga pula sibuk berkemas dan menyimpan segala barangan jualan serta membersihkan tapak gerai masing-masing. Begitulah suasana pasar malam yang ada di tempat saya. Semoga kita dapat bertemu dalam lembaran yang lain. Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,

Ahmad Nizam

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

2. Karangan Tidak Berformat (Keperihalan)

Pasar malam dibuka seawal pukul 4:00 petang. Pasar ini diadakan seminggu sekali. Laluan yang dijadikan sebagai tapak pasar malam ditutup lebih awal untuk memudahkan peniaga menyusun barang jualan mereka. Mereka juga mendirikan khemah di tempat yang telah dikhaskan.

Berbagai-bagai produk dijual di pasar malam seperti bahan mentah, perkakas dapur, dan makanan segera. Pakaian, aksesori wanita, barang permainan, bahan audio, dan barangan

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

terpakai juga boleh didapati di pasar malam.

Kendatipun begitu, tidak semua pengunjung yang datang ke pasar malam berhasrat untuk berbelanja. Ada antara mereka yang hanya mundar-mandir sambil meninjau harga barangan tertentu. Ada juga yang menjadikan pasar malam sebagai medan pertemuan.

Gerai yang popular di pasar malam biasanya menggunakan audio untuk melariskan barangan jualan. Pembesar suara bergema dari pelbagai arah untuk menguar-uarkan jualan murah, jualan lelong, dan barangan baharu yang sedang hangat dalam pasaran.

Pasar malam ini kebiasaannya lengang selepas pukul 11:45 malam kerana para pembeli mulai meninggalkan kawasan tapak jualan kerana para peniaga pula sibuk berkemas dan menyimpan segala barangan jualan serta membersihkan tapak gerai masing-masing.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Tarikh: _____

TEMA 7: Pertanian dan Penternakan

UNIT 19


Penternakan Janakan Pendapatan

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Buku Teks: 144 – 145

Lihat rajah di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, lengkapkan dialog yang diberikan dengan menggunakan idea yang kritis dan kreatif berdasarkan maklumat yang tersurat dan tersirat. SP 1.2.2

KBAT Menganalisis



Sharil: Kawan-kawan, saya telah menghadiri majlis penganugerahan Tokoh Penternak Jaya pada hari minggu yang lalu. Saya kagum akan sikap pemenang penternak jaya tersebut.

Umar: Apakah sikap itu, Sharil? Bolehkah kamu kongsikan dengan kami?

Sharil: Pada saya, Encik Aziz terpilih sebagai Tokoh Penternak Jaya kerana kegigihannya menempuh pelbagai rintangan dalam mengusahakan ternakannya. Selain itu, beliau berpegang pada prinsip sepakat membawa berkat. Menurutnya, ahli keluarganya merupakan tulang belakang kejayaannya.

Daus: Benar, Sharil. Apa-apa sahaja yang kita lakukan, kita tidak boleh membelakangkan peranan ahli keluarga kita.

Umar: Apakah ternakan yang diusahakan oleh beliau?

Sharil: Beliau menternak ikan kelah. Pada peringkat awal, beliau mengusahakan sebuah kolam sahaja. Kini, beliau berjaya mengendalikan lima buah kolam ternakan ikan kelah. Menurut beliau, banyak cabaran yang dihadapi sepanjang lima tahun menternak ikan kelah ini. Antaranya termasuklah penyakit yang menyerang ikan-ikan peliharaannya, kolam yang diracun oleh pesaing, dan permintaan yang berkurangan. Walau bagaimanapun, berkat ketabahan dan kesabaran beliau, masalah tersebut dapat diatasi dengan baiknya.

Umar: Barulah kami tahu bahawa sesuatu kejayaan itu tidak mudah untuk dicapai. Namun begitu, kejayaan pasti menjelma jika kita rajin dan saling bekerjasama.

Cakna Peribahasa

- **sepakat membawa berkat** – setiap perkara dilakukan secara persetujuan oleh semua pihak yang terlibat untuk mendatangkan suatu kebaikan

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kemahiran Menulis

Buku Teks: 148

Tulis karangan berdasarkan gambar dan rangka karangan yang diberikan. SP 3.3.1 KBAT Mencipta






Pendahuluan

Pak Cik Aziz dan keluarganya tinggal di Besut, Terengganu – hidup sederhana – bekerja sebagai nelayan – berbekalkan sebuah perahu usang – ke laut pada setiap hari

Isi Pertama

Nasib mereka berubah – Persatuan Nelayan dan Penternak memberikan bantuan sebuah kolam – benih ikan talapia kepada Pak Cik Aziz

Isi Kedua

Semenjak itu, Pak Cik Aziz tidak lagi turun ke laut – Pak Cik Aziz begitu tekun dan sabar menjaga kolam ikan tilapia – Pak Cik Aziz dibantu oleh isteri dan anak-anaknya – melakukan tugasan dengan bersungguh-sungguh

Isi Ketiga

Selang tidak lama kemudian – ikan dapat dituai – dijual kepada persatuan – mendapat pulangan yang agak lumayan – bermula daripada sebuah kolam ikan – kini, Pak Cik Aziz telah memiliki lima buah kolam ikan

Penutup

Kejayaan Pak Cik Aziz wajar dicontohi – berkat kesabaran dan ketekunannya – ibarat pepatah, "**rajin dan usaha tangga kejayaan**"

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Cakna Peribahasa

- **rajin dan usaha tangga kejayaan** – orang yang rajin berusaha pasti akan berjaya

INFO

Jenis Perikanan di Malaysia

MENGUASAI (✓) TP1 TP2 TP3 TP4 TP5 TP6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Aspek Tatabahasa

Buku Teks: 150

Bina ayat berpandukan maklumat yang diberikan dalam poster di bawah ini. SP 5.3.2

PROGRAM JUALAN HASIL PERTANIAN

Tempat: Dataran Masjid Darul Qiyyam
Hari: Sabtu
Tarikh: 13 Mac 2027
Masa: 10:00 pagi – 4:00 petang

Pelbagai barangan segar menanti anda
- Sayur-sayuran segar
- Buah-buahan tempatan
- Produk kampung
- Hasil tani berkualiti

Harga berpatutan dan murah



1. Ayat penyata

Program jualan hasil pertanian diadakan di Dataran Masjid Darul Qiyyam pada hari Sabtu.

2. Ayat tanya

Bilakah program jualan hasil pertanian di Dataran Masjid Darul Qiyyam diadakan?

3. Ayat seruan

Wah, murahnya harga barangan yang dijual di program tersebut!

4. Ayat perintah

Jemput datang beramai-ramai ke program jualan hasil pertanian itu.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

UNIT 20

Rezeki daripada Tanah

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Buku Teks: 151

TRACK 14

Dengar petikan berita dengan telitinya. Kemudian, berikan respons tentang berita tersebut. SP 1.1.3 KBAT Menilai



Berdasarkan berita yang saya dengar, saya berpendapat bahawa usaha memperkenalkan program GS oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) seharusnya dipuji dan dihargai kerana berjaya memupuk minat para murid terhadap bidang pertanian dan menanam sikap menghargai pertanian dalam diri mereka.

VIDEO

Pentingnya Pertanian di Malaysia

Kita sedia maklum bahawa pertanian merupakan sektor terpenting dalam menghasilkan sumber makanan bagi sesebuah negara. Oleh itu, sumber modal insan yang mahir dan berpengetahuan dalam bidang pertanian amat diperlukan oleh negara dalam usaha untuk memajukan dan meningkatkan hasil keluaran dalam sektor pertanian.





Usaha MARDI mengetengahkan program yang mengaplikasikan sains dan teknologi serta kemahiran, kepimpinan, dan keusahawanan merupakan suatu inisiatif untuk melahirkan lebih banyak generasi muda menceburi sektor pertanian.

eP+ Praktis Ekstra Tema 7

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kemahiran Membaca

Buku Teks: 152 – 153

Baca dan fahami pantun di bawah ini. Kemudian, tulis (BETUL) atau (SALAH) pada pernyataan yang diberikan. SP 2.1.1

Pergi ke kebun memetik daun kari,
Singgah sebentar di kedai membeli roti;
Tanah subur rezeki diberi,
Hasil dituai penuh diberkati.

Tanam bunga di tepi jalan,
Disiram pagi kembang;
Tanah memberikan banyak bekalan,
Murah rezeki bagi yang berjuang.

Anak petani menanam padi,
Padi menguning di tengah bendang;
Berkat usaha rezeki menjadi,
Hidup senang hati pun tenang.

Pergi ke dusun memetik mangga,
Buah ranum jatuh ke riba;
Rezeki tanah anugerah berharga,
Syukur dipanjat kepada Yang Esa.

1. Tema utama pantun tersebut ialah rezeki daripada hasil tanah. — BETUL

2. Nelayan merupakan jenis pekerjaan yang dinyatakan dalam pantun di atas. — SALAH

3. Ikan, udang, dan buah-buahan merupakan antara hasil yang diperoleh daripada tanah seperti yang dinyatakan dalam pantun di atas. — SALAH

4. Berdasarkan pantun tersebut, sikap bersyukur dan rajin perlu kita amalkan. — BETUL

Pada pendapat kamu, mengapakah kita perlu menghargai rezeki daripada tanah? KBAT Menganalisis

Pada pendapat saya, kita perlu menghargai rezeki daripada tanah kerana rezeki itu merupakan sumber makanan utama yang membantu manusia meneruskan kehidupan. Selain itu, usaha petani perlu dihargai dan kita harus bersyukur atas nikmat yang diberikan oleh Tuhan.

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

Bonus PdPc Praktis i-THINK Tema 7

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Aspek Seni Bahasa

Buku Teks: 155

INFO

Kad Dalil Jawi

Tulis kata-kata hikmat yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan. Kemudian, persembahkan kata-kata hikmat tersebut dalam tulisan Jawi yang sempurna. SP 4.4.2

KBAT Mencipta

1. Ilmu pengetahuan menjamin kehidupan seseorang.

Ilmu itu pelita hidup

علمو ايت ڤليتا هيدوڤ

2. Kejayaan pasti dimiliki sekiranya kita bersatu hati.

Muafakat itu berkat

موافقت ايت بركت

3. Melakukan kerja secara bertangguh akan merugikan diri sendiri.

Bertangguh itu pencuri masa

برتڠݣوه ايت ڤنچوري ماس

4. Setiap janji hendaklah ditepati.

Kata mesti dikota

كات مستي دكوتا

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Tarikh: _____

TEMA 7: Pertanian dan Penternakan

UNIT 21

Dunia Tani dan Ternak

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Buku Teks: 157

Dengar petikan dengan telitinya. Kemudian, lengkapkan dialog di bawah ini dengan bahasa yang santun. SP 1.1.2

TRACK 15

Suria: Kawan-kawan, saya telah mendengar suatu rancangan di radio tentang cara-cara membuat cantuman bunga kertas melalui teknik cantuman pucuk.

Husna: Bagaimanakah caranya, Suria? Terangkanlah kepada kami.

Suria: Mula-mula, kamu perlu menyediakan mata pisau cukur, plastik pembungkus lut sinar, pita selofan, pokok bunga kertas yang mempunyai tunas muda atau dikenali sebagai penanti, dan pucuk muda daripada pokok yang lain.

Amir: Selepas itu, apakah yang perlu kita lakukan, Suria?

Suria: Potong bahagian pucuk pokok yang hendak dicantumkan. Masukkan hujung pucuk tadi ke dalam segelas air.

Amir: Mengapakah kita perlu memasukkan pucuk yang dipotong itu ke dalam air?

Husna: Pucuk itu dimasukkan ke dalam air untuk mengelakkan pucuk itu layu sebelum langkah seterusnya.


Suria: Selanjutnya, potong pucuk pada pokok penanti yang mempunyai ukuran yang sama dengan pucuk yang akan dicantumkan itu. Kemudian, belah ranting penanti itu sepanjang dua sentimeter. Ambil pucuk yang direndam tadi dan hiris bahagian pangkal pucuk ini seperti taji. Kemudian, masukkan hujung yang berbentuk taji itu di antara celah ranting yang dibelah tadi. Selepas itu, ikatkan cantuman pucuk ini dengan kepingan plastik dan pita selofan. Akhir sekali, serkupkan pucuk yang telah dicantumkan dengan plastik lut sinar dan ikatkan di bahagian bawahnya.

Husna: Mengapakah perlu diselungkup dengan pembungkus plastik?

Amir: Langkah ini untuk mengelakkan kehilangan air yang banyak dari cantuman pokok itu.

Suria: Ya. Betul, Amir. Cantuman ini berjaya sekiranya kita dapat melihat titisan air dibebaskan oleh pucuk yang baru dicantumkan di bahagian dalam plastik.








MENGUASAI (✓) TP1 TP2 TP3 TP4 TP5 TP6

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kemahiran Menulis

Buku Teks: 160

Berdasarkan maklumat di bawah ini, nyatakan pendapat kamu tentang khasiat buah kurma.

SP 3.2.1 KBAT Menganalisis

KHASIAT KURMA UNTUK KESIHATAN

Kurma – Sumber Tenaga Semula Jadi
• Kurma kaya dengan serat, antioksidan, mineral (kalium, magnesium, zat besi) serta vitamin yang penting untuk tubuh.

KHASIAT UTAMA KURMA:

Tenaga Segera dan Kaya Antioksidan
• Mengandungi gula semula jadi (fruktosa dan glukosa) yang cepat diserap
• Sesuai untuk berbuka puasa atau menambahkan tenaga

Kesihatan Pencernaan
• Kandungan serat yang tinggi membantu untuk melancarkan sistem pencernaan dan mencegah sembelit

Kesihatan Jantung dan Tekanan Darah
• Kaya dengan kalium dan magnesium untuk mengawal tekanan darah dan menyokong fungsi jantung

Kesihatan Tulang
• Mengandungi kalsium, fosforus, dan magnesium untuk membentuk tulang yang kuat

Pemanis Semula Jadi
• Alternatif sihat berbanding gula pasir dengan tambahan nutrisi

NOTA PENTING
- Tiga biji kurma (±30g) = 90 kalori
- Ambil secara sederhana kerana mengandungi gula dan kalori yang tinggi.



Amalkan makan kurma untuk kesihatan yang lebih baik.

Pada pendapat saya, buah kurma ialah makanan yang sangat berkhasiat kerana membekalkan tenaga segera melalui gula semula jadi dan kaya dengan serat yang dapat membantu pencernaan. Selain itu, kurma baik untuk kesihatan jantung kerana mengandungi kalium dan magnesium serta mempunyai antioksidan yang melindungi sel badan. Kurma juga menyumbang kekuatan tulang melalui kandungan mineral yang penting. Namun begitu, pengambilan kurma perlu diamalkan secara sederhana kerana kurma mempunyai kandungan gula dan kalori yang sangat tinggi.

MENGUASAI (✓) TP1 TP2 TP3 TP4 TP5 TP6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Aspek Tatabahasa

Buku Teks: 162

Bina ayat majmuk berdasarkan gambar di bawah ini. SP 5.2.2

1. 

Pak Ali menanam sayur di kebunnya dan menternak ayam kampung.

2. 

Petani itu bekerja keras setiap hari kerana dia ingin meningkatkan hasil ternakannya.

3. 

Walaupun cuaca panas terik, para penternak tetap memberikan makanan kepada haiwan ternakan dan memastikan kandang sentiasa bersih.

4. 

Hasil tanaman akan menjadi lumayan jika petani menggunakan baja yang berkualiti dan melakukan penjagaan yang rapi.

5. 

Penternak lembu itu berjaya kerana dia rajin berusaha serta mengurus ternakannya dengan baiknya.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Tarikh: _____

TEMA 8: Ekonomi, Keusahawanan, dan Pengurusan Kewangan

UNIT 22

Sumber Ekonomi


Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Buku Teks: 168

Lengkapkan dialog di bawah ini berdasarkan maklumat yang terdapat dalam bahan rangsangan yang diberikan. SP 1.3.2 KBAT Menganalisis



Ayah, saya ingin bercuti ke Pulau Langkawi kerana terdapat pakej percutian yang menarik dan berpatutan.



Baiklah. Ayah setuju kerana pakej itu termasuk penginapan hotel, makanan, lawatan ke tempat pelancongan yang utama, dan pengangkutan.


MENGUASAI (✓) TP1 TP2 TP3 TP4 TP5 TP6


Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kemahiran Membaca

Buku Teks: 169

Berdasarkan gambar dan frasa yang diberikan, pindahkan maklumat dalam bentuk prosa. SP 2.2.1





- tumbuhan berduri
- tumbuh meliar
- banyak kegunaan

- harga yang tinggi
- sesuatu yang rumit
- pendapatan yang lumayan

Mengkuang ialah sejenis tumbuhan berduri yang tumbuh meliar. Banyak barang yang dapat dihasilkan daripada mengkuang seperti tudung saji, tikar, dan bakul. Harga barangan yang dihasilkan daripada mengkuang agak tinggi kerana tumbuhan ini sukar diperoleh. Selain itu, tidak banyak orang yang mempunyai kemahiran dalam seni kraf mengkuang.

Golongan muda sering menganggap kerja-kerja anyaman mengkuang sesuatu yang rumit. Situasi ini menyebabkan mereka kurang berminat untuk menceburi seni anyaman tersebut.

Bidang anyaman mengkuang mampu menjanakan pendapatan lumayan melalui kepelbagaian barang yang dihasilkan seperti tikar, bakul, dan tudung saji. Bidang anyaman boleh dijadikan industri yang berkembang maju kerana permintaan terhadap produk-produk tersebut masih tinggi.

Proses membuat barangan daripada mengkuang tidaklah serumit yang disangka. Namun begitu, penghasilan produk daripada mengkuang ini memerlukan kesabaran dan ketelitian.

Kita hendaklah membuka pintu kepada sesiapa sahaja terutama golongan muda yang berminat untuk mempelajari ilmu anyaman mengkuang. Hal ini dapat memastikan seni warisan tersebut tidak hilang begitu sahaja.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kemahiran Menulis

Buku Teks: 170

Baca dialog di bawah ini. Kemudian, berikan cadangan yang kritis dan kreatif untuk mengatasi masalah berdasarkan dialog tersebut. SP 3.2.2 KBAT Menilai

Aiman: Akim, aku perasan hasil jualan sayur kita semakin merosot sejak kebelakangan ini. Apakah punca masalah itu?

Akim: Betul, Aiman. Hasil tanaman kita kurang menjadi kerana cuaca yang tidak menentu dan serangan perosak.

Aiman: Kalau begitu, pendapatan kita juga akan terjejas. Apakah yang boleh kita lakukan?

Akim: Kita perlu menggunakan baja yang lebih berkualiti dan belajar cara kawalan racun perosak yang betul supaya tanaman lebih sihat.

Aiman: Bagus cadangan itu. Kita juga boleh minta nasihat daripada pegawai pertanian untuk menambah baik hasil tanaman.

Akim: Betul, Aiman. Kalau kita berusaha dan mencari ilmu, sumber ekonomi kita akan stabil kembali.

Pada pendapat saya, masalah penurunan hasil jualan sayur dan hasil tanaman yang terjejas boleh diatasi dengan beberapa langkah yang berkesan. Pertama, Akim dan Aiman perlu menggunakan baja yang berkualiti dan racun perosak yang sesuai bagi memastikan tanaman tumbuh sihat dan tidak mudah rosak. Selain itu, mereka boleh mempelajari kaedah pertanian moden seperti penggunaan teknologi dan sistem pengairan yang lebih efisien untuk mengatasi masalah cuaca tidak menentu. Di samping itu, mendapatkan khidmat nasihat daripada pegawai pertanian dapat membantu mereka mengenal pasti punca masalah tersebut dengan lebih tepat. Dengan usaha yang berterusan dan ilmu yang betul, sumber ekonomi Aiman dan Akim dapat ditingkatkan semula.

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Tarikh: _____

UNIT 23

TEMA 8: Ekonomi, Keusahawanan, dan Pengurusan Kewangan

Usahawan Berjaya

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Buku Teks: 173

Fahami maklumat yang diberikan. Kemudian, lengkapkan dialog yang berikutnya. SP 1.2.2 KBAT Menganalisis

Kilang Kerepek Sedap

Tawaran kepada sesiapa yang berminat untuk membeli kerepek ubi kayu terus dari kilang.

Harga promosi/harga borong:

- Kerepek ubi kayu asli 5 kg = RM28.00
- Kerepek ubi kayu berperisa (barbeku/lada hitam/ayam) 5 kg = RM35.00
- Kerepek ubi kayu pedas basah 5 kg = RM40.00
- Kerepek ubi kayu pedas kering 5 kg = RM35.00

Keistimewaan:

* Harga berpatutan
* Enak dan berkualiti
* Tahan lama
* Dibuat oleh pengusaha tempatan
* Kebersihan terjamin

Saya datang ke Kilang Kerepek Sedap ini untuk mendapatkan maklumat mengenai produk yang dikeluarkan oleh kilang tuan.

Oh, begitu! Bagus tujuan kamu itu. Apakah maklumat yang kamu perlukan?

Saya ingin mengetahui jenis-jenis kerepek yang dihasilkan.

Kami menghasilkan kerepek berasaskan kerepek ubi kayu asli, kerepek ubi kayu berperisa barbeku, lada hitam, ayam, kerepek ubi pedas basah, dan kerepek ubi pedas kering.

Wah, banyaknya jenis kerepek yang dihasilkan!



Amboi, sedap sungguh rasa kerepek ini! Patutlah produk kilang ini tersohor ke serata tempat termasuk Singapura.

Kami juga sedang mengadakan pakej jualan secara borong dengan harga promosi. Produk kilang kami diusahakan oleh penduduk sekitar yang mementingkan kebersihan. Cubalah rasa.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

MENGUASAI (✓) TP1 TP2 TP3 TP4 TP5 TP6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kemahiran Membaca

Buku Teks: 174 – 175

Baca dan fahami petikan di bawah. Cari maksud perkataan yang disenaraikan menggunakan kamus atau media elektronik. SP 2.1.2

Dalam dunia perniagaan yang penuh **cabaran** dan persaingan **sengit**, seorang usahawan muda telah berjaya mencipta nama sebagai tokoh hebat dan **berwibawa**. Beliau memulakan perniagaan kecil-kecilan dengan penuh **ketabahan** dan **keazaman** yang luar biasa walaupun sering berdepan dengan pelbagai rintangan yang mencabar. Dengan semangat **gigih**, **inovatif** dan kreatif, beliau berjaya mengembangkan perniagaannya sehingga menjadi sebuah syarikat yang **tersohor** dan **berprestij**.

Kejayaan beliau bukan sahaja membawa **kemakmuran** dan keuntungan lumayan, malah turut membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Sikap beliau yang berpandangan jauh, berdisiplin, dan tidak mudah berputus asa telah menjadi inspirasi kepada ramai usahawan muda. Kini, beliau dikenali sebagai usahawan ikonik dan disegani dalam bidang yang diceburinya.

Perkataan	Maksud
1. cabaran	Halangan atau kesukaran yang perlu dihadapi
2. sengit	Sangat kuat atau hebat persaingannya
3. berwibawa	Mempunyai pengaruh, keyakinan, dan dihormati
4. ketabahan	Sifat sabar dan tidak mudah berputus asa dalam menghadapi kesusahan
5. keazaman	Tekad yang kuat untuk mencapai sesuatu tujuan
6. gigih	Rajin berusaha dan tidak mudah menyerah kalah
7. inovatif	Mampu mencipta atau memperkenalkan idea baharu
8. tersohor	Sangat terkenal atau masyhur
9. berprestij	Mempunyai kedudukan atau taraf yang tinggi dan dihormati
10. kemakmuran	Keadaan hidup yang sejahtera dan kaya dengan rezeki

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Tarikh: _____

TEMA 8: Ekonomi, Keusahawanan, dan Pengurusan Kewangan

UNIT 24

Bijak Mengurus Wang

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Buku Teks: 179

Teliti maklumat yang diberikan. Kemudian, lengkapkan dialog. SP 1.3.1



Cikgu Alin: Selamat pagi, murid-murid. Hari ini, kita akan berbincang tentang faedah menabung. Kita mulakan dengan Sarah dan Fawaz.

Sarah: Jika kita menabung, kita dapat menampung perbelanjaan persekolahan seperti membeli buku-buku rujukan, membayar yuran sekolah, dan yuran kelas bimbingan luar. Namun begitu, kita haruslah menabung dalam jumlah yang konsisten pada setiap bulan dan wang simpanan ini tidak dibelanjakan untuk kepentingan peribadi.

Fawaz: Pada pendapat saya, wang tabungan itu dapat digunakan pada waktu kecemasan. Peribahasa Melayu ada mengatakan malang tidak berbau kerana nasib buruk seseorang itu sukar dijangkakan oleh sesiapa. Oleh itu, wang tabungan ini dapat membantu apabila kita menghadapi kesusahan.

Cikgu Alin: Betul, Sarah dan Fawaz. Yasmin, apakah pendapat kamu?

Yasmin: Amalan menabung juga penting untuk kelangsungan hidup pada hari tua. Sikap rajin menabung semasa muda dan sihat akan menyenangkan kehidupan pada hari tua. Sekiranya seseorang menabung lebih awal, maka wang simpanannya akan menjadi lebih banyak. Wang yang disimpan ini amat penting untuk kos perubatan dan sara hidup ketika masa tua.

Cikgu Alin: Benar, murid-murid. Amalan menabung banyak mempunyai kebaikan. Kamu semua harus mengorak langkah untuk memulakan amalan menabung ini. Amalan menabung ini merupakan usaha untuk menyediakan payung sebelum hujan.

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kemahiran Membaca

Buku Teks: 180 – 181

Baca dan fahami pantun di bawah ini. Kemudian, nyatakan kebaikan amalan menabung. SP 2.3.2

KBAT Mengaplikasi

eP+ Bonus PdPc Praktis i-THINK Tema 8

Pergi ke pekan membeli tembikai,
Singgah sebentar membeli soya;
Urus wang jangan terlalai,
Supaya hidup sentiasa berjaya.

Burung merpati terbang sekawan,
Hinggap sebentar di tepi taman;
Bersederhana dalam perbelanjaan,
Itulah tanda bijak kewangan.

Pagi-pagi ke pasar bersama si dia,
Menaiki kereta yang dipandu laju;
Menabung amalan mulia,
Untuk masa depan yang lebih maju.

Anak kecil bermain layang-layang,
Layang-layang terbang tinggi penuh harapan;
Rancang wang janganlah hilang,
Hidup terjamin masa hadapan.

KEBAIKAN AMALAN MENABUNG

1. Menjamin masa depan yang lebih baik
   - Wang simpanan boleh digunakan untuk keperluan pada masa hadapan.
2. Membantu ketika kecemasan
   - Tabungan boleh digunakan jika berlaku perkara yang tidak dijangka.
3. Membentuk sikap berjimat cermat
   - Seseorang akan lebih bijak mengurus perbelanjaan harian.
4. Meningkatkan kestabilan kewangan
   - Simpanan yang mencukupi dapat memastikan kehidupan lebih teratur dan terjamin.


MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kemahiran Menulis

Buku Teks: I82

Baca dan fahami poster di bawah ini. Kemudian, nyatakan pendapat kamu tentang poster berkenaan. SP 3.2.1 KBAT Menilai



Ciri pengguna yang bijak termasuklah sentiasa membuat senarai barang yang hendak dibeli. Amalan ini akan mengelakkan pembaziran kerana pengguna tidak akan membeli barangan yang bukan keperluan. Selain itu, pengguna digalakkan untuk membeli barangan keperluan utama secara pukal kerana barangan yang dibeli secara borong akan mendapat harga yang lebih murah. Seterusnya, pengguna hendaklah membuat perbandingan harga sebelum membeli sesuatu barangan. Misalnya, pengguna menggunakan media sosial bagi mendapatkan maklumat tentang harga sesuatu barangan. Akhir sekali, pengguna haruslah mengelakkan diri daripada membeli barangan secara berhutang. Berbelanjalah mengikut kemampuan diri. Kesimpulannya, sebagai pengguna, kita hendaklah bijak mengurus kewangan kita semasa berbelanja.

MENGUASAI (✓) TP1 TP2 TP3 TP4 TP5 TP6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Tarikh: _____

TEMA 9: Integriti

UNIT 25

Amanah Sejagat

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Buku Teks: 190 – 191

TRACK 16

Dengar dan fahami pernyataan yang diberikan. Kemudian, berikan respons tentang pernyataan tersebut secara kritis dan kreatif. SP 1.1.3 KBAT Menilai

Berdasarkan pernyataan yang didengar, sungai merupakan amanah yang perlu kita jaga. Dewasa ini, kerakusan manusia telah menyebabkan sungai semakin tercemar. Oleh itu, pelbagai langkah perlulah diambil dengan segeranya untuk mengatasi masalah ini.

Selain itu, pihak kerajaan hendaklah mengadakan kempen Sayangi Sungai untuk mendidik masyarakat agar tidak membuang sampah ke dalam sungai. Dengan ini, sungai akan sentiasa bersih, jernih, dan dapat mengalir dengan lancarnya.



Benar, Andrian. Pada pendapat saya, langkah paling ampuh adalah dengan mendidik anak-anak supaya mencintai sungai. Guru-guru dan ibu bapa hendaklah menanam sikap ini sejak mereka kecil kerana melentur buluh biarlah daripada rebungnya.

Kerajaan juga perlu menguatkuasakan undang-undang supaya air kumbahan dirawat dan bahan kimia ditapis sebelum disalirkan ke sungai. Seterusnya, kerajaan hendaklah bertindak tegas terhadap individu yang mencemarkan sungai.



KUIZ GAMIFIKASI

Kuiz 5

MENGUASAI (✓) TP1 TP2 TP3 TP4 TP5 TP6


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kemahiran Menulis

Buku Teks: 194

Berdasarkan maklumat di bawah ini, jawab soalan yang diberikan secara kritis dan kreatif. SP 3.2.2

KBAT Menganalisis



SEKOLAH KEBANGSAAN
SERI UTAMA

Aleeya Yasmin binti Adzhar
Tahun 6 Dahlia

sebagai penerima
ANUGERAH
IKON PENGAWAS 2027

Penarafan Ikon Pengawas bermatlamat untuk memberikan pengiktirafan kepada pengawas yang menunjukkan sahsiah terpuji yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sosial agar menjadi suri teladan dan ikutan kepada murid-murid lain.

Aleeya Yasmin Adzhar merupakan penerima Anugerah Ikon Pengawas Sekolah Kebangsaan Seri Utama tahun 2027. Bakat dan ciri-ciri kepimpinan yang ada pada dirinya terpancar jelas kerana kemenjadiannya secara holistik, iaitu cemerlang dalam akademik, sahsiah, dan aktiviti kokurikulum.

"Pada mulanya, saya berasa bimbang untuk menerima jawatan yang diamanahkan kepada saya. Walau bagaimanapun, setelah mendapat dorongan dan tunjuk ajar daripada ibu bapa, guru-guru, serta rakan-rakan, saya dapat menjalankan tanggungjawab saya dengan baiknya. Saya dan rakan-rakan pengawas yang lain sentiasa bersedia untuk menjalankan amanah dan tanggungjawab ini supaya dapat membimbing rakan-rakan sebaya menggapai kejayaan. Saya juga berharap agar pemilihan saya sebagai ikon pengawas ini akan menjadi inspirasi kepada murid-murid lain untuk mengembangkan potensi kepimpinan mereka."

1. Mengapakah jawatan pengawas diamanahkan kepada murid yang bersahsiah tinggi dan cemerlang dari segi akademik dan kokurikulum?

   Jawatan pengawas diamanahkan kepada murid yang bersahsiah tinggi dan cemerlang dari segi akademik dan kokurikulum supaya mereka dapat menjadi suri teladan dan ikutan kepada murid-murid lain.

2. Pada pendapat anda, mengapakah nilai dan ciri-ciri kepimpinan harus dipupuk sejak seseorang itu di bangku sekolah?

   Nilai dan ciri-ciri kepimpinan harus dipupuk sejak seseorang itu di bangku sekolah kerana proses membentuk dan melahirkan pemimpin yang terbaik memerlukan masa yang lama. Walaupun bakat kepimpinan seseorang itu biasanya telah dapat dilihat sejak usia kanak-kanak namun bakat yang dimiliki oleh kanak-kanak itu perlu dipupuk dan dikembangkan sepenuhnya. Oleh sebab itu, perancangan awal diperlukan untuk melahirkan pemimpin yang baik, ibarat peribahasa melentur buluh biarlah waktu rebungnya.

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Aspek Tatabahasa

Buku Teks: 196

Bina ayat majmuk berdasarkan ayat-ayat tunggal yang diberikan. SP 5.3.1

Bonus PdPc Nota
– Ayat Susunan Biasa dan Songsang
– Ayat Tunggal dan Majmuk

Ayat Tunggal	Ayat Majmuk
1. Amir tetap meneruskan latihan. 2. Amir berasa penat. 3. Amir ingin mewakili sekolah dalam pertandingan olahraga.	Amir tetap meneruskan latihan walaupun dia berasa penat kerana dia ingin mewakili sekolah dalam pertandingan olahraga.

Ayat Tunggal	Ayat Majmuk
1. Kakak membaca buku di ruang tamu. 2. Adik menonton televisyen. 3. Televisyen itu dipasang dengan kuatnya.	Kakak membaca buku di ruang tamu sementara adik menonton televisyen yang dipasang dengan kuatnya.

Ayat Tunggal	Ayat Majmuk
1. Hujan turun dengan lebatnya. 2. Jalan raya menjadi licin. 3. Para pemandu dinasihatkan agar berhati-hati.	Apabila hujan turun dengan lebatnya sehingga jalan raya menjadi licin, para pemandu dinasihatkan agar berhati-hati.

Ayat Tunggal	Ayat Majmuk
1. Murid-murid itu tekun mengulang kaji pelajaran. 2. Mereka ingin lulus dengan cemerlangnya dalam ujian. 3. Mereka ingin melanjutkan pelajaran ke universiti.	Murid-murid itu tekun mengulang kaji pelajaran kerana mereka ingin lulus dengan cemerlangnya dalam ujian dan ingin melanjutkan pelajaran ke universiti.

Ayat Tunggal	Ayat Majmuk
1. Pak Abu menanam sayur-sayuran di kebun. 2. Sayur-sayuran itu dijual di pasar. 3. Pak Abu memperoleh pendapatan tambahan.	Pak Abu menanam sayur-sayuran di kebun untuk dijual di pasar kerana dia ingin memperoleh pendapatan tambahan.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Tarikh: _____

TEMA 9: Integriti

UNIT 26

Integriti Nadi Kemakmuran Negara

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Buku Teks: 197

Berikan pendapat kamu tentang poster yang diberikan menggunakan idea yang kritis dan kreatif.

SP 1.2.2 KBAT Menganalisis





Golongan yang boleh divaksinasikan hendaklah menunaikan tanggungjawab mereka. Tindakan ini bukan sahaja dapat menyelamatkan diri sendiri, tetapi juga dapat menyelamatkan golongan yang tidak layak mendapat vaksinasi kerana masalah kesihatan.





Rakyat Malaysia yang bertanggungjawab haruslah mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk menangani penularan COVID-19. Garis panduan tersebut bukan sahaja untuk menyelamatkan diri kita tetapi juga orang lain. Antara garis panduan yang harus dipatuhi termasuklah memakai pelitup muka, mengekalkan penjarakan fizikal, menghindari tempat yang sesak, dan kerap mencuci tangan.

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kemahiran Menulis

Buku Teks: 200

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan berikutnya. SP 3.2.3 KBAT Menganalisis

Bonus PdPc Praktis i-THINK Tema 9

Integriti merupakan asas penting dalam membentuk sebuah negara yang maju dan sejahtera. Nilai ini merangkumi sikap jujur, amanah, dan bertanggungjawab dalam setiap tindakan yang dilakukan. Dalam kalangan pemimpin, integriti memastikan segala keputusan yang dibuat adalah telus dan mengutamakan kepentingan rakyat. Selain itu, masyarakat yang berintegriti akan menolak rasuah dan salah guna kuasa demi menjaga keharmonian negara. Jika nilai integriti diamalkan secara menyeluruh, ekonomi negara akan berkembang pesat dan keyakinan pelabur asing turut meningkat. Oleh itu, semua pihak perlu berganding bahu dalam memupuk budaya integriti agar kemakmuran negara dapat dikekalkan.

Sebagai contoh, Amir merupakan seorang ketua kelas yang berintegriti. Pada suatu hari, dia menemukan sebuah dompet di dalam kelas yang mengandungi sejumlah wang. Walaupun tiada sesiapa yang melihatnya, Amir tidak mengambil wang tersebut. Sebaliknya, dia menyerahkan dompet itu kepada guru untuk dipulangkan kepada pemilik dompet itu. Tindakan Amir itu telah dipuji oleh guru dan rakan-rakan kerana menunjukkan sikap jujur dan amanah. Situasi ini jelas membuktikan bahawa amalan integriti bukan sahaja penting dalam kalangan pemimpin, malah perlu dipupuk sejak kecil agar menjadi amalan dalam kehidupan seharian.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan integriti berdasarkan petikan?
   Integriti bermaksud sikap jujur, amanah, dan bertanggungjawab.

2. Mengapakah integriti penting dalam kalangan pemimpin?
   Integriti penting dalam kalangan pemimpin untuk memastikan segala keputusan yang dibuat telus dan mengutamakan kepentingan rakyat.

3. Jelaskan tindakan Amir apabila menemukan dompet di dalam kelas.
   Amir menyerahkan dompet tersebut kepada guru untuk dipulangkan kepada pemilik dompet itu.

4. Apakah nilai murni yang ditunjukkan oleh Amir? Berikan penjelasan ringkas.
   Nilai murni yang ditunjukkan oleh Amir ialah nilai kejujuran dan amanah kerana dia tidak mengambil wang yang terdapat di dalam dompet itu walaupun tiada sesiapa yang melihat.

5. Pada pendapat anda, apakah kesan terhadap masyarakat jika nilai integriti tidak diamalkan?
   Pada pendapat saya, kesan terhadap masyarakat jika nilai integriti tidak diamalkan termasuklah menyebabkan berlakunya rasuah, hilang kepercayaan, dan masyarakat hidup dalam suasana yang tidak harmoni.

6. Cadangkan dua langkah yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah untuk memupuk nilai integriti dalam kalangan murid.
   Mengadakan program kesedaran – Memberikan didikan moral – Menunjukkan teladan yang baik

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Aspek Seni Bahasa

Buku Teks: 201

Baca dan fahami kata kunci yang diberikan dalam setiap rangkap pantun. Kemudian, hasilkan beberapa rangkap pantun berdasarkan maklumat kata kunci yang telah diberikan. Akhir sekali, persembahkan pantun itu di hadapan rakan kamu. SP 4.3.1 KBAT Mencipta Aktiviti PAK-21

Persembahan

Rangkap 1

Kata Kunci:
- pekan
- kedai
- amalkan
- budi bahasa
- warisan

Pergi ke pekan membeli kain,
Singgah sebentar di kedai lama;
Amalkan budi bahasa dengan yakin,
Menjadi warisan sepanjang masa.

Rangkap 2

Kata Kunci:
- burung merpati
- dahan sena
- tutur kata
- dijaga
- bahagia

Burung merpati terbang tinggi,
Hinggap sebentar di dahan sena;
Tutur kata dijaga rapi,
Agar hidup sentiasa bahagia dan penuh warna.

Rangkap 3

Kata Kunci:
- sawah padi
- menuai
- hormat-menghormati
- hubungan
- sesama

Ke sawah padi pada waktu pagi,
Menuai hasil bersama-sama rakan tercinta;
Budaya hormat-menghormati sesama diri,
Mengeratkan hubungan sesama kita.

Rangkap 4

Kata Kunci:
- bercuti
- safari
- keluarga
- budi
- budaya

Pergi bercuti di safari,
Bersama keluarga hati ceria;
Amalkan budi setiap hari,
Itulah budaya bangsa mulia.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Tarikh: _____

TEMA 9: Integriti

UNIT 27


Kejujuran Asas Jati Diri

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Buku Teks: 203

Lengkapkan perbualan di bawah ini secara kritis dan kreatif. SP 1.1.3 KBAT Menilai

Bonus PdPc Nota Integriti Keluarga



MENGUASAI (✓) TP1 TP2 TP3 TP4 TP5 TP6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kemahiran Menulis

Buku Teks: 205

Tulis cerita berdasarkan isi-isi karangan berikut. SP 3.2.1

Pendahuluan

- Amir berjalan ke sekolah pada waktu pagi yang cerah
- terjumpa sebuah dompet di tepi jalan
- dompet mengandungi wang dan kad pengenalan

Isi 1

- Amir berasa terkejut dan buntu
- berfikir sama ada mahu menyimpan atau menyerahkan dompet
- teringat pesanan guru bahawa kejujuran merupakan asas jati diri seseorang yang mulia

Isi 2

- Amir memutuskan untuk bersikap jujur
- membawa dompet ke sekolah
- menyerahkan dompet itu kepada guru kelas

Isi 3

- guru memuji tindakan Amir
- guru membuat pengumuman tentang kehilangan dompet
- menunggu pemilik dompet mengambil dompet tersebut

Isi 4

- pemilik dompet datang ke sekolah
- berasa sangat bersyukur kerana dompet wang dan dokumen pentingnya masih selamat
- mengucapkan terima kasih kepada Amir

Penutup

- kejujuran Amir menjadi contoh kepada murid lain
- dia dihormati oleh guru dan rakan-rakan
- Amir sedar kejujuran dapat membentuk jati diri yang kuat

Rujuk bahagian jawapan

MENGUASAI (✓) TP1 ☐ TP2 ☐ TP3 ☐ TP4 ☐ TP5 ☐ TP6 ☐

Praktis Ekstra Tema 9 P+

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis Masteri 3

Bahagian A

Tatabahasa

Praktis 3

Soalan 1 hingga 6

Pilih jawapan yang **paling sesuai.**

1. _____ kaum wanita di Kampung Sentosa mahir menganyam tikar mengkuang.
   (A) Rata-rata
   B Siapa-siapa
   C Masing-masing
   D Macam-macam

2. Noorhisham _____ untuk membuat kuih tradisional itu tetapi tidak menjadi.
   A agak-agak
   (B) cuba-cuba
   C takut-takut
   D susah-susah

3. Penyanyi itu menyampaikan lagu yang _____ untuk menghiburkan para penonton.
   A pelik-pelik
   B terang-terang
   (C) rancak-rancak
   D rendah-rendah

4. Nenek Milah duduk di _____ sambil menganyam tikar mengkuang.
   A kekisi
   B pepara
   (C) bebalai
   D tetingkat

5. _____ yang memandu Perodua Ativa itu jiran sebelah rumah saya.
   A Jejari
   (B) Jejaka
   C Tetamu
   D Tetangga

6. Hati Sariga _____ apabila mendapati telefon pintarnya hilang semasa pergi ke perpustakaan.
   A compang-camping
   B porak-peranda
   (C) remuk-redam
   D kusut-masai

Soalan 7 hingga 10

Pilih ayat yang **betul.**

7. (A) Lelaki yang berbaju biru tua itu abang ipar Arni.
   B Puan Marisa menyayangi anaknya sepenuh-penuhnya.
   C Semua guru-guru Sains sedang bermesyuarat di bilik guru.
   D Pihak-pihak polis bergegas ke tempat kejadian apabila menerima panggilan telefon.

8. (A) Penglihatan kanak-kanak itu sangat kabur.
   B Ayah kelihatan sangat pucat-pasi kerana bekerja sepanjang hari.
   C Gerak geri Encik Hazim memperlihatkan bahawa beliau orang yang berada.
   D Murid-murid di makmal sains itu saling bantu-membantu semasa membuat uji kaji.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

9. A Kedengaran samar-samar suara orang bernyanyi ketika saya duduk di pangkin itu.
   B Jalan raya yang lintang-pukang itu amat berbahaya khususnya kepada penunggang motosikal dan basikal.
   (C) Murid-murid dikehendaki supaya berhimpun di padang sekolah untuk mendengar taklimat tentang latihan kebakaran.
   D Sampah sarap yang tertimbul-timbul di sungai itu akibat daripada perbuatan segelintir orang yang tidak bertanggungjawab.

10. A Kak Leha membawa adik siar-siar pada waktu petang.
    B Banjir besar telah menenggelamkan semua rumah-rumah di Kampung Kok Pauh.
    (C) Anak-anak lelaki Puan Hamidah akan pulang ke kampung pada cuti semester nanti.
    D Pada masa ini, para pekerja-pekerja bahagian Teknologi Maklumat menghadiri kursus di Kuala Lumpur.

Pemahaman Petikan (Teks Tunggal & Teks Pelbagai)

Praktis 3

Teks Tunggal

Soalan 1 hingga 3

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Ketika menyampaikan ucapan dalam Program Jelajah STEM (*Science*, *Technology*, *Engineering*, *and Mathematics*) peringkat Daerah Batu Pahat, Tuan Haji Mohd Razin bin Supangat, Pegawai Pendidikan Daerah Batu Pahat telah menerangkan matlamat pendidikan STEM dengan jelasnya.

Antara matlamat program tersebut adalah untuk melahirkan murid yang celik teknologi, kreatif, inovatif, dan inventif. Pendidikan STEM berkait secara langsung dalam kehidupan seharian murid. Murid diharapkan dapat memahami dan menyelesaikan masalah dalam kehidupan harian. Pada peringkat sekolah rendah, STEM merupakan kolaborasi mata pelajaran Matematik, Sains, dan Reka Bentuk dan Teknologi.

1. Siapakah yang menyampaikan ucapan dalam Program Jelajah STEM?
   A Guru Sains
   B Guru Matematik
   C Guru Reka Bentuk dan Teknologi
   (D) Pegawai Pendidikan Daerah Batu Pahat

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

2. Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
   (A) Pendidikan STEM berkaitan dengan kehidupan seharian.
   B Ucapan Program Jelajah STEM sekolah disampaikan oleh guru Sains.
   C Pada peringkat sekolah rendah, STEM ialah kolaborasi subjek Matematik dengan Sains sahaja.
   D Murid mengikuti pendidikan STEM dalam mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi sahaja.

3. Berikut ialah mata pelajaran yang berkaitan dengan pendidikan STEM, *kecuali*
   A Sains.
   B Matematik.
   (C) Bahasa Inggeris.
   D Reka Bentuk dan Teknologi.

Teks Pelbagai

Soalan 4 hingga 7

Baca maklumat dalam **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

BAHAN 1

Memiliki haiwan peliharaan seperti kucing, ikan, arnab, dan sebagainya umpama mempunyai sahabat baik. Hal ini dikatakan demikian kerana haiwan peliharaan dapat meningkatkan kesihatan mental kita. Oleh itu, kita perlulah bijak memilih haiwan peliharaan yang sesuai dengan pengetahuan dan persekitaran kita.

Selain memberikan perhatian, kita juga bertanggungjawab untuk menjaga kebajikan haiwan tersebut termasuklah memberikan makanan yang *berkualiti* serta menjaga kesihatan dan kebersihan haiwan tersebut. Haiwan juga perlulah diberikan vaksin bagi meningkatkan imunisasi serta mencegah penyakit berbahaya.

BAHAN 2



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

4. Perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kedai Haiwan Peliharaan MANJAH termasuklah
   A memberikan vaksin untuk haiwan peliharaan.
   B membantu untuk menjaga haiwan peliharaan.
   (C) menjual dan membekalkan makanan untuk haiwan peliharaan.
   D memberikan pengetahuan tentang pemeliharaan haiwan peliharaan.

5. Memiliki haiwan peliharaan seperti kucing, ikan, arnab, dan sebagainya umpama mempunyai sahabat baik.

   Penjodoh bilangan yang sesuai bagi perkataan yang bergaris dalam ayat di atas ialah
   A biji. C buah.
   (B) ekor. D kawan.

6. Perkataan *berkualiti* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan
   A cantik.
   B mahal.
   C banyak.
   (D) bermutu.

7. Pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas ialah
   A kedai Haiwan Peliharaan MANJAH menjual vitamin sahaja.
   (B) haiwan peliharaan memerlukan perhatian daripada tuannya.
   C haiwan peliharaan diperlukan untuk meningkatkan tahap kesihatan mental kita.
   D Encik Zeli membekalkan makanan dan vaksinasi untuk haiwan peliharaan.

Bahagian B

Tatabahasa dan Pemahaman Petikan

Praktis 3

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Penduduk Taman Dahlia telah berkumpul sejak pukul 8:00 pagi. Mereka akan membersihkan kawasan taman perumahan. Aktiviti ini dilakukan kerana kes penyakit demam denggi semakin meningkat di kawasan itu. Mereka diingatkan agar menjaga keselamatan diri semasa menjalankan tugas masing-masing.

Selesai taklimat, mereka pun memulakan tugas masing-masing. Kumpulan Encik Hafiz ditugaskan untuk membersihkan sampah sarap di bahu jalan manakala kumpulan lain pula sibuk menjalankan tugas masing-masing. Antara tugas yang dilakukan termasuklah memungut sampah sarap, membersihkan longkang, dan menebas semak samun.

I. (a) Penduduk Taman Dahlia telah berkumpul sejak pukul 8:00 pagi.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(b) Mengapakah penduduk Taman Dahlia dinasihatkan agar menjaga keselamatan diri semasa menjalankan tugas masing-masing?

Penduduk Taman Dahlia dinasihatkan agar menjaga keselamatan diri semasa menjalankan tugas masing-masing kerana mereka menggunakan peralatan tajam yang dapat menyebabkan kecederaan seperti parang dan cangkul.

(c) *Bulatkan* **kata kerja** *yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

Mereka akan membersihkan kawasan taman perumahan.

(d) *Pilih dan tulis* **(BETUL)** *bagi ayat yang* **sama maksud** *dengan ayat yang diberikan.*

Mereka diingatkan agar menjaga keselamatan diri semasa menjalankan tugas masing-masing.

Mereka diminta untuk memastikan keselamatan barang-barang yang digunakan semasa menjalankan tugas masing-masing.	
Mereka diminta untuk memastikan keselamatan diri terjamin semasa menjalankan tugas masing-masing.	BETUL

Respons Kritis dan Kreatif

Praktis 3

Baca dan fahami situasi di bawah ini. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan.**

Guru Bahasa Melayu tidak hadir ke sekolah kerana terlibat dengan Pesta Pantun Peringkat Daerah. Beliau telah meninggalkan lembaran kerja untuk kamu dan rakan-rakan selesaikan ketika bersama-sama guru gantian kelas beliau. Namun begitu, kamu mendapati lembaran kerja yang diberikan itu tidak mencukupi.

Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang akan kamu lakukan?

Saya akan mengira bilangan lembaran kerja yang kurang. Kemudian, saya akan memberitahu guru ganti tentang hal tersebut. Saya juga akan meminta izin daripada guru ganti itu untuk membuat salinan lembaran kerja tersebut di pejabat. Saya akan memastikan salinan yang dibuat itu diambil daripada lembaran kerja yang belum bertulis lagi.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian C

Penulisan Perenggan

Praktis 3

Grafik di bawah ini menunjukkan aktiviti bersama-sama keluarga.

Tulis pendapat kamu tentang **cara-cara menghabiskan masa lapang bersama keluarga**.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu perenggan**.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.

Cara-cara Menghabiskan Masa Lapang Bersama Keluarga



beriadah atau berjoging



bermain layang-layang



memancing

Pada pendapat saya, masa lapang ialah masa yang terluang selepas waktu persekolahan, hari minggu, dan cuti umum. Pada masa terluang ini, kita boleh beriadah atau berjoging untuk menjaga kesihatan rohani dan jasmani. Selain itu, aktiviti bermain layang-layang bersama ahli keluarga juga dapat menghiburkan hati dan menenangkan fikiran. Seterusnya, memancing ikan atau udang galah di tepi sungai juga boleh dilakukan bagi individu yang meminati aktiviti tersebut. Kesimpulannya, aktiviti yang dilakukan mestilah memberikan manfaat kepada kita.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian D


Penulisan Karangan

Praktis 3

Teliti bahan grafik di bawah ini. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk **karangan berformat atau karangan tidak berformat**.

Panjangnya karangan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.

LANGKAH-LANGKAH MENGELAKKAN KERACUNAN MAKANAN



Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

1. Tulis ceramah berdasarkan gambar yang diberikan.

ATAU

2. Tulis karangan tentang langkah-langkah untuk mengelakkan keracunan makanan.

1. Karangan Berformat (Ceramah)

Yang saya hormati Tuan Pengerusi Majlis, Yang Berusaha Tuan Adnan bin Hussin, jawatankuasa penduduk, dan hadirin sekalian. Saya Hadif bin Malik mewakili Pejabat Kesihatan Daerah ingin mengucapkan terima kasih kerana mengundang saya menyampaikan ceramah tentang "Langkah-langkah Mencegah Keracunan Makanan".

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Hadirin sekalian,

Kita boleh mengelakkan keracunan makanan dengan memastikan makanan tidak terdedah. Oleh itu, kita perlulah menjaga kualiti makanan daripada dicemari oleh lalat, lipas, dan tikus.

Selain itu, kita hendaklah membasuh buah-buahan dan sayur-sayuran sebelum dimakan atau sebelum dimasak. Hal ini dikatakan demikian kerana proses penyediaan makanan yang bersih dapat memastikan kebersihan makanan yang disediakan. Langkah ini dapat mengelakkan terjadinya keracunan makanan.

Hadirin yang dihormati,

Kita juga hendaklah membasuh tangan hingga bersih sebelum menyentuh makanan. Langkah ini dapat mengelakkan kekotoran atau bakteria yang ada pada tangan daripada mencemari makanan. Walaupun makanan yang diambil bersih, namun keracunan makanan dapat berlaku jika tangan kita kotor dan tercemar oleh bakteria.

Akhir kata daripada saya, makanan yang bersih amat penting untuk mendapatkan kesihatan yang unggul. Oleh itu, semua pihak perlu berganding bahu untuk mengelakkan keracunan makanan agar kesihatan kita terjamin. Sekian, terima kasih.

2. Karangan Tidak Berformat (Fakta)

Keracunan makanan dapat menjejaskan kualiti hidup manusia. Oleh itu, kita perlulah menjaga kualiti makanan daripada dicemari oleh lalat, lipas, dan tikus.

Kita boleh mengelakkan keracunan makanan dengan memastikan makanan tidak terdedah. Misalnya, hidangan mestilah ditutup dengan tudung saji. Oleh itu, makanan tersebut tidak tercemar oleh bakteria atau dihinggapi lalat.

Selain itu, kita hendaklah membasuh buah-buahan dan sayur-sayuran sebelum dimakan atau sebelum dimasak. Hal ini dikatakan demikian kerana proses penyediaan makanan yang bersih dapat memastikan kebersihan makanan yang disediakan. Langkah ini dapat mengelakkan terjadinya keracunan makanan.

Seterusnya, kita hendaklah membasuh tangan hingga bersih sebelum menyentuh makanan. Langkah ini dapat mengelakkan kekotoran atau bakteria yang ada pada tangan daripada mencemari makanan. Walaupun makanan yang diambil bersih, namun keracunan makanan dapat berlaku jika tangan kita kotor dan tercemar oleh bakteria.

Kesimpulannya, makanan yang bersih dan seimbang amat penting untuk mendapatkan kesihatan yang unggul. Oleh itu, semua pihak perlu berganding bahu untuk mengelakkan keracunan makanan agar kesihatan kita terjamin.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis Lanjutan

Bahagian A

Tatabahasa

Praktis 4

Soalan 1 hingga 6

Pilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. _____, ambillah wang ini dan belilah buku-buku tulis baharu!
   A Eh
   B Ah
   C Oh
   (D) Nah

2. _____, luas sungguh ladang kambing ternakan Pak Uda!
   A Ah
   B Hai
   (C) Wah
   D Aduhai

3. "_____ lengkapkan borang ini dengan butir-butir peribadi," kata Cikgu Halim.
   (A) Sila
   B Usah
   C Harap
   D Jemput

4. _____ beratur semasa hendak membeli alat tulis di kedai koperasi sekolah.
   (A) Sila
   B Usah
   C Jangan
   D Jemput

5. "_____ warna kereta baharu abang kamu itu?" tanya Fakhrur kepada Khalis.
   (A) Apakah C Mengapakah
   B Adakah D Manakah

6. _____ Hairil digelar sebagai kaki bangku oleh rakan-rakannya?
   A Siapakah (C) Mengapakah
   B Berapakah D Bagaimanakah

Soalan 7 hingga 10

Pilih ayat yang **betul**.

7. (A) Encik Hussin tidak berkenan akan pemuda yang merisik anaknya.
   B Hanya Pak Nordin seorang sahaja yang memiliki kemahiran pertukangan di kampungnya.
   C Peserta pidato itu mengemukakan hujah dengan kuatnya.
   D Pokok kelapa muda yang ayah tanam nampaknya akan mengeluarkan buah.

8. A Farahanum membeli seluar hingga baju berwarna kelabu.
   B Roshaida telah hati bulat untuk menjadi seorang peguam.
   (C) Mei Yoon membantu ibunya menyapu halaman rumah mereka.
   D Aduhai, kemasnya pakaian Aiman semasa menghadiri mesyuarat itu!

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

9. (A) Usah dikenangkan lagi perkara yang telah berlaku.
   B Minta tolong hadiri kursus keusahawanan yang akan diadakan pada minggu hadapan.
   C Jemput hantar bakul buah limau ini ke rumah Puan Kugenes.
   D Tolong jangan berbuat bising di sini kerana Ujian Pertengahan Sesi Akademik sedang dijalankan.

10. A Encik Malik menyampaikan hadiah ke peserta pertandingan itu.
    B Di hujung minggu, taman itu sering menjadi tumpuan pengunjung.
    C Alif mengirim sepucuk surat pada kawannya yang belajar di luar negara.
    (D) Arina membeli sehelai kain batik untuk ibunya sebagai hadiah hari jadi.

Pemahaman Petikan (Teks Tunggal & Teks Pelbagai)

Praktis 4

Teks Tunggal

Soalan 1 hingga 3

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Inilah kisah pemuda desa,
Pelajaran rendah dan tidak kaya,
Semangatnya kuat lagi membara,
Hendak menjadi petani berjaya.

Di tanah pusaka dia berbakti,
Membajak dan menanam sayur-sayuran,
Selagi tanaman belum menjadi,
Tenaga diperas walau keletihan.

Hari dan bulan silih berganti,
Pemuda desa senyum menawan,
Hasil tanaman membuahkan rezeki,
Bersyukur dia kepada Tuhan.

Jasa ibu bapa tidak dilupai,
Setiap bulan wang dihulurkan,
Rakan dan saudara diambil peduli,
Diambil bekerja berkongsi pendapatan.

1. Apakah cita-cita pemuda desa?
   A Guru
   B Polis
   C Pemimpin
   (D) Petani berjaya

2. Pilih pernyataan yang **benar** tentang puisi tersebut.
   A Pemuda itu kaya-raya.
   B Pemuda itu tinggal di kota.
   C Pemuda itu berpelajaran tinggi.
   (D) Pemuda itu mempunyai semangat yang kuat.

3. Yang berikut ialah tindakan pemuda desa setelah usahanya membuahkan hasil, *kecuali*
   A bersyukur kepada Tuhan.
   (B) menikmati kejayaan untuk diri sendiri sahaja.
   C membantu rakan dan saudara dengan memberikan pekerjaan.
   D membalas jasa ibu bapa dengan memberikan wang pada setiap bulan.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Teks Pelbagai

Soalan 4 hingga 7

Baca maklumat dalam **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

BAHAN 1

***PROSES* PENANAMAN CILI DAN BENDI**

menyemai biji benih → memindahkan anak pokok → menyiram dan membaja → menuai atau memetik

BAHAN 2

Fairuz ingin menanam cili dan bendi di belakang rumahnya. Oleh itu, dia meminta nasihat daripada bapanya. Bapa Fairuz menerangkan *proses* penanaman cili dan bendi tersebut.

"Kedua-dua biji benih tanaman ini perlu disemai terlebih dahulu. Selepas itu, barulah anak pokok dipindahkan ke dalam pasu atau ke atas batas," kata bapanya.

Tanaman itu perlu disiram dua kali sehari, iaitu pada waktu pagi dan petang. Selain itu, sebatang pancang perlu disediakan sebagai sokongan untuk pokok cili.

"Bilakah tanaman cili dan bendi akan membuahkan hasil, ayah?" tanya Fairuz.

"Hasil tanaman cili boleh dikutip selepas 60 hari. Bendi pula boleh dikutip selepas 50 hari," jelas bapanya.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

4. Fairuz meminta nasihat daripada bapanya kerana
- **A** dia ingin menjadi petani yang berjaya.
- **B** dia ingin menanam pelbagai jenis sayur.
- **C** dia ingin tahu tentang cara memetik cili dan bendi.
- **(D)** dia ingin menanam cili dan bendi di belakang rumahnya.

5. Fairuz ingin menanam <u>cili</u> dan bendi di belakang rumahnya.

Penjodoh bilangan yang sesuai bagi perkataan yang bergaris dalam ayat di atas ialah
- **(A)** biji.
- **B** buah.
- **C** helai.
- **D** keping.

6. Perkataan *proses* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan
- **A** usaha.
- **B** punca.
- **(C)** kaedah.
- **D** tindakan.

7. Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
- **A** Fairuz ingin menanam cili dan bendi di tepi rumahnya.
- **B** Biji benih cili dan bendi perlu terus ditanam di atas batas.
- **C** Fairuz menerangkan proses penanaman cili kepada bapanya.
- **(D)** Proses ketiga penanaman cili termasuklah menyiram dan membaja.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian B

Tatabahasa dan Pemahaman Petikan

Praktis 4

Baca e-mel di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Daripada:	yusnita@gmail.com.my
Kepada:	zainalraja@yahoo.com.my
Subjek:	Gambar Perkahwinan Tradisi Bugis

Saudara,

Saya dan keluarga ingin memohon maaf daripada saudara kerana tidak dapat menghadiri majlis perkahwinan kakanda saudara tempoh hari. Ayah saya terpaksa bekerja pada hari tersebut. Saya dan keluarga ingin mengucapkan tahniah kepada saudara kerana menerima ahli keluarga baharu.

Jika saudara tidak keberatan, saya juga ingin meminta jasa baik saudara untuk berkongsi gambar-gambar pengantin. Gambar-gambar itu akan saya muatkan dalam buku skrap Pakaian Tradisional untuk simpanan saya. Sekian sahaja e-mel saya pada kali ini.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

I. (a) Tujuan Yusnita memohon maaf adalah kerana dia tidak dapat menghadiri majlis perkahwinan abang Zainal.

(b) Mengapakah Yusnita meminta Zainal berkongsi gambar-gambar pengantin?

Yusnita meminta Zainal berkongsi gambar pengantin untuk dimasukkan dalam buku skrap Pakaian Tradisional miliknya.

(c) *Bulatkan* **kata sendi nama** *yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

Saya dan keluarga ingin memohon maaf (daripada) saudara kerana tidak dapat menghadiri majlis perkahwinan kakanda saudara tempoh hari.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(d) *Pilih dan tulis* **(BETUL)** *pada pernyataan yang* **benar** *berdasarkan e-mel.*

Tujuan e-mel itu adalah untuk meminta maaf dan meminta gambar-gambar pengantin.	BETUL
Yusnita telah menghadiri majlis perkahwinan sepupu Zainal.	

Respons Kritis dan Kreatif

Praktis 4

Baca dan fahami situasi di bawah ini. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.

Petang itu, kamu hendak menyiapkan kerja rumah Bahasa Melayu yang diberikan oleh guru. Kamu mendapati buku latihan milik rakan sekelas ada pada kamu ketika sedang mengeluarkan buku-buku daripada beg.

Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang akan kamu lakukan?

Saya akan memberitahu ibu dan meminta izin untuk menggunakan telefon. Seterusnya, saya akan menghubungi rakan saya melalui telefon untuk memaklumkan hal tersebut. Saya juga akan memohon maaf atas kesilapan yang berlaku. Saya dan ibu akan menghantar buku itu ke rumah rakan.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian C

Penulisan Perenggan

Praktis 4

Grafik di bawah ini menunjukkan situasi melintas jalan dengan selamatnya.
Tulis pendapat kamu tentang **cara-cara melintas jalan dengan selamatnya**.
Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu perenggan**.
Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.

Cara-cara Melintas Jalan dengan Selamatnya

menggunakan lampu isyarat pejalan kaki	meminta bantuan daripada pengawal lalu lintas	memimpin tangan kanak-kanak

Pada pendapat saya, kita hendaklah mengetahui cara-cara melintas jalan raya yang selamat untuk mengelakkan kemalangan daripada berlaku. Antaranya, kita perlulah menggunakan lampu isyarat pejalan kaki ketika melintas jalan. Selain itu, tindakan mendapatkan bantuan daripada pengawal lalu lintas membolehkan murid-murid melintas jalan dengan selamatnya. Seterusnya, orang dewasa mestilah memimpin tangan kanak-kanak semasa melintas jalan bagi mengelakkan berlakunya tragedi. Tuntasnya, pengguna jalan raya perlu bijak dan memberikan perhatian terhadap peraturan jalan raya untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini daripada berlaku.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA)

Skor
50

1 jam 15 minit

Bahagian A

[10 *markah*]

Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. Faris merupakan pemain bola sepak yang _____ hebat di sekolahnya.
   A nian
   B sekali
   C paling
   D mungkin

2. Majlis penyampaian hadiah itu akan disempurnakan oleh Datuk Seri Ibrahim. _____ sangat dihormati oleh penduduk kampung.
   A Mereka
   B Beliau
   C Kami
   D Dia

Soalan 3

Pilih ayat yang **betul**.

3. A Ayah membeli beberapa biji kereta baharu.
   B Ibu menyidai beberapa pasang buku di ampaian.
   C Kakak memotong beberapa helai kek untuk tetamu.
   D Pekerja itu menanam beberapa batang pokok mangga di halaman rumah.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Amalan menjaga kebersihan amat penting dalam kehidupan seharian. Kawasan rumah yang bersih dapat mengelakkan pembiakan serangga berbahaya seperti lalat dan lipas. Selain itu, persekitaran yang bersih juga menjadikan kehidupan lebih selesa dan sihat.

Penduduk perlu bekerjasama untuk membersihkan kawasan perumahan seperti longkang, taman permainan, dan tempat pembuangan sampah. Sikap bertanggungjawab ini dapat mewujudkan persekitaran yang harmoni dan bebas daripada penyakit.

4. Mengapakah kebersihan perlu dijaga?
   A Mengelakkan pembiakan serangga berbahaya
   B Mengurangkan bilangan penduduk
   C Menjadikan kawasan lebih sempit
   D Menambahkan jumlah sampah

5. Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
   A Penduduk perlu bekerjasama untuk menjaga kebersihan.
   B Kebersihan tidak memberikan kesan kepada kesihatan.
   C Serangga berbahaya hidup di kawasan yang bersih.
   D Longkang tidak perlu dibersihkan.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

6. Berikut merupakan tempat yang perlu dibersihkan, *kecuali*
   A longkang.
   B bilik darjah.
   C taman permainan.
   (D) tempat pembuangan sampah.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

BAHAN 1

Penduduk Taman Seri Indah amat gembira apabila *program* Gotong-royong Perdana diadakan di kawasan perumahan mereka. Mereka bekerjasama untuk membersihkan kawasan perumahan agar sentiasa bersih dan selesa. Program ini juga dapat mengeratkan hubungan antara jiran tetangga.

BAHAN 2

PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA

Tarikh: 11 Mei 2027 (Selasa)
Masa: 8:00 pagi – 11:30 pagi
Tempat: Kawasan Perumahan Taman Seri Indah

Aktiviti:
- Membersihkan longkang
- Mengutip sampah
- Menanam pokok bunga



Penyertaan:
Terbuka kepada semua penduduk taman

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

7. Siapakah yang boleh menyertai program tersebut?
   A Murid sekolah sahaja
   B Guru dan murid sahaja
   (C) Ahli keluarga penganjur sahaja
   D Semua penduduk Taman Seri Indah

8. Menanam <u>pokok</u> bunga

Penjodoh bilangan yang sesuai bagi perkataan yang bergaris dalam ayat di atas ialah
   A buah.
   (C) batang.
   B helai.
   D pasang.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

9. Perkataan *program* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan
   A persembahan
   B permainan.
   C latihan.
   (D) aktiviti.

10. Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
   (A) Penduduk bekerjasama untuk membersihkan kawasan.
   B Gotong-royong hanya melibatkan kanak-kanak.
   C Aktiviti program hanya menanam pokok bunga.
   D Program diadakan pada waktu malam.

Bahagian B

[10 *markah*]

Soalan 1

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Pada suatu hari, Sang Kancil berjalan di dalam hutan. Tiba-tiba, dia terdengar suara tangisan Sang Rusa. Rupanya, Sang Rusa kehilangan anaknya yang tersesat di dalam hutan ketika mencari makanan. Sang Kancil yang bijak menawarkan diri untuk membantu Sang Rusa mencari anaknya. Sang Kancil mencari anak Sang Rusa di seluruh hutan dan meneliti jejak kaki anak Sang Rusa. Sang Kancil juga bertanya kepada haiwan-haiwan lain seperti Sang Arnab dan Sang Burung.

Akhirnya, mereka menemui anak Sang Rusa yang terperangkap di antara akar pokok berhampiran dengan sungai. Sang Kancil berjaya menyelamatkannya. Sang Rusa berasa sangat gembira dan berterima kasih kepada Sang Kancil. Cerita ini mengajar kita supaya sentiasa membantu orang yang menghadapi kesusahan.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(a) Secara tiba-tiba, Sang Kancil terdengar suara tangisan Sang Rusa.

[1 *markah*]

(b) Mengapakah Sang Rusa bersedih?

Sang Rusa bersedih kerana anaknya hilang/tersesat di dalam hutan ketika mencari makanan.

[2 *markah*]

(c) Bulatkan **kata ganda** dalam ayat yang diberikan.

Sang Kancil juga bertanya kepada (haiwan-haiwan) lain seperti Sang Arnab dan Sang Burung.

[1 *markah*]

(d) *Pilih dan tulis* (**BETUL**) *bagi ayat yang* **sama maksud** *dengan ayat yang diberikan.*

Sang Kancil yang bijak menawarkan diri untuk membantu Sang Rusa mencari anaknya.

Sang Kancil yang bijak mencadangkan dirinya untuk membantu Sang Rusa mencari anaknya.	BETUL
Sang Kancil yang bijak menyuruh Sang Rusa mencari anaknya sendiri.	

[1 *markah*]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah ini. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut. Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.

Semasa pulang dari sekolah, Amir ternampak orang tua yang ingin melintas jalan tetapi orang tua itu kelihatan takut kerana kenderaan lalu-lalang pada ketika itu.

Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang boleh dilakukan oleh Amir?

Berdasarkan situasi di atas, tindakan yang boleh dilakukan oleh Amir ialah dia perlu mendekati orang tua itu dan membantunya melintas jalan dengan selamatnya. Dia juga perlu memastikan kenderaan berhenti sebelum melintas jalan. Sekiranya terdapat lampu isyarat di jalan itu, Amir perlu memastikan lampu isyarat bertukar kepada warna merah sebelum membantu orang tua itu melintas jalan.

[5 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian C

[10 *markah*]

Grafik di bawah ini menunjukkan aktiviti penjagaan keselamatan diri di taman permainan.
Tulis pendapat kamu tentang **cara-cara menjaga keselamatan diri di taman permainan.**
Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu perenggan**.
Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.



Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Pada pendapat saya, cara menjaga keselamatan diri di taman permainan ialah kita hendaklah memeriksa peralatan permainan dan mengawasi persekitaran sekeliling supaya peralatan yang akan digunakan tidak rosak. Selain itu, kita perlu menggunakan peralatan dengan betulnya mengikut cara penggunaan yang betul agar alat permainan itu tidak rosak. Akhir sekali, kita perlu mendapatkan bantuan jika berlaku kecemasan atau kecederaan seperti memberitahu ibu bapa atau orang dewasa yang berada di kawasan itu.

[10 *markah*]

Bahagian D

[20 *markah*]

Teliti bahan grafik di bawah ini. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk **karangan berformat atau karangan tidak berformat**.
Panjangnya karangan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.

BERKELAH BERSAMA KELUARGA



1. Tulis surat kiriman tidak rasmi berdasarkan gambar di atas.

ATAU

2. Tulis sebuah cerita berdasarkan gambar di atas.

1. Karangan Berformat (Surat Kiriman Tidak Rasmi)

No 39, Jalan Harmoni,
Taman Bunga Melati,
31200 Ipoh,
Perak.

10 Januari 2027.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Menemui sahabatku, Alisya. Semoga saudari dan keluarga berada dalam keadaan sihat sejahtera.

Saudari,

Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk menceritakan pengalaman saya berkelah bersama keluarga pada cuti sekolah yang lalu. Untuk pengetahuan saudari, aktiviti perkelahan ini merupakan aktiviti pertama kami meluangkan masa bersama pada bulan itu.

Seawal pukul 6:00 pagi, saya dan keluarga bersiap-siap untuk pergi berkelah di taman rekreasi. Ibu bangun awal untuk menyediakan makanan untuk dibawa ke tempat perkelahan. Antara makanan yang dimasak oleh ibu ialah bihun goreng, ayam goreng, nasi lemak, dan kentang goreng. Selepas kami semua bersiap, ayah memasukkan barang-barang ke dalam kereta. Saya dan adik berasa sangat gembira.

Perjalanan kami ke tempat perkelahan mengambil masa lebih kurang tiga jam dari rumah saya. Saya dan adik berasa sangat teruja kerana kami dapat melihat pemandangan yang cantik dan indah. Kami tiba di tempat perkelahan pada pukul 12 tengah hari. Kami melihat orang ramai sudah memenuhi kawasan perkelahan di situ. Tanpa membuang masa, ayah terus membentangkan tikar di bawah pokok yang rendang. Ibu pula menyusun makanan di atas tikar. Suasana di pantai itu sangat nyaman dan indah.

Saya menemani adik mandi pantai dan membina istana pasir sementara menunggu ibu menyusun makanan. Kemudian, kami menikmati makanan yang dimasak oleh ibu bersama-sama. Kami makan sambil berbual mesra. Selepas makan, saya dan adik bermain bola dan layang-layang. Sebelum pulang, kami mengutip semua sampah dan membuangnya ke dalam tong sampah. Ayah mengingatkan kami supaya sentiasa menjaga kebersihan taman. Kami pulang ke rumah dengan hati yang gembira. Saya sangat seronok kerana dapat meluangkan masa bersama keluarga. Pengalaman berkelah itu menjadi kenangan yang manis untuk saya.

Setakat ini sahaja surat saya pada kali ini. Semoga kita dapat bertemu pada kesempatan yang lain. Akhir kata, sampaikan salam saya kepada keluarga saudari di sana. Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Aqilah

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

2. Karangan Tidak Berformat (Cerita)

Pada hujung minggu yang lalu, saya dan keluarga berkelah di sebuah pantai yang indah. Kami bertolak pada awal pagi supaya dapat menikmati udara yang segar. Ayah memandu kereta dengan berhati-hati. Saya dan adik berasa sangat teruja.

Setelah tiba di pantai, kami mencari tempat yang redup di bawah sebatang pokok besar. Ayah membentangkan tikar sementara ibu menyusun makanan di atas tikar. Suasana di pantai sangat nyaman dan kawasan itu dipenuhi dengan pokok. Terdapat juga ramai pengunjung yang datang bersama keluarga mereka.

Selepas itu, kami menikmati pelbagai makanan yang dibawa dari rumah seperti nasi lemak, buah-buahan, dan kuih-muih. Kami makan bersama-sama sambil berbual-bual. Selepas selesai makan, saya dan adik bermain bola tampar. Ayah pula mengambil gambar kami sebagai kenangan.

Sebelum pulang, kami mengutip semua sampah dan memasukkannya ke dalam plastik sebelum dibuang ke dalam tong sampah. Ayah sentiasa mengingatkan kami supaya menjaga kebersihan alam sekitar. Sikap ini penting agar kawasan pantai sentiasa bersih dan selesa untuk dikunjungi oleh orang ramai.

Saya berasa sangat seronok kerana dapat meluangkan masa bersama keluarga. Pengalaman berkelah itu menjadi kenangan yang manis buat kami sekeluarga. Saya berharap agar dapat berkelah lagi pada masa hadapan.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.



Koridor Peribahasa

PERIBAHASA DALAM BUKU TEKS BAHASA MELAYU TAHUN 6

- **air bujang**
  air minuman, tanpa kuih-muih
- **bagai melepaskan batuk di tangga**
  membuat sesuatu kerja tetapi tidak sampai selesai
- **bagai retak menanti belah**
  perkara kecil yang akan menjadi besar, tinggal menanti petaka yang lebih besar lagi
- **bagai telur di hujung tanduk**
  dalam keadaan bahaya
- **berat sama dipikul, ringan sama dijinjing**
  suka duka sama-sama ditanggung
- **bersatu kita teguh, bercerai kita roboh**
  persefahaman dalam sesebuah masyarakat dapat membuahkan kejayaan manakala perbalahan akan menyebabkan perpecahan
- **buah hati**
  orang kesayangan; kekasih
- **bukit sama didaki, lurah sama dituruni**
  sepakat (seia sekata)
- **bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat**
  sebulat suara kerana bermuafakat
- **cari jalan**
  berikhtiar untuk menyelesaikan sesuatu perkara
- **mengambil berat**
  memberikan perhatian
- **ibarat telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semuanya**
  orang yang semuafakat itu sama hidup sama mati dan tidak berubah setianya
- **jangan menangguk di air keruh**
  cuba mengambil kesempatan daripada keadaan kesusahan dan kekalutan orang lain demi kepentingan atau keuntungan diri sendiri
- **keras kepala**
  degil atau mempunyai azam yang kuat
- **lipas kudung**
  membuat sesuatu kerja dengan pantasnya
- **malang tidak berbau**
  kecelakaan yang tidak dapat diketahui sebelumnya
- **mati katak**
  mati dengan sia-sia
- **melentur buluh biarlah waktu rebungnya**
  mendidik anak biarlah sejak mereka kecil lagi
- **membaca jambatan ilmu**
  amalan membaca dapat membantu kita menambahkan pengetahuan
- **menahan lukah di pergentingan**
  mencari keuntungan daripada kesempitan (kesukaran) orang
- **pandu cermat jiwa selamat**
  memandu kenderaan dengan berhati-hati akan menyelamatkan nyawa
- **ringan tulang**
  rajin bekerja

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Jawapan

UNIT 1 Saling Menyayangi

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Puan Kalsom: ibu mengandungkan kamu selama sembilan bulan; menjaga kamu dengan penuh kasih sayang
Puan Kalsom: bekerja keras setiap hari untuk mencari rezeki; melindungi dan membimbing kamu
Puan Kalsom: insan yang berguna dan berakhlak mulia
Aqil: berjanji akan belajar bersungguh-sungguh; membalas jasa ibu dan ayah
Puan Kalsom: anak yang baik; menghormati ibu dan ayah

Kemahiran Membaca

1. Pak Rahman bekerja sebagai penoreh getah.
2. Pak Rahman sanggup bersusah payah untuk menyara kehidupan keluarganya kerana ingin memastikan anak-anaknya mendapat makanan yang mencukupi dan keperluan persekolahan yang lengkap.
3. Kehidupan keluarga Pak Rahman berada dalam keadaan serba sederhana dan kadangkala susah.
4. Isteri Pak Rahman membantu keluarga dengan mengambil upah menjahit pakaian.
5. Anak-anak Pak Rahman berjaya dalam pelajaran, melanjutkan pelajaran hingga peringkat yang lebih tinggi, dan memperoleh pekerjaan yang baik.

Kemahiran Menulis

Di sebalik senyumanmu tersimpan seribu duka,
Engkau bangun sebelum fajar menyingsing cahaya,
Mengatur langkah demi keluarga tercinta,
Tanpa jemu, tanpa lelah, tanpa bersuara.

Tanganmu lembut membelai penuh kasih,
Menghapus air mata saat hati resah gelisah,
Kaukorbankan impian demi anak-anak yang dikasihi,
Agar kami membesar menjadi insan berjasa.

Wahai ibu, jasamu tiada ternilai harganya,
Doamu sentiasa mengiringi setiap langkah kami selamanya.

Aspek Tatabahasa

1. C 2. A 3. A 4. B 5. D 6. C

UNIT 2 Ke Sana ke Sini

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

1. Pengirim surat bercuti di Cameron Highlands.
2. Di ladang strawberi, pengirim surat memetik buah strawberi yang segar.
3. Cameron Highlands menjadi tempat yang menarik untuk dilawati kerana keindahan alam semula jadi yang menghijau, dapat menikmati udara yang segar, serta terletak di kawasan tanah tinggi yang sejuk dan nyaman.
4. Pengirim surat membeli cenderamata dan sayur-sayuran segar sebelum pulang ke rumah.
5. Pada pendapat saya, kita perlu melawat tempat-tempat pelancongan di dalam negara kerana kita dapat menambahkan pengetahuan tentang keindahan alam semula jadi, menghargai keunikan negara sendiri, dan mengeratkan hubungan kekeluargaan melalui aktiviti percutian bersama.

Kemahiran Membaca

Meningkatkan penguasaan bahasa; Menambahkan ilmu pengetahuan; Mengisi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah; Meningkatkan daya pemikiran dan kreativiti

Kemahiran Menulis

Perenggan 1 – Risalah tersebut sangat menarik kerana mengandungi maklumat yang lengkap tentang pakej percutian istimewa ke Cameron Highlands. Risalah ini jelas, mudah difahami, dan mampu menarik minat orang ramai untuk bercuti bersama keluarga dengan harga yang berpatutan.

Perenggan 2 – Pakej pelancongan ini bermula dari 1 Disember hingga 31 Januari 2027, iaitu pakej percutian selama tiga hari dua malam. Antara tarikan utama yang disediakan termasuklah lawatan ke ladang strawberi, menikmati pemandangan ladang teh yang indah, melawat taman bunga yang berwarna-warni, serta dapat merasai suasana sejuk dan nyaman. Selain itu, makanan disediakan sebanyak tiga kali sehari, pelancong dapat menginap di hotel yang selesa, serta pengangkutan yang disediakan ialah bas berhawa dingin untuk perkhidmatan pergi dan balik. Pakej pelancongan ini berharga RM299 bagi seorang pelancong. Namun, promosi untuk pakej pelancongan ini adalah terhad.

UNIT 3 Cerita Pertemuan

Kemahiran Membaca

1. Kesyukuran – Kesyukuran bermaksud menghargai segala nikmat yang kita peroleh dalam kehidupan.
2. Keprihatinan – Keprihatinan bermaksud mengambil berat terhadap keadaan orang lain.
3. Berdikari – Berdikari bermaksud mampu melakukan sesuatu perkara dengan sendiri tanpa bergantung pada orang lain.
4. Kecekalan – Kecekalan bermaksud tidak mudah berputus asa dalam menghadapi cabaran.
5. Tanggungjawab – Tanggungjawab bermaksud menjalankan tugas yang diamanahkan dengan baiknya.
6. Kerajinan – Kerajinan bermaksud sentiasa berusaha dan tekun dalam melakukan sesuatu pekerjaan atau pembelajaran.

Kemahiran Menulis

Pada pendapat saya, bahan grafik di atas menunjukkan sebuah keluarga sedang berkelah di pantai dalam suasana yang harmoni dan bahagia. Aktiviti berkelah seperti ini dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan kerana semua ahli keluarga dapat meluangkan masa bersama-sama.

Dalam gambar tersebut, ayah sedang membaca surat khabar dengan tenangnya, manakala ibu pula sibuk menyediakan makanan untuk dinikmati bersama-sama ahli keluarga. Anak-anak pula sedang bermain air dengan gembiranya di tepi pantai. Situasi ini menunjukkan setiap ahli keluarga mempunyai peranan masing-masing dalam menjayakan aktiviti tersebut.

Selain itu, aktiviti berkelah di pantai dapat menghilangkan tekanan selepas penat bekerja dan belajar di sekolah. Hal ini dikatakan demikian kerana udara yang segar dan pemandangan yang indah dapat menenangkan fikiran. Keadaan ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kesihatan fizikal dan mental seseorang.

Kesimpulannya, aktiviti berkelah bersama keluarga di pantai merupakan aktiviti yang sangat berfaedah. Aktiviti ini bukan sahaja menyeronokkan, malah dapat mengeratkan hubungan kasih sayang antara ahli keluarga.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

UNIT 4 Kesihatan Tanggungjawab Kita

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Faiz: cepat marah; menangis sepanjang masa; hilang minat untuk meneruskan aktiviti harian

Faiz: bertenang; bernafas; beribadat; bercakap dengan seseorang; berurut; bersenam; berfikiran positif

Kemahiran Membaca

1. tidak gelisah atau tidak resah
2. tetap atau tidak berubah-ubah
3. menceritakan atau membahagikan sesuatu dengan orang lain
4. menguasai atau menahan sesuatu daripada bertindak bebas
5. melakukan sesuatu dengan cepatnya tanpa berfikir panjang
6. aktiviti yang dilakukan pada waktu lapang untuk keseronokan
7. keadaan aman dan damai
8. cara mengendalikan atau mengatur sesuatu
9. dugaan atau perkara sukar yang perlu dihadapi
10. sikap yang baik dan yakin terhadap sesuatu

Aspek Tatabahasa

A biji; utas; ekor; helai; batang

B 1. C 2. B 3. A 4. B 5. C

UNIT 5 Kebersihan Asas Kesejahteraan

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

1. ✗ 2. ✓ 3. ✗ 4. ✓ 5. ✗ 6. ✓

Kemahiran Membaca

1. Amir membantu ayahnya di kedai runcit.
2. Amir akan membuka kedai runcit bersama ayahnya.
3. Amir melayan mereka dengan sopannya dan sentiasa tersenyum.
4. Ayah Amir berasa sangat bangga terhadapnya.
5. Pengajaran yang diperoleh oleh Amir daripada pengalaman itu ialah disiplin, kerjasama, dan menghargai usaha mencari rezeki sangat penting. Selain itu, Amir sedar bahawa membantu ibu bapa adalah satu tanggungjawab yang mulia.

Kemahiran Menulis

Menjaga kebersihan diri amat penting untuk semua orang terutamanya murid-murid sekolah. Jika kita tidak menjaga kebersihan badan, kita akan mudah dijangkiti penyakit dan kelihatan tidak kemas.

Setiap hari, kita mesti mandi sekurang-kurangnya dua kali sehari supaya badan sentiasa bersih dan segar. Kita juga perlu menggosok gigi pada waktu pagi dan malam agar gigi tidak rosak dan mulut tidak berbau busuk.

Selain itu, kuku jari kaki dan jari tangan hendaklah dipotong supaya kotoran tidak berkumpul di celah-celah kuku. Rambut juga mesti disikat dengan rapinya supaya kelihatan kemas dan cantik.

Kita juga harus memakai pakaian yang bersih tetapi ramai murid tidak mengambil berat tentang perkara ini. Oleh itu, mereka memakai baju kotor ke sekolah kerana tidak dibasuh dengan betulnya.

Oleh itu, semua orang mestilah menjaga kebersihan diri supaya hidup lebih sihat dan orang lain senang berkawan dengan kita.

UNIT 6 Bersih Selalu, Sihat Sentiasa

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Aina: penjagaan kebersihan gigi
Hakim: enam cara
Aina: menggosok gigi dua kali sehari
Aina: menggunakan ubat gigi berfluorida
Hakim: menguatkan gigi dan mencegah kaviti
Aina: makan makanan manis
Aina: berkumur selepas makan
Hakim: doktor gigi secara berkala

Kemahiran Membaca

Bahan tambahan dalam makanan ialah bahan yang digunakan dalam masakan untuk menambahkan rasa, warna, bau, dan memanjangkan tempoh penyimpanan makanan. Antara contoh bahan tambahan dalam makanan yang biasa digunakan ialah garam, gula, cuka, pewarna, dan perisa. Bahan ini menjadikan makanan lebih sedap dan menarik. Namun, penggunaan bahan tambahan dalam makanan perlu dikawal kerana penggunaan yang berlebihan boleh menjejaskan kesihatan seperti penyakit darah tinggi dan kencing manis. Oleh itu, penggunaan bahan tambahan dalam makanan secara bijak dan dalam kuantiti yang sederhana amat penting untuk menjaga kesihatan diri.

Kemahiran Menulis

Selain itu, menjaga kebersihan kelas dapat mengelakkan pembiakan kuman dan penyakit. Apabila kelas sentiasa bersih, kesihatan murid lebih terjamin dan risiko untuk murid jatuh sakit dapat dikurangkan. Tindakan ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kehadiran murid ke sekolah.

UNIT 7 Sentiasa Peka

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Farah: mengalami kemalangan semalam ketika menunggang motosikal tanpa memakai topi keledar

Farah: terjatuh dan mengalami kecederaan di kepala; dirawat di hospital

Kemahiran Menulis

Gotong-royong ialah aktiviti yang dilakukan secara bekerjasama untuk membersihkan atau mengemas sesuatu tempat. Aktiviti gotong-royong di dalam kelas amat penting dan memberikan banyak kebaikan kepada murid-murid.

Antara kebaikan aktiviti gotong-royong di dalam kelas adalah dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang bersih dan selesa. Kelas yang bersih akan membuatkan murid lebih selesa untuk belajar dan dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran. Bilik darjah yang kemas juga dapat mengelakkan pembiakan kuman dan penyakit.

Seterusnya, aktiviti gotong-royong dapat memupuk semangat kerjasama dalam kalangan murid. Apabila murid bekerjasama semasa membersihkan kelas, mereka belajar untuk saling membantu dan menghargai usaha rakan-rakan. Sikap ini penting untuk diamalkan dalam kehidupan seharian.

Akhir sekali, aktiviti gotong-royong dapat mendidik murid supaya bertanggungjawab menjaga kebersihan kelas masing-masing. Murid akan lebih prihatin terhadap kebersihan dan tidak membuang sampah di merata-rata tempat.

Kesimpulannya, gotong-royong di dalam kelas memberikan banyak kebaikan kepada murid. Oleh itu, semua murid hendaklah sentiasa melibatkan diri dalam aktiviti gotong-royong demi mewujudkan kelas yang bersih, ceria, dan selesa.

Aspek Tatabahasa

A 1. ke 2. di 3. sama ada; atau
4. kerana 5. Adakah 6. walaupun
7. selama 8. Jika 9. daripada
10. akan

B 1. C 2. C 3. B 4. D

UNIT 8 Sentiasa Berhati-hati

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Sentiasa mengikut peraturan sekolah; Jangan berlari di koridor; Berhati-hati semasa menaiki dan menuruni tangga; Memegang pemegang tangga supaya lebih selamat; Kita tidak boleh bercakap dengan orang

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

yang tidak dikenali di kawasan sekolah; Laporkan situasi yang berlaku kepada guru jika ternampak orang yang mencurigakan; Kita perlu sentiasa bersama kawan; Jangan bersendirian di tempat yang sunyi

Kemahiran Membaca

1. Kejadian buli itu berlaku di kantin sekolah.
2. Daniel merupakan seorang yang pendiam dan tidak berani melawan.
3. Daniel hanya menunduk dan tidak berani melawan ketika dibuli oleh Rizal dan rakan-rakannya.
4. Pembuli akan dikenakan tindakan disiplin dan kejadian buli dapat dihentikan serta Daniel akan berasa lebih selamat.

Kemahiran Menulis

Antara keselamatan yang boleh dilakukan semasa melakukan aktiviti di padang ialah murid hendaklah memakai pakaian dan kasut yang sesuai supaya pergerakan lebih selesa dan selamat. Selain itu, aktiviti pemanasan badan sebelum bersukan amat penting untuk mengurangkan risiko kekejangan otot. Murid juga perlu sentiasa mengikut arahan guru atau jurulatih bagi memastikan aktiviti dijalankan dengan teraturnya. Di samping itu, murid perlu berhati-hati dengan keadaan persekitaran padang seperti permukaan yang licin atau berlubang bagi mengelakkan kemalangan. Semua langkah ini wajar diamalkan demi menjamin keselamatan sepanjang aktiviti dijalankan.

Aspek Tatabahasa

1. C 2. C 3. B 4. B 5. A
6. D 7. B

UNIT 9 Waspada Fenomena Alam

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

1. sentiasa berwaspada dengan memantau perkembangan maklumat cuaca dan amaran rasmi; mengelakkan diri daripada berada di kawasan berisiko seperti tepi sungai, kawasan rendah, atau laluan air ketika hujan lebat; jangan meredah air banjir; bersedia untuk berpindah jika diarahkan; melaporkan kejadian itu kepada pihak berkuasa atau menghubungi talian kecemasan yang disediakan
2. Hujan lebat yang tidak berhenti-henti; paras air sungai atau air longkang meningkat dengan cepatnya; aliran air menjadi deras secara tiba-tiba; kawasan rendah mula ditenggelami air; terdapat amaran cuaca daripada pihak berkuasa

Kemahiran Membaca

1. **Peranan masyarakat:**
   - Tidak melakukan pembalakan haram dan menjaga alam sekitar
   - Tidak membuang sampah ke dalam longkang atau sungai

   Peranan kerajaan:
   - Menguatkuasakan undang-undang alam sekitar dengan tegasnya
   - Melaksanakan projek penanaman hutan semula

Kemahiran Menulis

Nilai Murni	Huraian
1. Kebijaksanaan	Amir belajar memahami fakta tentang gempa bumi dan cara menghadapi gempa bumi.
2. Berhati-hati	Amir sedar bahawa pentingnya untuk sentiasa berwaspada semasa bencana berlaku.
3. Kesabaran	Tidak panik ketika menghadapi situasi kecemasan.
4. Tanggungjawab	Mendengar dan mematuhi arahan pihak berkuasa.
5. Bantu-membantu	Saling membantu orang lain yang terjejas semasa bencana.

Praktis Masteri 1

Bahagian A

Tatabahasa

Praktis 1

1. B 2. C 3. A 4. D 5. C
6. B 7. B 8. C 9. B 10. B

Pemahaman Petikan (Teks Tunggal & Teks Pelbagai)

Praktis 1

Teks Tunggal

1. D 2. B 3. D

Teks Pelbagai

4. C 5. C 6. A 7. A

Bahagian B

Tatabahasa dan Pemahaman Petikan

Praktis 1

1. (a) ibu
   (b) Ayah tidak mengenal penat dan jemu kerana ingin mencari rezeki dan memastikan masa depan anak-anak terjamin.
   (c) Masakanmu penuh kasih dan rasa.
   (d)

Ayah bekerja keras demi masa depan anak-anak.	BETUL

Respons Kritis dan Kreatif

Praktis 1

Berdasarkan situasi di atas, sebagai rakan, tindakan yang akan saya lakukan ialah saya akan berkongsi makanan dengan rakan. Saya akan mengajak rakan makan makanan saya bersama-sama supaya dia tidak berasa lapar.

Bahagian C

Penulisan Perenggan

Praktis 1

Pada pendapat saya, cara menjaga keselamatan diri di sekolah ialah kita perlu sentiasa mematuhi peraturan sekolah dan arahan guru. Selain itu, kita tidak boleh berlari atau bermain di tempat berbahaya seperti tangga supaya tidak mengalami kecederaan yang tidak diingini. Cara yang seterusnya ialah kita harus mengelakkan diri daripada bercakap atau mengikut orang yang tidak dikenali. Akhir sekali, kita perlu segera melaporkan sebarang kejadian berbahaya kepada guru untuk mengelakkan sebarang kecederaan.

Bahagian D

Penulisan Karangan

Praktis 1

1. **Karangan Berformat (Syarahan)**

Assalamualaikum dan salam sejahtera saya ucapkan kepada pengerusi majlis, guru-guru, dan rakan yang dihormati sekalian. Pada hari ini, saya akan menyampaikan syarahan yang bertajuk "Kepentingan Makanan Seimbang".

Hadirin yang dihormati

Antara kepentingan makanan seimbang ialah dapat membekalkan tenaga yang mencukupi untuk kita menjalankan aktiviti harian seperti belajar dan bersukan. Tanpa tenaga yang cukup, kita akan menjadi mudah letih dan tidak dapat memberikan tumpuan ketika melakukan aktiviti harian.

Selain itu, makanan seimbang dapat membantu pertumbuhan dan perkembangan tubuh badan, terutamanya bagi kanak-kanak dan remaja. Hal ini dikatakan demikian kerana nutrien yang mencukupi seperti protein dan vitamin sangat penting untuk memastikan tubuh membesar dengan sihatnya.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Akhir sekali, makanan seimbang dapat menjaga kesihatan dan menguatkan sistem imun badan. Hal ini dikatakan demikian kerana pengambilan makanan yang seimbang menyebabkan kita mengambil semua jenis makanan yang terdapat dalam piramid makanan seperti karbohidrat, protein, vitamin, mineral, dan lemak dalam jumlah yang betul. Dengan pengambilan makanan yang sihat, badan kita lebih tahan terhadap penyakit dan tidak mudah jatuh sakit.

Kesimpulannya, pemakanan yang seimbang sangat penting untuk menjamin kesihatan dan kesejahteraan hidup kita. Marilah kita sama-sama mengamalkan pemakanan seimbang demi masa depan yang lebih sihat.
Sekian, terima kasih.

2. Karangan Tidak Berformat (Fakta)

Makanan seimbang amat penting dalam kehidupan seharian kerana dapat memberikan banyak manfaat kepada kesihatan tubuh badan manusia. Pengambilan makanan yang seimbang merangkumi semua nutrien yang diperlukan oleh badan seperti karbohidrat, protein, vitamin, mineral, dan lemak dalam jumlah yang betul.

Antara kepentingan makanan seimbang adalah dapat membekalkan tenaga yang mencukupi untuk membolehkan seseorang menjalankan aktiviti harian. Tenaga ini diperlukan untuk belajar dan melakukan pelbagai aktiviti yang lain. Tanpa tenaga yang mencukupi, seseorang akan mudah berasa letih dan tidak bermaya sepanjang hari.

Selain itu, makanan seimbang dapat membantu pertumbuhan dan perkembangan tubuh badan terutamanya bagi kanak-kanak dan remaja. Nutrien seperti protein dan kalsium sangat penting untuk pembinaan otot, tulang, dan tisu badan yang sihat terutamanya kepada kanak-kanak kecil yang sedang membesar. Dengan pengambilan makanan yang betul, tumbesaran dapat berlaku dengan sempurnanya.

Akhir sekali, makanan seimbang dapat menjaga kesihatan dan menguatkan sistem imun badan. Sistem imun badan yang kuat dapat melindungi tubuh daripada jangkitan penyakit seperti demam, selesema, dan pelbagai penyakit lain. Oleh itu, pemakanan yang seimbang dapat membantu seseorang kekal sihat dan cergas.

Kesimpulannya, makanan seimbang memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Oleh itu, setiap individu perlu mengamalkan pemakanan yang sihat agar dapat hidup lebih sihat, cergas, dan bebas daripada penyakit.

UNIT 10 Langkah Perpaduan

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Minggu Perpaduan 2027 bertujuan untuk memupuk semangat perpaduan, mengenali budaya pelbagai kaum, dan menggalakkan kerjasama dalam kalangan murid. Pelbagai aktiviti seperti pertandingan, persembahan, permainan tradisional, dan jamuan diadakan dengan penglibatan semua warga sekolah. Program ini diharapkan dapat melahirkan murid yang saling menghormati dan hidup dalam suasana harmoni.

Kemahiran Menulis

Semangat kejiranan perlu dipupuk dalam diri anak-anak sejak mereka kecil lagi. Hal ini dikatakan demikian kerana semangat kejiranan sangat penting diterapkan dalam diri seseorang.

Antara aktiviti yang boleh dijalankan untuk memupuk semangat kejiranan ialah masyarakat setempat perlu mengadakan aktiviti gotong-royong. Aktiviti ini dapat mengeratkan hubungan antara penduduk. Selain itu, program Hari Keluarga perlu diadakan sekurang-kurangnya dua bulan sekali. Aktiviti ini dapat menimbulkan semangat kerjasama dalam pasukan dan hubungan mesra dapat diwujudkan.

Setiap kali musim perayaan, jawatankuasa penduduk boleh mengadakan rumah terbuka. Majlis ini diadakan untuk mengenali jiran setempat dan mewujudkan suasana yang harmoni.

Kesimpulannya, marilah kita sama-sama menyertai aktiviti yang dapat memupuk semangat kejiranan.

Aspek Tatabahasa

menjemput; dihiasi; memeriahkan; Kemesraan; berada; dijamu; disediakan; dihidangkan; berselera; menjamu; bersalaman; mengucapkan

UNIT 11 Gema Perpaduan

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- Haikal mengundang kami ke majlis hari lahirnya yang ke-12. Pada pukul 11:00 pagi, kami berkumpul di rumah saya. Kami bercadang hendak ke rumah Haikal bersama-sama.
- kami tiba di rumah Haikal. Kami disambut oleh Haikal dan ibu bapanya. Saya memberikan hadiah kepada Haikal. Dia menerimanya dengan hati yang gembira. Dia mempelawa kami masuk ke rumahnya kerana majlis akan bermula tidak lama lagi.
- Haikal menjemput tetamu menikmati hidangan yang disediakan. Saya, Mohan, dan Matthew mengambil makanan kegemaran masing-masing. Makanan yang disediakan itu enak belaka. Semasa menjamu selera, kami diberikan sepotong kek oleh ibu Haikal.
- Kami mengucapkan selamat hari lahir kepada Haikal. Kami juga tidak lupa untuk mengucapkan terima kasih kepada keluarga Haikal atas jemputan tersebut. Kami pulang ke rumah masing-masing dengan perasaan yang gembira.

Aspek Seni Bahasa

Jawapan murid

UNIT 12 Semarak Perpaduan

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Jawapan murid

Kemahiran Menulis

Pada minggu perpaduan di sekolah, murid-murid telah menyertai pelbagai aktiviti yang menyeronokkan seperti pertandingan pakaian tradisional dan permainan tradisional. Selain itu, mereka belajar cara menghormati budaya kaum lain dan bekerjasama untuk menjayakan program ini.

Aspek Tatabahasa

melaksanakan; dipupuk; sambutan; melahirkan; menyampaikan; tanggungjawab; hebat sekali; kuih-muih; kerjasama; tradisional

UNIT 13 Warisan Budaya Kekal Terpelihara

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

1. Lokasi percutian Farhana ialah Terengganu.
2. Puan Hasnah ialah pemilik sebuah bengkel menenun songket.
3. Pembaharuan yang dilakukan oleh Puan Hasnah dalam penghasilan songket adalah dengan menukar corak songket tradisional kepada konsep yang lebih moden.
4. Kreatif; Teliti; Berani; Mesra

Aspek Seni Bahasa

pelbagai bangsa bersatu hati; warisan indah terus terpahat; kurta segak penuh gaya; Wahai generasi pewaris bangsa

Ujian Pertengahan Sesi Akademik (UPSA)

Bahagian A

1. B	2. C	3. D	4. D	5. D
6. A	7. C	8. D	9. B	10. B

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian B

Soalan 1

(a) seni dan budaya tradisional

(b) Majlis yang diadakan pada hari Selasa ialah majlis pelancaran Bulan Kebudayaan.

(c) Pada hari Selasa yang lalu, Kelab Kebudayaan Sekolah Kebangsaan Seri Damai telah mengadakan majlis pelancaran Bulan Kebudayaan.

(d)

Semua aktiviti disambut baik oleh murid-murid sepanjang program tersebut dijalankan.	BETUL

Soalan 2

Berdasarkan situasi di atas, tindakan yang perlu dilakukan oleh Aisyah ialah dia perlu memberitahu ibu bapanya atau orang dewasa dengan segeranya. Selain itu, Aisyah perlu meminta bantuan daripada jiran-jirannya jika dia berada di dalam rumah itu seorang diri. Dia juga boleh menghubungi pihak bomba jika mendapati berlaku kebakaran di dapur rumahnya.

Bahagian C

Pada pendapat saya, cara yang boleh kita lakukan untuk penjagaan kesihatan diri ialah kita perlu bersenam secara berkala. Selain itu, kita hendaklah makan makanan yang seimbang seperti makan makanan yang mengandungi karbohidrat, protein, vitamin, mineral, dan lemak dalam jumlah yang betul. Akhir sekali, kita perlu mendapatkan rehat yang mencukupi supaya badan sentiasa sihat dan cergas untuk melakukan aktiviti harian.

Bahagian D

1. Karangan Berformat (Catatan)

Khamis, 20 Mei 2027

7:30 pagi

Hari ini merupakan hari yang sangat menyeronokkan kerana sekolah saya telah mengadakan Hari Keluarga Peringkat Sekolah. Kawasan sekolah dihiasi dengan belon berwarna-warni dan sepanduk yang cantik sehingga menjadikan suasana di situ lebih meriah.

8:30 pagi

Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan. Saya melihat para peserta menyertai pertandingan tarik tali. Mereka menarik tali dengan penuh semangat manakala penonton bersorak untuk memberikan sokongan.

10:30 pagi

Selain itu, terdapat persembahan nyanyian dan tarian dipersembahkan di pentas utama. Semua yang hadir bertepuk tangan dengan gembiranya semasa menonton persembahan-persembahan itu.

11:00 pagi

Di bahagian lain sekitar kawasan sekolah pula, terdapat gerai makanan yang menjual pelbagai jenis makanan yang lazat. Antara makanan yang dijual ialah nasi lemak, sosej, dan lain-lain.

11:30 pagi

Saya turut menyertai aktiviti mewarna bersama adik saya. Kami mewarna dengan tekunnya dan berasa sangat gembira apabila hasil kerja kami dipuji oleh guru.

2. Karangan Tidak Berformat (Cerita)

Pada hari Sabtu yang lalu, Sekolah Kebangsaan Seri Damai telah mengadakan program Hari Keluarga Peringkat Sekolah. Pelbagai hiasan menarik seperti belon dan sepanduk dipasang untuk memeriahkan suasana pada hari tersebut. Ibu bapa dan murid-murid hadir awal pagi untuk memberikan sokongan terhadap aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah.

Di tengah-tengah kawasan dewan tersebut, sebuah pentas telah didirikan untuk mengadakan pelbagai aktiviti. Beberapa orang murid bersama guru kelihatan sedang membuat persembahan. Pengunjung bersorak gembira kerana terhibur dengan persembahan yang dipersembahkan oleh semua peserta.

Selain itu, terdapat pelbagai permainan menarik yang disediakan. Antaranya ialah pertandingan tarik tali yang disertai oleh murid-murid. Dalam permainan itu, para peserta menarik tali dengan bersungguh-sungguh kerana disokong oleh rakan-rakan dan ibu bapa yang memberikan sorakan dan semangat.

Di bahagian lain pula, terdapat beberapa gerai makanan yang menjual pelbagai juadah makanan seperti nasi lemak, keropok lekor, dan sebagainya. Ibu bapa dan murid mengambil peluang menikmati makanan sambil berbual mesra. Suasana menjadi lebih meriah dengan gelak tawa yang kedengaran di sekeliling kawasan tersebut.

Secara keseluruhannya, program Hari Keluarga Peringkat Sekolah ini berlangsung dengan jayanya. Program seperti ini dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara pihak sekolah dengan murid dan ibu bapa.

UNIT 14 Persada Seni Lambang Jati Diri

Kemahiran Membaca

1. Mukim Kayang, Kuala Perlis
2. Galeri arkeologi dan sejarah pemerintahan
3. Rumah tradisional berusia lebih 100 tahun
4. Percuma

Pada pendapat saya, Muzium Kota Kayang sesuai dijadikan sebagai destinasi pendidikan kerana menyediakan pelbagai maklumat tentang sejarah, arkeologi, dan budaya negeri Perlis. Selain itu, murid dapat melihat artifak sebenar dan memahami warisan negara secara lebih dekat dalam suasana pembelajaran yang menarik.

Kemahiran Menulis

persembahan cerita melalui tarian dan nyanyian; cara perubatan; persembahan tarian Makyung menggabungkan lakonan, tarian, lagu, cerita, serta teks percakapan yang formal dan bersahaja; golongan muda dapat belajar dan menghargai khazanah kesenian kita yang semakin dilupai

Aspek Tatabahasa

A kembang hidung; panjang tangan; ringan tulang; berat tulang; makan angin

B di mana ada kemahuan, di situ ada jalan; bagai aur dengan tebing; seperti katak di bawah tempurung; seperti kacang lupakan kulit; seperti anjing dengan kucing

UNIT 15 Estetika Cita Rasa Malaysia

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- seorang usahawan kraf tangan tempatan yang terkenal di negara kita
- sebaik-baik sahaja menamatkan persekolahannya pada tahun 2011
- senduk tempurung; aspek ketahanan dan bersifat natural membuatkan produk hiasan ini menjadi pilihan utama masyarakat. Selain itu, nilai estetika yang terdapat pada dekoratif kraf yang dihasilkannya sangat bermutu dan eksklusif
- seorang usahawan yang berjaya dan kebolehannya dalam bidang seni kraf ini diiktiraf oleh kerajaan
- berusaha dalam menghasilkan kraf terbaik dari segi nilai seninya dan sentiasa memenuhi permintaan pencinta seni kraf ini

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kemahiran Menulis

Persatuan Sejarah sekolah saya telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Muzium Negara. Lawatan ini disertai oleh 40 orang murid dan guru pengiring. Lawatan ini bertujuan untuk menambahkan pengetahuan murid-murid tentang sejarah negara.

Sebelum bertolak ke Muzium Negara, kami diberikan sebuah buku dan sebatang pen oleh guru pengiring supaya kami dapat menulis maklumat yang terdapat di Muzium Negara.

Setibanya di muzium, kami disambut oleh beberapa orang pegawai muzium. Pegawai-pegawai itu memberikan taklimat ringkas tentang peraturan dan sejarah muzium sebelum membawa kami melihat barang-barang pameran yang terdapat di dalam muzium itu.

Selepas itu, kami dibawa melawat pelbagai galeri yang mempamerkan artifak bersejarah seperti pakaian tradisional, senjata lama, dan bahan arkeologi. Saya dan rakan-rakan tidak melepaskan peluang untuk mengambil gambar artifak-artifak tinggalan sejarah yang dipamerkan di muzium itu dan menulis maklumat penting tentang artifak tersebut.

Lawatan ini memberikan banyak pengetahuan baharu kepada saya. Saya berharap agar aktiviti seperti ini dapat diadakan lagi pada masa hadapan kerana sangat bermanfaat.

UNIT 16 Indahnya Sains

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Kesimpulannya, bidang-bidang dalam sains seperti biologi, kimia, fizik, astronomi, geologi, perubatan, dan sains alam sekitar amat penting untuk diterokai kerana bidang-bidang ini membantu manusia memahami alam dengan lebih mendalam. Selain itu, bidang ini menyumbang penciptaan teknologi moden, peningkatan kesihatan, dan pemeliharaan alam sekitar. Oleh itu, penerokaan dalam bidang sains perlu diteruskan demi kemajuan kehidupan manusia dan negara.

Aspek Tatabahasa

1. Sarah berharap hendak menjadi saintis pada suatu hari nanti.
2. Sarah suka menyimpan dan menambahkan bilangan model dan alatan berkaitan dengan sains dan teknologi.
3. Selain itu, dia juga berasa bangga akan Dr. Sheikh Muszaphar yang merupakan orang Malaysia pertama menyertai misi ke angkasa lepas.
4. Sarah yakin bahawa cita-citanya untuk menjadi seorang saintis akan berjaya.

UNIT 17 Teknologi Membantu Kita

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

mesin kuih kapit elektrik; bentuk mesin kuih ini agak ringkas; mudah alih, ringan, dan senang dilaraskan; mempunyai roda dan skru bertingkat; dibuat daripada keluli tahan karat; dihasilkan lebih bersih dan selamat; menghasilkan kuih kapit dengan lebih cepat; menyiapkan 250 keping kuih kapit dalam masa sejam

Kemahiran Membaca

Buah betik kaya dengan vitamin A dan C. Daun betik pula dapat merawat penyakit demam denggi. Penemuan terkini ialah fungsi daun betik sebagai penawar penyakit demam denggi. Penemuan tersebut memberikan keyakinan terhadap penggunaan tumbuh-tumbuhan sebagai sumber ubat-ubatan dalam kehidupan manusia. Ekstrak daun betik digunakan untuk meningkatkan kandungan platlet dalam darah. Keberkesanan ekstrak daun betik telah terbukti melalui kajian yang dilakukan oleh sekumpulan pengkaji. Penemuan ini telah memperkenalkan kaedah baharu dalam teknologi perubatan. Kosnya adalah lebih murah dan mudah untuk disediakan. Situasi ini dapat menjimatkan perbelanjaan pesakit. Selain itu, daun betik mudah diperoleh sama ada di kampung atau di bandar-bandar. Daun betik juga bebas daripada sebarang bahan terlarang. Penemuan ini dapat membantu pakar perubatan menyelamatkan nyawa para pesakit berbanding dengan kaedah sebelumnya yang lebih rumit.

Kemahiran Menulis

Laporan Hari Sains dan Teknologi

Pada 29 April 2027, Kelab Sains sekolah telah mengadakan Program Hari Sains dan Teknologi di dewan sekolah. Program ini dianjurkan untuk meningkatkan minat murid terhadap bidang sains dan teknologi.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh pengetua sekolah. Dalam ucapannya, beliau menekankan kepentingan bidang sains dalam kehidupan seharian. Beliau juga berharap lebih ramai murid melibatkan diri dalam bidang sains dan menyertai pertandingan yang dijalankan sepanjang program ini berlangsung.

Sepanjang program berlangsung, pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan seperti pameran sains, pertandingan reka cipta, dan demonstrasi eksperimen. Murid-murid turut mengambil bahagian dengan penuh semangat. Pertandingan reka cipta paling mendapat sambutan dalam kalangan murid-murid kerana mereka diberikan peluang untuk mencipta produk baharu dengan menggunakan bahan kitar semula. Pemenang pertandingan ini juga akan terpilih untuk mewakili sekolah di peringkat kebangsaan dalam pertandingan reka cipta pada bulan hadapan.

Selain itu, terdapat sesi kuiz sains diadakan dan mendapat sambutan yang baik daripada para peserta. Aktiviti ini membantu untuk menguji pengetahuan murid dengan aktiviti yang menyeronokkan. Semua pemenang pertandingan diberikan hadiah yang menarik.

Program ini berjalan dengan lancarnya dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada warga sekolah. Semua aktiviti dapat dilaksanakan mengikut perancangan dan dapat dijalankan dengan lancar dan teraturnya.

Kesimpulannya, program ini sangat bermanfaat kerana dapat memberikan manfaat dan memupuk minat murid terhadap sains dan teknologi. Saya berharap agar program ini dapat dilaksanakan lagi pada masa akan datang.

Laporan disediakan oleh, 2 MEI 2027.

Amir
(AMIR BIN SULAIMAN)
Setiausaha,
Kelab Sains,
SK Guar Nangka.

Aspek Tatabahasa

1. menyiapkan	2. menganugerahkan	3. membentangkan
4. menasihati	5. mematuhi	6. membaiki
7. menyediakan	8. menyampaikan	9. bersaing
10. mengadakan		

UNIT 18 Inovasi Kreatif

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- Bahan-bahan yang kita perlukan ialah 200 mililiter air, 50 gram gula perang, satu gram yis, dan satu botol plastik dua liter.
- Potong separuh botol plastik dengan menggunakan pisau yang tajam. Simpan bahagian atas botol tersebut.
- Kemudian, campurkan gula perang dengan air panas di dalam sebuah bekas. Biarkan campuran itu sejuk.
- Apabila sejuk, tuangkan campuran itu ke dalam bahagian bawah botol yang dipotong itu.
- Selepas itu, tambahkan yis tetapi tidak perlu digaul. Campuran ini akan menghasilkan karbon dioksida.
- Seterusnya, masukkan bahagian atas botol ke dalam potongan botol bahagian bawah tadi.
- Akhir sekali, bungkus botol dengan sesuatu yang hitam dan letakkan di beberapa sudut rumah anda.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Aspek Seni Bahasa

Pada suatu hari, sekolah saya mengadakan pertandingan Inovasi dan Kreativiti yang bertemakan "Ciptaan untuk Masa Hadapan". Semua murid sangat teruja untuk menyertai pertandingan tersebut kerana dapat memberikan peluang kepada kami menunjukkan bakat dan idea masing-masing.

Saya dan rakan-rakan sekumpulan telah mencipta sebuah alat penyiram pokok automatik menggunakan bahan kitar semula. Kami berbincang dan mereka bentuk alat tersebut dengan penuh teliti supaya alat itu dapat berfungsi dengan baiknya. Walaupun menghadapi beberapa cabaran, namun kami tidak mudah berputus asa.

Pada hari pertandingan, kami membentangkan hasil ciptaan kami di hadapan para juri. Mereka sangat kagum akan idea kami yang kreatif dan inovatif kerana alat tersebut dapat menjimatkan air dan memudahkan kerja-kerja penjagaan tanaman.

Akhirnya, kumpulan kami berjaya mendapat tempat kedua dalam pertandingan tersebut. Kami berasa sangat gembira dan bersyukur. Pengalaman ini mengajar saya bahawa kita perlu kreatif supaya dapat menghasilkan sesuatu yang bermanfaat untuk kehidupan.

Praktis Masteri 2

Bahagian A

Tatabahasa

Praktis 2

1. C	2. C	3. A	4. A	5. C
6. B	7. C	8. A	9. C	10. A

Pemahaman Petikan (Teks Tunggal & Teks Pelbagai)

Praktis 2

Teks Tunggal

1. D	2. A	3. B

Teks Pelbagai

4. D	5. B	6. D	7. B

Bahagian B

Tatabahasa dan Pemahaman Petikan

Praktis 2

1. (a) sakit tekak
   (b) Syahira berasa sakit tekak kerana dia gemar minum air sirap yang dijual di kantin sekolah dan gerai jualan air.
   (c) Pada hari ini, suara Syahira menjadi parau selepas bangun daripada tidur.
   (d)

Dengan itu, air sirap yang dijual di kantin dibeli oleh Syahira dan adiknya, Syakila pada setiap hari.	BETUL

Respons Kritis dan Kreatif

Praktis 2

Saya akan memaklumkan situasi sebenar tentang kapal terbang kertas milik saya kepada guru. Saya juga akan menunjukkan bukti, iaitu tulisan nama dan tanda khas pada kapal terbang kertas tersebut kepada guru. Selain itu, saya akan memohon maaf daripada rakan saya itu.

Bahagian C

Penulisan Perenggan

Praktis 2

Pada pendapat saya, kita perlulah memastikan setiap ruang di rumah kita sentiasa bersih. Misalnya, kita hendaklah mengelap habuk-habuk yang melekat pada bunga hiasan dan kipas siling di rumah kita. Selain itu, kita boleh menggunakan pembersih hampa gas untuk menyedut habuk dan kotoran di atas lantai. Seterusnya, surat khabar dan majalah yang sudah tidak digunakan lagi boleh dikumpulkan supaya dapat dilupuskan. Kesimpulannya, kita mesti mengamalkan cara-cara menjaga kebersihan rumah dengan baiknya bagi menjamin kesihatan keluarga.

Bahagian D

Penulisan Karangan

Praktis 2

1. **Karangan Berformat (Surat Kiriman Tidak Rasmi)**

No. 30, Jalan SP9/2,
Taman Salak Perdana,
43900 Sepang,
Selangor.

27 Jun 2027.

Menemui sahabatku, Saudara Matthew yang berada di Sydney, Australia. Semoga saudara sihat sejahtera di samping keluarga tercinta.

Saudara,

Saya ingin mengucapkan terima kasih atas surat saudara yang saya terima dua minggu lalu. Saya amat teruja mendengar cerita saudara tentang pasar pagi yang ada di tempat saudara. Dalam surat ini, saya akan menceritakan perihal pasar malam yang ada di tempat saya pula.

Pasar malam di tempat saya dibuka seawal pukul 4:00 petang. Pasar ini diadakan seminggu sekali. Jalan yang dijadikan tapak pasar malam ditutup lebih awal untuk memudahkan peniaga mendirikan khemah untuk menjual pelbagai jenis barang.

Berbagai-bagai produk dijual di pasar malam di negara saya. Antaranya ialah bahan mentah, perkakas dapur, dan makanan segera. Pakaian, aksesori wanita, barang permainan, bahan audio, dan barangan terpakai turut dijual di pasar malam.

Pasar malam ini kebiasaannya lengang selepas pukul 11:45 malam kerana para pembeli mulai meninggalkan kawasan tapak jualan. Para peniaga pula sibuk berkemas dan menyimpan segala barangan jualan serta membersihkan tapak gerai masing-masing. Begitulah suasana pasar malam yang ada di tempat saya. Semoga kita dapat bertemu dalam lembaran yang lain. Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,
Ahmad Nizam

2. **Karangan Tidak Berformat (Keperihalan)**

Pasar malam dibuka seawal pukul 4:00 petang. Pasar ini diadakan seminggu sekali. Laluan yang dijadikan sebagai tapak pasar malam ditutup lebih awal untuk memudahkan peniaga menyusun barang jualan mereka. Mereka juga mendirikan khemah di tempat yang telah dikhaskan.

Berbagai-bagai produk dijual di pasar malam seperti bahan mentah, perkakas dapur, dan makanan segera. Pakaian, aksesori wanita, barang permainan, bahan audio, dan barangan terpakai juga boleh didapati di pasar malam.

Kendatipun begitu, tidak semua pengunjung yang datang ke pasar malam berhasrat untuk berbelanja. Ada antara mereka yang hanya mundar-mandir sambil meninjau harga barangan tertentu. Ada juga yang menjadikan pasar malam sebagai medan pertemuan.

Gerai yang popular di pasar malam biasanya menggunakan audio untuk melariskan barangan jualan. Pembesar suara bergema dari pelbagai arah untuk menguar-uarkan jualan murah, jualan lelong, dan barangan baharu yang sedang hangat dalam pasaran.

Pasar malam ini kebiasaannya lengang selepas pukul 11:45 malam kerana para pembeli mulai meninggalkan kawasan tapak jualan. Para peniaga pula sibuk berkemas dan menyimpan segala barangan jualan serta membersihkan tapak gerai masing-masing.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

UNIT 19 Penternakan Janakan Pendapatan

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Umar: Apakah sikap itu Sharil? Bolehkah kamu kongsikan dengan kami?

Sharil: Pada saya, Encik Aziz terpilih sebagai Tokoh Penternak Jaya kerana kegigihannya menempuh pelbagai rintangan dalam mengusahakan ternakannya. Selain itu, beliau berpegang pada prinsip sepakat membawa berkat. Menurutnya, ahli keluarganya merupakan tulang belakang kejayaannya.

Daus: Benar, Sharil. Apa-apa sahaja yang kita lakukan, kita tidak boleh membelakangkan peranan ahli keluarga kita.

Umar: Apakah ternakan yang diusahakan oleh beliau?

Sharil: Beliau menternak ikan kelah. Pada peringkat awal, beliau mengusahakan sebuah kolam sahaja. Kini, beliau berjaya mengendalikan lima buah kolam ternakan ikan kelah. Menurut beliau, banyak cabaran yang dihadapi sepanjang lima tahun menternak ikan kelah ini. Antaranya termasuklah penyakit yang menyerang ikan-ikan peliharaannya, kolam yang diracun oleh pesaing, dan permintaan yang berkurangan. Walau bagaimanapun, berkat ketabahan dan kesabaran beliau, masalah tersebut dapat diatasi dengan baiknya.

Umar: Barulah kami tahu bahawa sesuatu kejayaan itu tidak mudah untuk dicapai. Namun begitu, kejayaan pasti menjelma jika kita rajin dan saling bekerjasama.

Kemahiran Menulis

Jawapan murid

Aspek Tatabahasa

1. Program jualan hasil pertanian diadakan di Dataran Masjid Darul Qiyyam pada hari Sabtu.
2. Bilakah program jualan hasil pertanian di Dataran Masjid Darul Qiyyam diadakan?
3. Wah, murahnya harga barangan yang dijual di program tersebut!
4. Jemput datang beramai-ramai ke program jualan hasil pertanian itu.

UNIT 20 Rezeki daripada Tanah

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- Berdasarkan berita yang saya dengar, saya berpendapat bahawa usaha memperkenalkan program GS oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) seharusnya dipuji dan dihargai kerana berjaya memupuk minat para murid terhadap bidang pertanian dan menanam sikap menghargai pertanian dalam diri mereka.
- Kita sedia maklum bahawa pertanian merupakan sektor terpenting dalam menghasilkan sumber makanan bagi sesebuah negara. Oleh itu, sumber modal insan yang mahir dan berpengetahuan dalam bidang pertanian amat diperlukan oleh negara dalam usaha untuk memajukan dan meningkatkan hasil keluaran dalam sektor pertanian.
- Usaha MARDI mengetengahkan program yang mengaplikasikan sains dan teknologi serta kemahiran, kepimpinan, dan keusahawanan merupakan suatu inisiatif untuk melahirkan lebih banyak generasi muda menceburi sektor pertanian.

Kemahiran Membaca

1. BETUL 2. SALAH 3. SALAH 4. BETUL

Pada pendapat saya, kita perlu menghargai rezeki daripada tanah kerana rezeki itu merupakan sumber makanan utama yang menyokong kehidupan manusia. Selain itu, usaha petani perlu dihargai dan kita harus bersyukur atas nikmat yang diberikan oleh Tuhan.

Aspek seni Bahasa

1. Ilmu itu pelita hidup
   علمو ايت ڤليتا هيدوڤ
2. Muafakat itu berkat
   موافقت ايت بركت
3. bertangguh itu pencuri masa
   برتڠكوه ايت ڤنچوري ماس
4. Kata mesti dikota
   كات مستي دكوتا

UNIT 21 Dunia Tani dan Ternak

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

mata pisau cukur, plastik pembungkus lut sinar; pokok bunga kertas; pucuk pokok yang hendak dicantumkan; ke dalam segelas air; pucuk itu layu; belah ranting penanti itu; hujung yang berbentuk taji; celah ranting yang dibelah tadi; serkupkan pucuk yang telah dicantumkan dengan plastik lut sinar; kehilangan air yang banyak; titisan air dibebaskan oleh pucuk yang baru dicantumkan

Kemahiran Menulis

Pada pendapat saya, buah kurma ialah makanan yang sangat berkhasiat kerana membekalkan tenaga segera melalui gula semula jadi dan kaya dengan serat yang dapat membantu pencernaan. Selain itu, kurma baik untuk kesihatan jantung kerana mengandungi kalium dan magnesium serta mempunyai antioksidan yang melindungi sel badan. Kurma juga menyumbang kekuatan tulang melalui kandungan mineral yang penting. Namun begitu, pengambilan kurma perlu diamalkan secara sederhana kerana kurma mempunyai kandungan gula dan kalori yang sangat tinggi.

Aspek Tatabahasa

1. Pak Ali menanam sayur di kebunnya dan menternak ayam kampung.
2. Petani itu bekerja keras setiap hari kerana dia ingin meningkatkan hasil ternakannya.
3. Walaupun cuaca panas terik, para penternak tetap memberikan makanan kepada haiwan ternakan dan memastikan kandang sentiasa bersih.
4. Hasil tanaman akan menjadi lumayan jika petani menggunakan baja yang berkualiti dan melakukan penjagaan yang rapi.
5. Penternak lembu itu berjaya kerana dia rajin berusaha serta mengurus ternakannya dengan baiknya.

UNIT 22 Sumber Ekonomi

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- Pulau Langkawi; pakej percutian; menarik dan berpatutan
- penginapan hotel, makanan, lawatan ke tempat pelancongan yang utama, dan pengangkutan

Kemahiran Membaca

Mengkuang ialah sejenis tumbuhan berduri yang tumbuh meliar. Banyak barang yang dapat dihasilkan daripada mengkuang seperti tudung saji, tikar, dan bakul. Harga barangan yang dihasilkan daripada mengkuang agak tinggi kerana tumbuhan ini sukar diperoleh. Selain itu, tidak banyak orang yang mempunyai kemahiran dalam seni kraf mengkuang.

Golongan muda sering menganggap kerja-kerja anyaman mengkuang sesuatu yang rumit. Situasi ini menyebabkan mereka kurang berminat untuk menceburi seni anyaman tersebut.

Bidang anyaman mengkuang mampu menjanakan pendapatan lumayan melalui kepelbagaian barangan yang dihasilkan seperti tikar, bakul, dan tudung saji. Bidang anyaman boleh dijadikan industri yang berkembang maju kerana permintaan terhadap produk-produk tersebut masih tinggi.

Proses membuat barangan daripada mengkuang tidaklah serumit yang disangka. Namun begitu, penghasilan produk daripada mengkuang ini memerlukan kesabaran dan ketelitian.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kita hendaklah membuka pintu kepada sesiapa sahaja terutama golongan muda yang berminat untuk mempelajari ilmu anyaman mengkuang. Hal ini dapat memastikan seni warisan tersebut tidak hilang begitu sahaja.

Kemahiran Menulis

Pada pendapat saya, masalah penurunan hasil jualan sayur dan hasil tanaman yang terjejas boleh diatasi dengan beberapa langkah yang berkesan. Pertama, Akim dan Aiman perlu menggunakan baja yang berkualiti dan racun perosak yang sesuai bagi memastikan tanaman tumbuh sihat dan tidak mudah rosak. Selain itu, mereka boleh mempelajari kaedah pertanian moden seperti penggunaan teknologi dan sistem pengairan yang lebih efisien untuk mengatasi masalah cuaca tidak menentu. Di samping itu, mendapatkan khidmat nasihat daripada pegawai pertanian dapat membantu mereka mengenal pasti punca masalah tersebut dengan lebih tepat. Dengan usaha yang berterusan dan ilmu yang betul, sumber ekonomi Aiman dan Akim dapat ditingkatkan semula.

UNIT 23 Usahawan Berjaya

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- mendapatkan maklumat mengenai produk yang dikeluarkan
- jenis-jenis kerepek yang dihasilkan
- kerepek ubi kayu asli, kerepek ubi kayu berperisa barbeku, lada hitam, ayam, kerepek ubi kayu pedas basah, dan kerepek ubi kayu pedas kering
- sedap sungguh rasa kerepek ini; tersohor ke serata tempat
- mengadakan pakej jualan secara borong dengan harga promosi; penduduk sekitar yang mementingkan kebersihan

Kemahiran Membaca

1. Halangan atau kesukaran yang perlu dihadapi
2. Sangat kuat atau hebat persaingannya
3. Mempunyai pengaruh, keyakinan, dan dihormati
4. Sifat sabar dan tidak mudah berputus asa dalam menghadapi kesusahan
5. Tekad yang kuat untuk mencapai sesuatu tujuan
6. Rajin berusaha dan tidak mudah menyerah kalah
7. Mampu mencipta atau memperkenalkan idea baharu
8. Sangat terkenal atau masyhur
9. Mempunyai kedudukan atau taraf yang tinggi dan dihormati
10. Keadaan hidup yang sejahtera dan kaya dengan rezeki

UNIT 24 Bijak Mengurus Wang

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Sarah: Jika kita menabung, kita dapat menampung perbelanjaan persekolahan seperti membeli buku-buku rujukan, membayar yuran sekolah, dan yuran kelas bimbingan luar. Namun begitu, kita haruslah menabung dalam jumlah yang konsisten pada setiap bulan dan wang simpanan ini tidak dibelanjakan untuk kepentingan peribadi.

Fawaz: Pada pendapat saya, wang tabungan itu dapat digunakan pada waktu kecemasan. Peribahasa Melayu ada mengatakan malang tidak berbau kerana nasib buruk seseorang itu sukar dijangkakan oleh sesiapa. Oleh itu, wang tabungan ini dapat membantu apabila kita menghadapi kesusahan.

Yasmin: Amalan menabung juga penting untuk kelangsungan hidup pada hari tua. Sikap rajin menabung semasa muda dan sihat akan menyenangkan kehidupan pada hari tua. Sekiranya seseorang menabung lebih awal, maka wang simpanannya akan menjadi lebih banyak. Wang yang disimpan ini amat penting untuk kos perubatan dan sara hidup ketika masa tua.

Kemahiran Membaca

1. Menjamin masa depan yang lebih baik
   - Wang simpanan boleh digunakan untuk keperluan pada masa hadapan.
2. Membantu ketika kecemasan
   - Tabungan boleh digunakan jika berlaku perkara yang tidak dijangka.
3. Membentuk sikap berjimat cermat
   - Seseorang akan lebih bijak mengurus perbelanjaan harian.
4. Meningkatkan kestabilan kewangan
   - Simpanan yang mencukupi dapat memastikan kehidupan lebih teratur dan terjamin.

Kemahiran Menulis

Ciri pengguna yang bijak termasuklah sentiasa membuat senarai barang yang hendak dibeli. Amalan ini akan mengelakkan pembaziran kerana pengguna tidak akan membeli barangan yang bukan keperluan. Selain itu, pengguna digalakkan untuk membeli barangan keperluan utama secara pukal kerana barangan yang dibeli secara borong akan mendapat harga yang lebih murah. Seterusnya, pengguna hendaklah membuat perbandingan harga sebelum membeli sesuatu barangan. Misalnya, pengguna menggunakan media sosial bagi mendapatkan maklumat tentang harga sesuatu barangan. Akhir sekali, pengguna haruslah mengelakkan diri daripada membeli barangan secara berhutang. Berbelanjalah mengikut kemampuan diri. Kesimpulannya, sebagai pengguna, kita hendaklah bijak mengurus kewangan kita semasa berbelanja.

UNIT 25 Amanah Sejagat

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- Benar, Andrian. Pada pendapat saya, langkah paling ampuh adalah dengan mendidik anak-anak supaya mencintai sungai. Guru-guru dan ibu bapa hendaklah menanam sikap ini sejak mereka kecil kerana melentur buluh biarlah daripada rebungnya.
- Selain itu, pihak kerajaan hendaklah mengadakan kempen Sayangi Sungai untuk mendidik masyarakat agar tidak membuang sampah ke dalam sungai. Dengan ini, sungai akan sentiasa bersih, jernih, dan dapat mengalir dengan lancarnya.
- Kerajaan juga perlu menguatkuasakan undang-undang supaya air kumbahan dirawat dan bahan kimia ditapis sebelum disalirkan ke sungai. Seterusnya, kerajaan hendaklah bertindak tegas terhadap individu yang mencemarkan sungai.

Kemahiran Menulis

1. Jawatan pengawas diamanahkan kepada murid yang bersahsiah tinggi dan cemerlang dari segi akademik dan kokurikulum supaya mereka dapat menjadi suri teladan dan ikutan kepada murid-murid lain.
2. Nilai dan ciri-ciri kepimpinan harus dipupuk sejak seseorang itu di bangku sekolah kerana proses membentuk dan melahirkan pemimpin yang terbaik memerlukan masa yang lama. Walaupun bakat kepimpinan seseorang biasanya telah dapat dilihat sejak usia kanak-kanak, namun bakat yang dimiliki oleh kanak-kanak itu perlu dipupuk dan dikembangkan sepenuhnya. Oleh sebab itu, perancangan awal diperlukan untuk melahirkan pemimpin yang baik, ibarat peribahasa melentur buluh biarlah waktu rebungnya.

Aspek Tatabahasa

1. Amir tetap meneruskan latihan walaupun dia berasa penat kerana dia ingin mewakili sekolah dalam pertandingan olahraga.
2. Kakak membaca buku di ruang tamu sementara adik menonton televisyen yang dipasang dengan kuatnya.
3. Apabila hujan turun dengan lebatnya sehingga jalan raya menjadi licin, para pemandu dinasihatkan agar berhati-hati.
4. Murid-murid itu tekun mengulang kaji pelajaran kerana mereka ingin lulus dengan cemerlangnya dalam ujian dan ingin melanjutkan pelajaran ke universiti.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

5. Pak Abu menanam sayur-sayuran di kebun untuk dijual di pasar kerana dia ingin memperoleh pendapatan tambahan.

UNIT 26 Integriti Nadi Kemakmuran Negara

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- Golongan yang boleh divaksinasi hendaklah menunaikan tanggungjawab mereka. Tindakan ini bukan sahaja dapat menyelamatkan diri sendiri, tetapi juga dapat menyelamatkan golongan yang tidak layak mendapat vaksinasi kerana masalah kesihatan.
- Rakyat Malaysia yang bertanggungjawab haruslah mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan untuk menangani penularan COVID-19. Garis panduan tersebut bukan sahaja untuk menyelamatkan diri kita tetapi juga orang lain. Antara garis panduan yang harus dipatuhi termasuklah memakai pelitup muka, mengekalkan penjarakan fizikal, menghindari tempat yang sesak, dan kerap mencuci tangan.

Kemahiran Menulis

1. Integriti bermaksud sikap jujur, amanah, dan bertanggungjawab.
2. Integriti penting dalam kalangan pemimpin untuk memastikan segala keputusan yang dibuat telus dan mengutamakan kepentingan rakyat.
3. Amir menyerahkan dompet tersebut kepada guru untuk dipulangkan kepada pemilik dompet itu.
4. Nilai murni yang ditunjukkan oleh Amir ialah nilai kejujuran dan amanah kerana dia tidak mengambil wang yang terdapat di dalam dompet itu walaupun tiada sesiapa yang melihat.
5. Pada pendapat saya, kesan terhadap masyarakat jika nilai integriti tidak diamalkan termasuklah menyebabkan berlakunya rasuah, hilang kepercayaan, dan masyarakat hidup dalam suasana yang tidak harmoni.
6. Mengadakan program kesedaran; Memberikan didikan moral; Menunjukkan teladan yang baik

Aspek Seni Bahasa

Rangkap 1
Pergi ke pekan membeli kain,
Singgah sebentar di kedai lama;
Amalkan budi bahasa dengan yakin,
Menjadi warisan sepanjang masa.

Rangkap 2
Burung merpati terbang tinggi,
Hinggap sebentar di dahan sena;
Tutur kata dijaga rapi,
Agar hidup sentiasa bahagia dan penuh warna.

Rangkap 3
Ke sawah padi pada waktu pagi,
Menuai hasil bersama-sama rakan tercinta;
Budaya hormat-menghormati sesama diri,
Mengeratkan hubungan sesama kita.

Rangkap 4
Pergi bercuti di safari,
Bersama keluarga hati ceria;
Amalkan budi setiap hari,
Itulah budaya bangsa mulia.

UNIT 27 Kejujuran Asas Jati Diri

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- sikap mereka yang mementingkan diri dan ingin hidup mewah sehingga lupa akan tanggungjawab yang dipikul oleh mereka
- kepercayaan terhadap pentadbiran negara
- menolak amalan rasuah; membanteras rasuah
- pihak luar lebih yakin; akan melabur di negara kita; peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia

Kemahiran Menulis

Pada suatu pagi yang cerah, Amir berjalan ke sekolah seperti biasa. Dia seorang murid yang sangat peramah dan disenangi oleh rakan-rakannya. Dalam perjalanan ke sekolah, dia terjumpa sebuah dompet di tepi jalan. Dompet itu kelihatan baharu dan mengandungi wang serta kad pengenalan.

Amir berasa terkejut dan buntu seketika. Dia memikirkan sama ada mahu menyimpan dompet itu atau menyerahkan dompet itu kepada pihak yang berkenaan. Namun, dia teringat akan pesanan gurunya bahawa kejujuran merupakan asas jati diri seseorang yang mulia. Amir memutuskan untuk bersikap jujur. Tanpa berlengah, Amir terus membawa dompet tersebut ke sekolah. Setibanya di sekolah, dia menyerahkan dompet itu kepada guru kelasnya.

Guru kelasnya memuji sikap jujur Amir dan berjanji akan mengumumkan kehilangan dompet itu kepada semua murid. Amir dan guru kelas menunggu pemilik dompet mengambil dompet tersebut.

Tidak lama kemudian, pemilik dompet itu datang ke sekolah untuk mengambil dompetnya semula. Dia berasa sangat bersyukur kerana wang dan dokumen pentingnya masih selamat. Pemilik dompet itu sangat menghargai kejujuran Amir dan mengucapkan terima kasih kepada Amir.

Berita tentang kejujuran Amir tersebar di seluruh sekolah. Ramai rakan dan guru memuji sikapnya yang tidak tamak. Sejak hari itu, kejujuran Amir menjadi contoh kepada murid lain. Dia sedar bahawa kejujuran bukan sahaja membuatkan dia dihormati oleh orang lain, malah dapat membentuk jati diri yang kuat dalam dirinya.

Praktis Masteri 3

Bahagian A

Tatabahasa

Praktis 3

1. A	2. B	3. C	4. C	5. B
6. C	7. A	8. A	9. C	10. C

Pemahaman Petikan (Teks Tunggal & Teks Pelbagai)

Praktis 3

Teks Tunggal

1. D	2. A	3. C

Teks Pelbagai

4. C	5. B	6. D	7. B

Bahagian B

Tatabahasa dan Pemahaman Petikan

Praktis 3

1. (a) 8:00 pagi
   (b) Penduduk Taman Dahlia dinasihatkan agar menjaga keselamatan diri semasa menjalankan tugas masing-masing kerana mereka menggunakan peralatan tajam yang dapat menyebabkan kecederaan seperti parang dan cangkul.
   (c) Mereka akan membersihkan kawasan taman perumahan.
   (d)

Mereka diminta untuk memastikan keselamatan diri terjamin semasa menjalankan tugas masing-masing.	BETUL

Respons Kritis dan Kreatif

Praktis 3

Saya akan mengira bilangan lembaran kerja yang kurang. Kemudian, saya akan memberitahu guru ganti tentang hal tersebut. Saya juga akan meminta izin daripada guru ganti itu untuk membuat salinan

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

lembaran kerja tersebut di pejabat. Saya akan memastikan salinan yang dibuat itu diambil daripada lembaran kerja yang belum bertulis lagi.

Bahagian C

Penulisan Perenggan
Praktis 3

Pada pendapat saya, masa lapang ialah masa yang terluang selepas waktu persekolahan, hari minggu, dan cuti umum. Pada masa terluang ini, kita boleh beriadah atau berjoging untuk menjaga kesihatan rohani dan jasmani. Selain itu, aktiviti bermain layang-layang bersama ahli keluarga juga dapat menghiburkan hati dan menenangkan fikiran. Seterusnya, memancing ikan atau udang galah di tepi sungai juga boleh dilakukan bagi individu yang meminati aktiviti tersebut. Kesimpulannya, aktiviti yang dilakukan mestilah memberikan manfaat kepada kita.

Bahagian D

Penulisan Karangan
Praktis 3

1. Karangan Berformat (Ceramah)

Yang saya hormati Tuan Pengerusi Majlis, Yang Berusaha Tuan Adnan bin Hussin, jawatankuasa penduduk, dan hadirin sekalian. Saya Hadif bin Malik mewakili Pejabat Kesihatan Daerah ingin mengucapkan terima kasih kerana mengundang saya menyampaikan ceramah tentang "Langkah-langkah Mencegah Keracunan Makanan".

Hadirin sekalian,

Kita boleh mengelakkan keracunan dengan memastikan makanan tidak terdedah. Oleh itu, kita perlulah menjaga kualiti makanan daripda dicemari oleh lalat, lipas, dan tikus.

Selain itu, kita hendaklah membasuh buah-buahan dan sayur-sayuran sebelum dimakan atau sebelum dimasak. Hal ini dikatakan demikian kerana proses penyediaan makanan yang bersih dapat memastikan kebersihan makanan yang disediakan. Hal ini dapat mengelakkan terjadinya keracunan makanan.

Hadirin yang dihormati,

Kita juga hendaklah membasuh tangan hingga bersih sebelum menyentuh makanan. Langkah ini dapat mengelakkan kekotoran atau bakteria yang ada pada tangan daripada mencemari makanan. Walaupun makanan yang diambil bersih, namun keracunan makanan dapat berlaku jika tangan kita kotor dan tercemar oleh bakteria.

Akhir kata daripada saya, makanan yang bersih amat penting untuk mendapatkan kesihatan yang unggul. Oleh itu, semua pihak perlu berganding bahu untuk mengelakkan keracunan makanan agar kesihatan kita terjamin. Sekian, terima kasih.

2. Karangan Tidak Berformat (Fakta)

Keracunan makanan dapat menjejaskan kualiti hidup manusia. Oleh itu, kita perlulah menjaga kualiti makanan daripada dicemari oleh lalat, lipas, dan tikus.

Kita boleh mengelakkan keracunan makanan dengan memastikan makanan tidak terdedah. Misalnya, hidangan mestilah ditutup dengan tudung saji. Oleh itu, makanan tersebut tidak tercemar oleh bakteria atau dihinggapi lalat.

Selain itu, kita hendaklah membasuh buah-buahan dan sayur-sayuran sebelum dimakan atau sebelum dimasak. Hal ini dikatakan demikian kerana proses penyediaan makanan yang bersih dapat memastikan kebersihan makanan yang disediakan. Langkah ini dapat mengelakkan terjadinya keracunan makanan.

Seterusnya, kita hendaklah membasuh tangan hingga bersih sebelum menyentuh makanan. Langkah ini dapat mengelakkan kekotoran atau bakteria yang ada pada tangan daripada mencemari makanan. Walaupun makanan yang diambil bersih, namun keracunan makanan dapat berlaku jika tangan kita kotor dan tercemar oleh bakteria.

Kesimpulannya, makanan yang bersih dan seimbang amat penting untuk mendapatkan kesihatan yang unggul. Oleh itu, semua pihak perlu berganding bahu untuk mengelakkan keracunan makanan agar kesihatan kita terjamin.

Praktis Lanjutan

Bahagian A

Tatabahasa
Praktis 4

1. D	**2.** C	**3.** A	**4.** A	**5.** A
6. C	**7.** A	**8.** C	**9.** A	**10.** D

Pemahaman Petikan (Teks Tunggal & Teks Pelbagai)
Praktis 4

Teks Tunggal

1. D **2.** D **3.** B

Teks Pelbagai

4. D **5.** A **6.** C **7.** D

Bahagian B

Tatabahasa dan Pemahaman Petikan
Praktis 4

1. (a) dia tidak dapat menghadiri majlis perkahwinan abang Zainal
(b) Yusnita meminta Zainal berkongsi gambar pengantin untuk dimasukkan dalam buku skrap Pakaian Tradisional miliknya.
(c) Saya dan keluarga ingin memohon maaf daripada saudara kerana tidak dapat menghadiri majlis perkahwinan kakanda saudara tempoh hari.
(d)

Tujuan e-mel itu adalah untuk meminta maaf dan meminta gambar-gambar pengantin.	BETUL

Respons Kritis dan Kreatif
Praktis 4

Saya akan memberitahu ibu dan meminta izin untuk menggunakan telefon. Seterusnya, saya akan menghubungi rakan saya melalui telefon untuk memaklumkan hal tersebut. Saya juga akan memohon maaf atas kesilapan yang berlaku. Saya dan ibu akan menghantar buku itu ke rumah rakan.

Bahagian C

Penulisan Perenggan
Praktis 1

Pada pendapat saya, kita hendaklah mengetahui cara-cara melintas jalan raya yang selamat untuk mengelakkan kemalangan daripada berlaku. Antaranya, kita perlulah menggunakan lampu isyarat pejalan kaki ketika melintas jalan. Selain itu, tindakan mendapatkan bantuan daripada pengawal lalu lintas membolehkan murid-murid melintas jalan dengan selamatnya. Seterusnya, orang dewasa mestilah memimpin tangan kanak-kanak semasa melintas jalan bagi mengelakkan berlakunya tragedi. Tuntasnya, pengguna jalan raya perlu bijak dan memberikan perhatian terhadap peraturan jalan raya untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini daripada berlaku.

Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA)

Bahagian A

1. C	**2.** B	**3.** D	**4.** A	**5.** A
6. D	**7.** C	**8.** C	**9.** D	**10.** A

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian B

Soalan 1

(a) tangisan Sang Rusa

(b) Sang Rusa bersedih kerana anaknya hilang/tersesat di dalam hutan ketika mencari makanan.

(c) Sang Kancil juga bertanya kepada haiwan-haiwan lain seperti Sang Arnab dan Sang Burung.

(d)

Sang Kancil yang bijak mencadangkan dirinya untuk membantu Sang Rusa mencari anaknya.	BETUL

Soalan 2

Berdasarkan situasi di atas, tindakan yang boleh dilakukan oleh Amir ialah dia perlu mendekati orang tua itu dan membantunya melintas jalan dengan selamatnya. Dia juga perlu memastikan kenderaan berhenti sebelum melintas jalan. Sekiranya terdapat lampu isyarat di jalan itu, Amir perlu memastikan lampu isyarat bertukar kepada warna merah sebelum membantu orang tua itu melintas jalan.

Bahagian C

Pada pendapat saya, cara menjaga keselamatan diri di taman permainan ialah kita hendaklah memeriksa peralatan permainan dan mengawasi persekitaran sekeliling supaya peralatan yang akan digunakan tidak rosak. Selain itu, kita perlu menggunakan peralatan dengan betulnya mengikut cara penggunaan yang betul agar alat permainan itu tidak rosak. Akhir sekali, kita perlu mendapatkan bantuan jika berlaku kecemasan atau kecederaan seperti memberitahu ibu bapa atau orang dewasa yang berada di kawasan itu.

Bahagian D

1. Karangan Berformat (Surat Kiriman Tidak Rasmi)

No 39, Jalan Harmoni,
Taman Bunga Melati,
31200 Ipoh,
Perak.

10 Januari 2027.

Menemui sahabatku, Alisya. Semoga saudari dan keluarga berada dalam keadaan sihat sejahtera.

Suadari,

Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk menceritakan pengalaman saya berkelah bersama keluarga pada cuti sekolah yang lalu. Untuk pengetahuan saudari, aktiviti perkelahan ini merupakan aktiviti pertama kami meluangkan masa bersama pada bulan itu.

Seawal pukul 6:00 pagi, saya dan keluarga bersiap-siap untuk pergi berkelah di taman rekreasi. Ibu bangun awal untuk menyediakan makanan untuk dibawa ke tempat perkelahan. Antara makanan yang dimasak oleh ibu ialah bihun goreng, ayam goreng, nasi lemak, dan kentang goreng. Selepas kami semua bersiap, ayah memasukkan barang-barang ke dalam kereta. Saya dan adik berasa sangat gembira.

Perjalanan kami ke tempat perkelahan mengambil masa lebih kurang tiga jam dari rumah saya. Saya dan adik berasa sangat teruja kerana kami dapat melihat pemandangan yang cantik dan indah. Kami tiba di tempat perkelahan pada pukul 12 tengah hari. Kami melihat orang ramai sudah memenuhi kawasan perkelahan di situ. Tanpa membuang masa, ayah terus membentangkan tikar di bawah pokok yang rendang. Ibu pula menyusun makanan di atas tikar. Suasana di pantai itu sangat nyaman dan indah.

Saya menemani adik mandi pantai dan membina istana pasir sementara menunggu ibu menyusun makanan. Kemudian, kami menikmati makanan yang dimasak oleh ibu bersama-sama. Kami makan sambil berbual mesra. Selepas makan, saya dan adik bermain bola dan layang-layang. Sebelum pulang, kami mengutip semua sampah dan membuangnya ke dalam tong sampah. Ayah mengingatkan kami supaya sentiasa menjaga kebersihan. Kami pulang ke rumah dengan hati yang gembira. Saya sangat seronok dapat meluangkan masa bersama keluarga. Pengalaman berkelah itu menjadi kenangan yang manis untuk saya.

Setakat ini sahaja surat saya pada kali ini. Semoga kita dapat bertemu pada kesempatan yang lain. Akhir kata, sampaikan salam saya kepada keluarga saudari di sana. Sekian, terima kasih.

Yang benar,
Aqilah

2. Karangan Tidak Berformat (Cerita)

Pada hujung minggu yang lalu, saya dan keluarga berkelah di sebuah pantai yang indah. Kami bertolak pada awal pagi supaya dapat menikmati udara yang segar. Ayah memandu kereta dengan berhati-hati. Saya dan adik berasa sangat teruja.

Setelah tiba di pantai, kami mencari tempat yang redup di bawah sebatang pokok besar. Ayah membentangkan tikar sementara ibu menyusun makanan di atas tikar. Suasana di pantai sangat nyaman dan kawasan itu dipenuhi dengan pokok. Terdapat juga ramai pengunjung yang datang bersama keluarga mereka.

Selepas itu, kami menikmati pelbagai makanan yang dibawa dari rumah seperti nasi lemak, buah-buahan, dan kuih-muih. Kami makan bersama-sama sambil berbual-bual. Selepas selesai makan, saya dan adik bermain bola tampar. Ayah pula mengambil gambar kami sebagai kenangan.

Sebelum pulang, kami mengutip semua sampah dan memasukkannya ke dalam plastik sebelum dibuang ke dalam tong sampah. Ayah sentiasa mengingatkan kami supaya menjaga kebersihan alam sekitar. Sikap ini penting agar kawasan pantai sentiasa bersih dan selesa untuk dikunjungi oleh orang ramai.

Saya berasa sangat seronok kerana dapat meluangkan masa bersama keluarga. Pengalaman berkelah itu menjadi kenangan yang manis buat kami sekeluarga. Saya berharap agar dapat berkelah lagi pada masa hadapan.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Modul Pro PBD

Bahasa Melayu

TAHUN 6

KSSR Semakan

Siri Modul Pro PBD diterbitkan khas untuk menyokong pelaksanaan **Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)** selaras dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia.

Siri ini memberi penekanan kepada **PBD Formatif** yang membimbing murid untuk membina kefahaman dan menguasai kemahiran, serta **PBD Sumatif** yang menilai pencapaian murid pada akhir sesuatu tempoh pembelajaran mengikut format **Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA)**.

Siri ini turut menyediakan bahan sokongan digital yang mesra pengguna bagi menyokong **Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)** abad ke-21.

Gabungan pentaksiran berfokus, latihan berstruktur dan sokongan digital ini diyakini dapat meningkatkan kualiti pembelajaran serta pencapaian murid.

CIRI-CIRI ISTIMEWA BUKU

Nota

PBD Formatif

- Praktis Topikal
- Koridor Peribahasa
- Pendidikan Sivik
- Aktiviti PAK-21 dan PKJR
- KBAT dan i-THINK

PBD Sumatif

- Praktis Masteri
- Praktis Lanjutan
- Ujian Pertengahan Sesi Akademik (UPSA)
- Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA)

* *Disertakan JSU*

BAHAN SOKONGAN DIGITAL

Kod QR

- Info
- Video
- Audio
- Kuiz Gamifikasi

SUMBER EKSKLUSIF GURU

EG-i EDISI GURU INTERAKTIF dengan Butang JAWAPAN

- AI Buddy
- Edisi Guru PDF
- e-RPH
- Bonus PdPc
- Praktis Penguasaan
- Praktis Lanjutan
- Bank Soalan UASA
- Lain-lain

ePelangi+

https://plus.pelangibooks.com/

Judul-judul dalam Modul Pro PBD

Subjek / Tahun	4	5	6
Bahasa Melayu	✓	✓	✓
English	✓	✓	✓
Matematik	✓	✓	✓
Mathematics	✓	✓	✓
Sains	✓	✓	✓
Science	✓	✓	✓
Sejarah	✓	✓	✓

Judul-judul dalam MODUL MASTERI PBD

Subjek / Tahun	4	5	6
Pendidikan Islam	✓	✓	✓
Pelajaran Jawi	✓	✓	✓
Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan	✓	✓	✓

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Beli dalam talian:

www.pelangibooks.com

Fuel Your Learning Journey

Berhubung dengan kami:

Pelangi Publishing Pelangi Books Gallery

PENERBITAN PELANGI SDN. BHD. (198201009396)

W.M: RM11.95 / E.M: RM12.35

AAMWBM2706013AS

ISBN: 978-629-457-235-5

9 786294 572355